

DN.31.7.2000

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 31 Julai 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli yang baru dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau menimbangkan kemungkinan memberi diskaun sekurang-kurangnya 5% dari harga rumah kos rendah dan sederhana kepada mereka yang berpendapatan kurang dari RM1,000 (dari semua kaum) seperti yang diberikan kepada pembeli bumiputera

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk memberi diskaun bagi pembelian rumah kos rendah oleh kerana kerajaan telah mengkaji

dengan teliti untuk mewujudkan satu sistem pengagihan rumah kos rendah dengan mengawal harga jualan dan spesifikasi rumah kos rendah. Oleh yang demikian, tidak timbul soal pemberian diskaun di dalam pengagihan rumah kos rendah kerana dari segi pengagihannya ianya telah mengambil kira golongan sasar yang benar-benar layak dan harga rumah kos rendah masih rendah daripada harga pasaran dan masih bergantung pada subsidi silam.

Walau bagaimanapun, bagi rumah kategori yang lain dari rumah kos rendah seperti rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana, pemberian diskaun boleh dibuat oleh pemaju atau dengan keputusan pihak berkuasa negeri sekiranya pembangunan tanah projek perumahan yang berkenaan terikat dengan syarat-syarat dan kawalan kerajaan negeri. Sekian.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan yang kerajaan dalam usaha untuk memberi kemudahan kepada orang yang kurang mampu membeli rumah, empat skim untuk sewa dan sewa beli dan skim ini masih tidak begitu jelas kerana ada yang hendak beli tetapi kerajaan mengatakan peraturan terpaksa sewa. Jadi, bolehkah pihak kementerian menerangkan kedudukan yang sebenar. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya skim sewa rumah pangsa ini sudah dicadangkan oleh kerajaan beberapa tahun dahulu, dan pada masa sekarang skim ini sedang dijalankan dan sebahagian daripada jumlah 35,000 di Kuala Lumpur sudah disiapkan dan juga disewakan kepada golongan sasar iaitu yang berpendapatan rendah dan tidak mampu membeli rumah-rumah kos rendah terutamanya apabila rumah kos rendah di Kuala Lumpur ini sudah dibenarkan untuk naik harga sampai RM42,000 seunit. Oleh sebab itu, maka ada isi keluarga-keluarga yang berpendapatan sebulan itu ada lah lebih rendah daripada RM1,250 sebulan. Oleh yang demikian, mereka yang tidak mampu membeli rumah kos rendah di Kuala Lumpur ini digalakkan untuk menyewa unit-unit berkenaan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kita akan cuba lagi memberi pengetahuan kepada orang umum melalui press media mengenai syarat-syarat yang dikenakan kepada penyewa-penyewa unit rumah pangsa ini.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah boleh sewaan yang diberi itu ditukar ke pada sewa-beli kerana seperti mana Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa ramai rakyat kita yang tidak mampu, apatah lagi dengan harga rumah yang meningkat kepada RM42,000, jadi dengan sewa-beli itu mungkin rakyat dapat memiliki rumah pada satu hari. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini adalah salah satu cadangan yang telah kita bincangkan hasil daripada pendapat seperti Yang Berhormat dan lain-lain, banyak orang lagi mencadangkan supaya kita gunakan sewa ini sebagai bayaran bulanan untuk mendapatkan rumah secara beli dari rumah kos rendah itu. Tetapi saya ingin maklumkan di sini sewa itu hanya RM124 sebulan. Dengan sewa yang rendah semacam itu, pihak 'DBKU' yang mengendalikan flet-flet ini atau rumah pangsa ini perlu membayar kos-kos penyelenggaraan seperti membersihkan kawasan, penyelenggaraan lif dan juga membuat repair dan sebagainya untuk unit-unit rumah pangsa ini. Oleh sebab itu, maka kalau kita hendak gunakan bayaran bulanan ini sebagai bayaran ansuran bagi harga rumah unit, maka jumlah yang perlu dibayar itu akan naik daripada RM124 sebulan. Kalau kita naikkan maka orang yang akan menyewa itu tidak mampu bayar lagi.

Jadi, ada juga masalah yang kita hadapi apabila kita ambil kira cadangan Yang Berhormat itu. Sebab itulah kerajaan masih gunakan secara penyewaan sahaja, tetapi ini tidak bermakna kerajaan tidak boleh bertukar syaratnya di masa akan datang.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan setakat ini banyak rancangan rumah kos rendah hanya mempunyai dua bilik, dan tidak boleh dinafikan banyak keluarga mempunyai ramai anak termasuk lelaki dan perempuan. Dua bilik memang tidak mencukupi keperluan mereka. Satu lagi di banyak negeri umpamanya di Pahang mempunyai banyak tanah, kerajaan membina rumah pangsa empat tingkat, memang tidak berapa sesuai. Oleh kerana pada masa akan datang penghuni akan tua. Ini memang sangat susah untuk mereka naik dan turun. Bolehkah pihak kerajaan membina rumah kos rendah satu tingkat untuk kesenangan mereka dan menambah bilik dari dua bilik ke tiga bilik. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat memang kerajaan sedar tentang kesulitan pembeli apabila mereka diagihkan dengan unit rumah pangsa yang dua bilik ini. Oleh sebab itu, maka pada tahun 1998 Jemaah Menteri telah membuat satu ketetapan di mana semua unit rumah kos rendah ini perlu mengadakan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur (three bed rooms). Ini untuk menangani masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Bagi soalan kedua, iaitu sama ada kita boleh membina rumah pangsa atau rumah kos rendah dengan satu tingkat sahaja. Ini memang boleh tetapi kalau kita gunakan cara ini di Kuala Lumpur, yang mana kos tanah adalah amat tinggi dan itu bermakna pihak pemaju tidak ingin membina rumah kos rendah satu tingkat. Tanah itu terlalu mahal dan ini menyebabkannya kos pembinaan rumah kos rendah itu akan naik terlalu tinggi, akibatnya golongan sasaran tidak mampu membeli. Tetapi di kawasan-kawasan luar bandar seperti bandar-bandar kecil atau pekan-pekan kecil memang cara ini boleh dibuat dan sedang dibuat di mana rumah kos rendah adalah satu tingkat sahaja.

2. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah punca sebenar menyebabkan rakyat miskin di negara ini tidak menerima bantuan kerajaan dan apakah kaedah dan pendekatan terbaik kementerian bagi menangani masalah ini supaya dapat membebaskan rakyat

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan telah dilaksanakan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Komitmen kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan telah dilipatgandakan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tahun 1971 hingga 1990 yang bertunjangan strategi serampang dua mata, iaitu mengurangkan dan membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Di atas kesungguhan kerajaan di dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan ini, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 6.1% pada tahun 1997. Kadar ini dijangka dikurangkan pada 5.5% pada penghujung tahun ini.

Selain itu, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dilaksanakan bagi tempoh RMK-7 telah berjaya memberikan faedah dan manfaat

kepada sebahagian besar golongan termiskin. Bagi tempoh tahun 1996 sehingga 1999 sejumlah 433,328 orang telah menerima faedah daripada projek-projek PPRT yang telah dilaksanakan. Ini membuktikan kerajaan telah berjaya mengurangkan jumlah kemiskinan melalui program-program secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan masih belum puas hati sepenuhnya dengan prestasi yang telah dicapai kerana menyedari masih terdapat kemiskinan *pockets of poverty*, dengan izin, di kawasan-kawasan tertentu secara terperinci. Justeru itu, kerajaan dari masa ke semasa akan memperbaiki kaedah dan pendekatan untuk menyampaikan pelbagai bantuan kepada golongan rakyat termiskin secara yang lebih baik dan berkesan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut statistik kerajaan kita amat sedih dapati negeri yang tergolong secara termiskin di negara kita ialah negeri Kelantan, di mana tahap kemiskinannya sungguhpun di peringkat kebangsaan 6.1%, di sana 19% lebih. Baru-baru ini, satu majalah memetik pendapat Menteri Besar Kelantan mengatakan penumpuan Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan PAS adalah kepada pendekatan agama dan kurang dari segi ekonomi. Justeru itu, kemungkinan kemiskinan ini terbiar dan pukul rata meningkat. Jadi, saya ingin mengetahui daripada pihak Kerajaan Pusat, dalam keadaan yang sedemikian, bagi menentukan tahap kemiskinan keseluruhan peringkat negara kita ini dikurangkan, apakah input daripada Kerajaan Pusat bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan yang tidak memberi fokus kepada membasmi kemiskinan, kedaifan selama ini sejak ia diperintah oleh PAS daripada 1990 sampai ke hari ini sudah tiga penggal, apakah input Kerajaan Pusat membantu untuk meningkatkan atau membanteras kemiskinan, mengurangkan kemiskinan di negeri Kelantan. Terima kasih.

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara kita perlu banyak bantuan dari kerajaan tempatan masing-masing. Kerajaan Negeri Kelantan ialah ditaja oleh PAS dan kita akan terus membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam RMK-8 untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan. Untuk tahun ini kita beri peruntukan sebanyak RM10,771,435 untuk

bantu rakyat termiskin keluar dari belenggu kemiskinan di negeri Kelantan. Terima kasih.

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa pekebun kecil tanaman getah adalah dianggap golongan miskin. Untuk tahun 2001 kerajaan telah mencadangkan memberhentikan bantuan tanaman semula kepada pekebun kecil ini dan akan memberi sejenis pinjaman (soft loan) kalau tak salah saya RM1 bilion kepada pihak-pihak berkenaan. Saya ingin tahu di sini apakah rasionalnya kerajaan mengambil tindakan seperti ini yang tidak selaras untuk mengurangkan kemiskinan terutamanya kepada golongan pekebun kecil ini, dan apakah cara pengurusan untuk pinjaman ini diberikan kepada pihak pekebun kecil.

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun menguruskan banyak projek kecil untuk membantu pekebun-pekebun kecil dan soalan ini pun telah dijawab dengan penuh dalam sesi Dewan Negara bulan April. Saya tidak ada apa-apa tambahan untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan membuat tinjauan awal serta mengenal pasti budaya dan citarasa mereka yang masih berada dalam tahap kemiskinan dari segi kefahaman mereka ataupun mungkin sikap malas mereka yang menjadi punca utama mereka berada dalam kemiskinan itu. Terima kasih.

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, dalam program-program yang dilaksanakan di bawah program PPRT oleh kementerian, satu program utama ialah Program Pemulihan Sikap keluarga termiskin, dan untuk negeri Kelantan kita ada banyak program di bawah Program Sikap.

3. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian bercadang menggalakkan penubuhan 'venture capital' seperti yang terdapat di Amerika Syarikat contohnya Silicon Valley Bank dan Blumberg Capital sebagai pemangkin kepada perusahaan-perusahaan utama di Malaysia umpamanya dalam bidang teknologi maklumat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, kemudahan modal teroka adalah instrumen penting yang sedang

dibangunkan di negara ini di mana kerajaan melaksanakan pelbagai langkah termasuklah penubuhan dana modal teroka dan insentif cukai yang menarik. Pada masa ini terdapat syarikat-syarikat modal teroka tempatan yang sudah beroperasi. Sama yang terdapat di negara-negara lain. Sehingga 31 Disember 1999, 10 buah syarikat modal teroka telah melabur dalam 270 buah syarikat teroka ataupun (investy company).

Di antara langkah-langkah penting yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan industri modal teroka yang masih baru di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Bank Industri Malaysia Berhad telah pun ditukar nama kepada Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB) dengan peranan yang lebih besar untuk membiayai syarikat-syarikat yang berasaskan teknologi tinggi. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menyalurkan dana RM200 juta untuk menggalakkan pelaburan dalam industri-industri elektronik lanjutan, bioteknologi, teknologi bahan, pembuatan lanjutan automasi, teknologi maklumat, pengangkutan dan teknologi tempatan;
- (ii) penubuhan dana modal teroka berjumlah RM300 juta pada Jun 2000, di mana Bank Negara Malaysia (BNM) menyumbang RM200 juta manakala Malayan Banking Berhad dan Bumiputera Commerce Berhad masing-masing menyumbang RM50 juta. Bagi tujuan itu dua syarikat modal teroka telah ditubuhkan iaitu Mayban Venture Capital Company Sdn. Berhad dan Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. dengan saiz dana masing-masing RM150 juta untuk membiayai syarikat-syarikat yang terlibat dalam teknologi maklumat, telekomunikasi, pembuatan lanjutan dan sains hayat;
- (iii) insentif cukai yang lebih menarik telah disediakan untuk menggalakkan syarikat-syarikat modal teroka melabur di dalam syarikat teroka yang berisiko tinggi dan berteknologi baru;

- (iv) penubuhan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) pada 1992 untuk menerajui pembangunan teknologi negara ini. Ia bermula sebagai sebuah syarikat modal teroka yang menyediakan pembiayaan terutamanya kepada projek-projek yang berasaskan teknologi dan untuk menjadi badan nasional yang memperdagangkan teknologi yang dibangunkan oleh institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan tempatan;
- (v) MTDC juga telah meningkatkan kepakaran di dalam pemindahan teknologi, pengurusan teknologi dan aktiviti promosi dan bilangan syarikat-syarikat berteknologi tinggi telah bertambah terutamanya di dalam bidang pengeluaran vaksin dan bio-diagnostik, penggunaan laser, kejuruteraan genetik, kejuruteraan kimia dan bahan-bahan lanjutan; dan
- (vi) penubuhan PUNB dan Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera yang bergiat dalam industri modal teroka. Pembiayaan yang disediakan adalah berasaskan syariah dengan peruntukan dana RM300 juta. Setakat ini PUNB telah melabur di dalam 91 buah syarikat teroka.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya ucap tahniah kepada pihak kementerian kerana memberi penerangan yang begitu jelas dan galakan yang baik kepada industri tempatan melalui *venture capital*. Perkara (iv) yang Yang Berhormat terangkan tadi mengenai MTDC, ini yang saya agak curiga dan saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut kerana kalau tidak salah saya – membaca berita mengatakan bahawa MTDC juga membuat pelaburan di luar negara di Silicon Valley.

Kalau penerangan Yang Berhormat tadi seolah-olah ini untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat tempatan, apakah perancangan kerajaan dan polisinya kalau MTDC dengan modal teroka yang *limited* itu pula bawa untuk membuat pembiayaan di Silicon Valley sedangkan mungkin lebih bertepatan kalau umpamanya Khazanah

yang menjalankan usaha untuk bertapak di Silicon Valley untuk membawa teknologi tinggi melalui syarikat-syarikat yang hendak dilaburkan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa MTDC dengan modal yang terhad, ini akan menjadi kekangan kepada MTDC untuk meluaskan bidang penerokaannya dalam industri berteknologi tinggi. Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan dalam usaha menggalakkan *venture capital* ini supaya terus berkembang, kerajaan bersedia untuk menambah *fund* ataupun pelaburan dalam MTDC supaya MTDC boleh menjadi satu instrumen penting dalam usaha kita meningkatkan kemajuan dari segi *venture capital* di negara ini walaupun masih baru dan kerana itu maka MTDC boleh dan saya yakin akan diberikan perhatian oleh kerajaan supaya instrumen ini dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam *venture capital* ini.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat Dato', kerajaan juga ada memberikan beberapa galakan yang lain misalnya sekarang ini dalam usaha membangunkan *venture capital* di Malaysia, kerajaan juga telah misalnya menubuhkan Taman Teknologi Malaysia, MESDEQ, Koridor Raya Multimedia dan di samping itu penubuhan dana yang saya sebutkan tadi sebanyak RM500 juta adalah bertujuan untuk membantu kita dalam usaha membangunkan *venture capital* di negara ini dan untuk itu MTDC juga adalah sebahagian daripada usaha-usaha ke arah pembangunan ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah dibantu oleh institusi-institusi yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, yang telah mengalami kegagalan khususnya di waktu negara dilanda kegawatan ekonomi dalam Julai 1997 dan apakah tindakan kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan yang telah gagal tersebut, ataupun adakah pihak institusi tersebut mengambil tindakan undang-undang dan sekiranya diambil adalah tidak patut.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato'. Seperti yang saya sebutkan tadi, sehingga 31 Disember 1999, terdapat 30 buah syarikat modal

teroka telah melabur dalam 270 buah syarikat teroka ataupun *investee company* dan memang kita maklum bahawa masa krisis dahulu ada beberapa buah syarikat yang tidak dapat berfungsi dengan baik dan sebenarnya jumlah itu tidak begitu banyak dan kerajaan sedang mengambil kira untuk memulihkan sebahagian daripada syarikat-syarikat tersebut dan supaya dengan pengalaman mereka yang ada dan kegagalan mereka bukan kerana kesilapan mereka sepenuhnya, disebabkan oleh krisis ekonomi yang di luar daripada kemampuan mereka, maka kerana itu kerajaan sedang berusaha untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang masih *viable* untuk dibantu melalui *fund* yang telah kita kumpulkan tadi dan di atas kegagalan tersebut semata-mata kerana ekonomi *turn-down* dahulu dan kerajaan saya rasa tidak akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka. Malah kita akan... – sikap kita adalah untuk membantu bukan untuk menghukum syarikat-syarikat yang gagal semasa krisis ekonomi dahulu. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menarik lebih banyak lagi rakyat keturunan India dan Cina memasuki Angkatan Tentera di negara ini. Nyatakan juga bagaimana pengambilan untuk memasuki Angkatan Tentera dibuat.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan anggota ke dalam perkhidmatan awam adalah tidak terhad kepada sesuatu kaum sahaja. Ia adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Dalam hal ini program-program pengambilan adalah ditujukan kepada semua kaum di Malaysia termasuk juga dengan menyiarkan iklan, pengambilan untuk pegawai-pegawai askar dari masa ke semasa di dalam media masa seperti radio dan semua akhbar tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bersesuaian dengan kerjaya sebagai seorang anggota tentera dalam mengadakan urusan pengambilan, ATM sentiasa memastikan bahawa calon-calon yang berjaya memasuki perkhidmatan ATM benar-benar sesuai bukan sahaja dari kelayakan akademik tetapi juga dari segi mental dan fizikal.

Mengenai proses pengambilan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat seperti mana yang telah disebutkan, iklan bagi pengambilan pegawai dan anggota lain-lain pangkat adalah disiarkan oleh media masa.

Bagi pengambilan pegawai, calon-calon dikehendaki membuat permohonan melalui borang-borang yang disediakan. Permohonan-permohonan adalah ditapis dan calon-calon yang layak adalah dipanggil menghadiri temu duga, pemilihan yang diadakan di pusat-pusat pemilihan yang ditetapkan.

Bagi pengambilan anggota lain-lain pangkat pula, iklan yang dikeluarkan ada dinyatakan pusat-pusat pemilihan dan tarikh-tarikh temu duga diadakan. Ianya diadakan secara terbuka *walk-in-interview*.

Kedua-dua calon pegawai dan anggota lain-lain pangkat yang sesuai akan menjalani latihan ketenteraan di sekolah-sekolah latihan ketenteraan. Calon-calon pegawai yang berjaya di dalam latihan akan ditauliahkan sebagai pegawai ATM dan calon-calon lain-lain pangkat yang berjaya dalam latihan akan didaftarkan sebagai anggota ATM.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana pihak Kementerian Pertahanan terutama sekali dan juga Kementerian Dalam Negeri telah pun berjaya bagi menentukan keselamatan negara terjamin sehinggakan insiden di Sauk pun boleh diatasi dengan begitu baik. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan – dan sempena Hari Pahlawan hari ini – bagi menentukan terutama sekali dari segi ketahanan negara ini dimantapkan, apakah program-program kerajaan untuk diberikan kepada terutama sekali dalam Kementerian Pertahanan ini kepada anggota-anggota tentera kita dari segi elemen risiko pekerjaan yang dijalankan.

Kalau peringkat hendak menaikkan gaji 10% sahaja mungkin tidak memadai. Adakah pihak kerajaan boleh bantangan di Dewan ini perbandingan antara anggota tentera kita dan ahli-ahli keselamatan di negara kita ini dari segi pakejnya, bukan sahaja *basic salary*, semua pakej dengan negara jiran misal katakan Singapura. Apakah bezanya kita dengan negara-negara jiran terutama sekali Singapura, hendak menarik setiap kaum tanpa mengira... – boleh menyertai, menjadi ahli anggota

keselamatan negara selain daripada hendak naik pangkat cepat, lepas itu beri kemudahan perumahan dari segi *basic needs* – elemen risiko, kita tambah lebih dibandingkan dengan kerja-kerja lain kerana nyawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman-ancaman. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz, soalan beliau cukup bernas sekali dan beberapa soalan beliau telah bangkitkan, iaitu soalan pertama, mengenai dengan walaupun bukan berbentuk soalan tetapi komen tentang Sauk. Dan saya amat kesal sekali bahawa kejadian yang berlaku ini dianggap sebagai drama oleh puak-puak tertentu khususnya parti PAS. Dan ini adalah satu penghinaan kepada anggota tentera bahawa kita sanggup berbuat drama sehingga melibatkan nyawa manusia yang tidak berdosa dan janganlah perkecilkan tentang khidmat selama ini yang telah diberikan oleh anggota pasukan keselamatan daripada mana-mana pihak apatah lagi parti pembangkang. Dan kita harus bertanggungjawab sebahagian daripada rakyat negara ini untuk ingin melihat agar keselamatan negara sentiasa terjamin.

Soalan yang kedua mengenai apakah langkah-langkah yang perlu diambil ataupun telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan agar bidang-bidang perkhidmatan tertentu dapat dilahirkan dengan ada kecemerlangan khususnya bersabit dengan perkara-perkara yang agak sensitif seperti penjagaan depot peluru dan senjata. Memang ada perbezaannya untuk latihan bagi pasukan angkatan tentera. Bagi mereka yang terdedah dengan keadaan-keadaan yang sensitif maka pendedahannya agak lebih mendalam untuk agar memastikan supaya kejadian-kejadian seperti yang berlaku di Sauk ini tidak akan berlaku semula.

Di samping itu juga bila mana keadaan kita tahu bahawa latihan yang kita sering adakan tidak begitu mencukupi, kita dedahkan contohnya di dalam peperangan, kita hantar panglima-panglima kita, tentera-tentera kita ke medan peperangan seperti di Bosnia, didedahkan dengan realiti, dengan kenyataan bahawa mereka berhadapan dengan musuh. Latihan tidak mencukupi tetapi bagi kita untuk mendedahkan agar kecekapan, keberanian di kalangan anggota tentera akan sentiasa ada, maka mereka ini perlu didedahkan dengan keadaan-keadaan sebenar.

Usaha-usaha untuk membandingkan tentang keadaan-keadaan bagaimana gaji dan pelbagai di antara negara-negara kita memang kita faham bahawa seperti yang saya sering nyatakan. Kadang-kadang dipersamakan perkhidmatan tentera ini dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, maka bila ganjaran gaji itu diberikan kita harus kadang-kadang dinasihatkan untuk mengambil kira bahawa sensitiviti perkhidmatan-perkhidmatan yang lain tetapi ada kelainan seperti apa yang selalu saya sebutkan, perkhidmatan tentera ini bukanlah hanya menggunakan mental, mereka mempergadaikan nyawa, mempergadaikan masa depan, isteri dan anak-anak mereka. Maka dengan itu saya berharap agar keadaan yang ada di peringkat Kementerian Pertahanan untuk menjaga anggota-anggota tentera akan dapat dipertingkatkan, akan mendapat sokongan daripada semua pihak khususnya kerajaan kita pada hari ini.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sebagaimana yang kita maklum bahawa sekarang ini sukar untuk mendapat anak-anak muda kita memasuki pasukan tentera. Ini adalah kemungkinan mereka lebih tertarik dengan kerja-kerja yang lain. Kalaupun keadaan ini berterusan berlaku dan kita rasa peperangan yang akan datang, akan jadi peperangan yang lebih canggih, yang lebih menekankan tentang sains dan teknologi, adakah kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun sedang bersedia untuk berhadapan dengan teknik peperangan masa akan datang yang tidak banyak bergantung kepada *man-power* tetapi bergantung kepada kecekapan-kecekapan persenjataan kita.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita memang akui bahawa dunia akan semakin dipermodenkan oleh kerana sekeliling bahawa keadaan yang ada sekarang ini bukan seperti dahulu. Persenjataan, peralatannya bila kita gunakan satu *nuclear bom*, *impaknya* begitu besar. *Radius* yang akan meliputi kesan daripada *bom* contohnya agak lebih meluas berbanding dengan dahulu menggunakan keris dan pelbagai.

Dan bagi soalan bagaimana cara untuk kita menarik generasi-generasi muda kita agar lebih ramai lagi untuk menyertai perkhidmatan ketenteraan ini. Kita di peringkat kementerian telah pun mewujudkan kaedah-kaedah contohnya seperti penyediaan, pengwujudkan pasukan-pasukan kadet di beberapa institusi pengajian tinggi, hampir sembilan universiti, saya ingat kita sudah wujudkan di seluruh negara

dan kadet-kadet ini kita tanam semangat-semangat disiplin di samping menanam semangat minat mereka. Ada di antara mereka lepasan daripada sekolah, lepas itu mereka ada juga yang menyertai bidang-bidang yang lain seperti dalam perusahaan swasta seperti bank tetapi ada sebilangan juga memasuki – selepas minat sudah ditanam mereka memasuki tentera termasuklah bangsa-bangsa yang lain; bangsa India dan Cina. Seperti yang saya jawab tadi di peringkat awal, apabila kita mengambil dalam perkhidmatan ketenteraan ini, kita tidak menjurus ke arah perkauman, semua rakyat di negara ini, siapa yang berminat kita akan ambil selaras seperti yang saya nyatakan, kebolehan, minat, komitmen mereka untuk ingin melihat agar negara ini aman dan selamat.

**5. Dato' Haji Mazlan bin Abu** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan pada masa sekarang bayaran bil-bil rawatan pesakit di klinik berbeza-beza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain walaupun ubat-ubatan dan perkhidmatannya sama. Sejauh manakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak kementerian agar menyamakan bayaran ubatan dan perkhidmatan agar dapat diseragamkan atau "Standard Price" tanpa mengira perbezaan tempat atau daerah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, tiada undang-undang sedia ada bagi mengawal harga ubat-ubatan di pasaran. Namun demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memonitor harga-harga ubat di pasaran dan mengambil tindakan yang sesuai untuk memastikan harga-harga ubat di pasaran adalah berpatutan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan sering kali menggesa pengamal-pengamal perubatan swasta supaya menggunakan ubat-ubatan generik buatan tempatan yang jauh lebih murah daripada ubat-ubatan import.

Mengikut Akta Perubatan 1971, pengamal-pengamal perubatan adalah dibenarkan memperolehi bayaran-bayaran yang berpatutan bagi perkhidmatan perubatan, ubat dan bekalan perubatan lain yang diberikan kepada pesakit. Ini juga bermakna pengamal-pengamal perubatan adalah tidak sepatutnya mengenakan bayaran berlebihan atau tidak munasabah.

Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk mengawal harga ubat-ubatan yang dikenakan oleh klinik swasta kerana bayaran perkhidmatan perubatan yang

diberikan oleh klinik swasta pada umumnya adalah munasabah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketelusan harga ubat-ubatan di pasaran terbuka. Langkah-langkah ini termasuk:-

- (i) Cadangan untuk mengasingkan bil-bil bayaran perkhidmatan perubatan, ubat dan sebagainya yang dikenakan oleh klinik-klinik swasta.
- (ii) Pameran Senarai Ubat-Ubatan Penting Kebangsaan dengan harga runcit di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dengan ketelusan harga ubat, para pengguna dapat membuat perbandingan dan pilihan yang sewajarnya berhubung dengan bayaran yang dikenakan oleh klinik-klinik swasta.

**6. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bilakah kerajaan akan menghapuskan bayaran sewa talian bulanan sepenuhnya oleh pengendali telekomunikasi di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh iaitu soalan nombor 26 pada hari ini juga, saya akan menjawab bersekali melalui soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji semula kedudukan caj bayaran laluan telefon mudah alih di negara ini selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 supaya ianya tidak membebankan pihak pengguna dan tidak merugikan pemberi perkhidmatan, dengan izin, service provider.

Kajian mengenai caj telefon mudah alih ini akan mengambil kira kepentingan pengguna dan tahap persaingan dalam industri komunikasi mudah alih di peringkat global serta keperluan mengekalkan aliran pelaburan dalam industri ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lesen tahunan sebanyak RM60 telah pun dimansuhkan mulai 1 April 2000. Sekian, terima kasih.

**7. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah bentuk langkah-langkah yang diambil dalam menyekat pengaruh filem-filem Hollywood dan Bollywood dalam siaran-siaran RTM yang mengandungi unsur-unsur negatif dan keterlaluan:-

- (a) apakah cakera padat dan filem-filem ini ditapis terlebih dahulu oleh pihak kerajaan; dan
- (b) berapakah jumlah pengaliran Ringgit ke luar negara akibat pengimportan filem-filem dari luar negeri.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai:-

- (a) Semua rancangan RTM yang disiarkan akan melalui beberapa tapisan seperti berikut:-
  - (i) Lembaga Penapis Filem yang mempunyai garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri di mana RTM akan menyesuaikan keputusan klasifikasi dengan waktu siaran.
  - (ii) Kawalan mutu ataupun dengan izin, quality control bahagian teknikal RTM akan memastikan rancangan yang disiarkan mengikut garis panduan teknikal dan siaran umpamanya yang melibatkan audio yang baik dan gambar yang jelas.
  - (iii) Panel penilaian RTM yang akan sekali lagi menilai rancangan mengikut kehendak garis panduan Kementerian Penerangan di mana penekanan akan diberi kepada kesesuaian rancangan yang disiarkan dalam konteks siarannya akan disaksi oleh semua ahli keluarga.
- (b) Berdasarkan maklumat yang ada setakat ini, dianggarkan kira-kira RM9 juta.

**Dato' Haji Mazlan bin Abu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, kenapakah Menteri Penerangan tidak menggantikan Jawatankuasa

Penapis Filem yang ada sekarang ini dengan yang lain kerana jelas ahli Jawatankuasa Penapis Filem yang ada sekarang ini menggunakan tapisan yang 'bocor' semasa menapis. Ini jelas kerana adegan-adegan seks yang dilakukan oleh artis-artis dan actor-actor Bollywood ini setiap kali ada adegan seks, saya percaya saudara saya Yang Berhormat Marimuthu kata: "Ayoyo Samy", sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ahli lembaga penapis ini dilantik dari satu masa ke satu masa dan mereka ini biasanya terdiri daripada orang-orang yang mahir ataupun tahu tentang selok belok penapisan ini dan ianya mewakili pelbagai lapisan anggota masyarakat kita.

Namun demikian, kita sentiasa meneliti tentang keberkesanan mereka itu. Saya mengakui ada kadangkala itu terbocor, saya mengaku dan kita ambil tindakan, kita panggil dan kita tanya fasal apa jadi begini. Saya sendiri pun ada melihat insiden-insiden ataupun kejadian-kejadian yang telah berlaku dan kita mendapat penjelasan dari mereka ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya. Benarkah dakwaan sebahagian besar masyarakat bahawa filem-filem kita di Malaysia ini lemah dari segi penonjolannya dan memang kita agak tertinggal kebelakang dan apakah strategi kerajaan sekurang-kurangnya dalam memenuhi tuntutan identiti Malaysia di dalam mempamerkan filem-filem kita ini, sekurang-kurangnya apakah ada rancangan kalau di tempat lain Hollywood, Bollywood dan Malaysia mungkin Malaysiawood. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kebenaran tentang pelbagai persoalan yang dihadapi oleh dunia perfileman di negara kita ini. Kita telah pun mengenal pasti perkara-perkara ini dan kita mengadakan pelbagai kemudahan untuk membantu mereka yang terlibat di bidang perfileman ini.

Namun demikian, masalah itu belum juga nampak dapat diatasi dengan baik. Itu sebabnya kerajaan telah pun membuat beberapa keputusan, antaranya termasuklah untuk menubuhkan sebuah Lembaga Perfileman Malaysia yang bertujuan untuk mengambil suatu langkah yang drastik untuk membantu dan memastikan soal

perfileman di negara kita ini dapat diurustadbirkan dengan bentuk dan corak yang lebih baik dan lebih berkesan.

Sebagai suatu langkah juga, kita telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan semua pihak yang terlibat dalam dunia perfileman ini dan mereka telah pun dimaklumkan tentang hasrat kerajaan dan kita harap apabila dimuktamadkan soal penubuhan Lembaga Perfileman Malaysia ini, ianya akan menjadi suatu langkah dan pendekatan dan kita harap akan dapat mengatasi persoalan dan permasalahan yang dihadapi dari pelbagai sudut yang ada hubung kait dengan pengeluaran perfileman di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh, kita berhasrat berkehendakkan kepada mereka yang terlibat di dalam pengeluaran filem-filem di negara kita ini untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 12 buah filem setahun, namun demikian di dalam perbincangan dan pertemuan yang kita adakan, kita nampak soal-soal kewangan, pentadbiran, tenaga, peralatan, semuanya menimbulkan perkara yang perlu diselesaikan sebelum kita dapat meletakkan soal pengeluaran filem di negara kita ini ke suatu landasan yang lebih kukuh di masa yang akan datang. Namun demikian, kita berusaha ke arah itu. Terima kasih.

**8. Datuk Tee Thiong Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan akan menyambung atau memanjangkan tempoh sewa 'Rumah Malaysia' di London setelah tamatnya tempoh sewa sekarang; dan
- (b) jika tidak, apakah cara alternatif lain yang akan dipilih oleh kerajaan kerana 'Rumah Malaysia' telah memainkan satu peranan yang mustahak untuk pelajar-pelajar Malaysia di Britain.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, tempoh pajakan Dewan Malaysia (Malaysia Hall) di Nombor 44 & 45, Bryanston Square, London akan hanya tamat pada 25 Mac 2013. Kerajaan akan membuat keputusan mengenai kedudukan Rumah Malaysia dalam sedikit masa lagi bersama-sama dengan kedudukan bangunan Jabatan Penuntut Malaysia di 46 & 47, Bryanston Square yang akan tamat tempoh jangka pajaknya pada akhir tahun 2001.

Sebelum keputusan muktamad diambil, kerajaan akan memastikan ia menguntungkan negara dan lebih penting dari itu, memberi manfaat kepada kebajikan pelajar-pelajar Malaysia. Sekian.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Terima kasihlah kepada jawapan yang begitu jelas. Saya ingin bertanya, pada masa sekarang berapa ramai pelajar di United Kingdom, kalau boleh bilangan yang menerima biasiswa (scholarship) dan yang tidak menerimanya, dan apa jenis service ataupun perkhidmatan yang diberikan oleh Rumah Malaysia kepada penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar di United Kingdom. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai angka yang tepat mengenai bilangan pelajar-pelajar di United Kingdom pada masa ini, cuma dalam anggaran yang ada ialah dalam 30,000 pelajar yang terdiri dari 5,000 pelajar tajaan Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, angka yang tepat boleh diberi jika Ahli Yang Berhormat meminati untuk memperolehinya.

Jenis perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Penuntut Malaysia ialah perkhidmatan kebajikan termasuk juga hal ehwal kewangan pelajar jikalau diurus melalui Jabatan Penuntut Malaysia dan selalunya penempatan pelajar dan kebajikan keseluruhannya dikendalikan oleh Jabatan Penuntut Malaysia.

Manakala Malaysia Hall pula adalah tempat untuk penginapan dan untuk mereka mengunjungi dan juga mengadakan perjumpaan dari masa ke semasa. Sekian.

**9. Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada terdapat undang-undang untuk mengawasi syarikat jualan langsung yang menjual makanan kesihatan yang dikatakan dapat menyembuhkan penyakit tenat pada harga yang tinggi.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat jualan langsung berlesen yang menjual barangan farmaseutikal dan makanan kesihatan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan sebelum sesuatu produk tersebut boleh dijual melalui kaedah jualan

langsung. Pengiklanan produk tersebut juga perlu mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan sebelum ianya dibenarkan mengiklan produk tersebut kepada orang ramai.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berkenaan dengan pengiklanan produk-produk makanan di negara kita ini, sejauh manakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat memberi kawalan sebagai contohnya, secara logical yang mutakhir ada beras Taj Mahal yang mana tidak ada kanji, sedangkan kita tahu beras itu ialah kanji, jadi bagaimanakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh kementerian dan kerajaan secara keseluruhannya.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai iklan-iklan tentang makanan, ianya perlu dapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat di bawah Kementerian Kesihatan. Pada keseluruhannya barang-barang makanan yang diiklankan, kita ada undang-undang di mana Trade Description Act (Akta Perihal Dagangan), kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat iklan yang palsu atau mengelirukan atau mengandungi perkara-perkara yang kurang tepat mengenai barang yang diiklankan.

Jadi, dari masa ke semasa kementerian selain daripada menjalankan pemeriksaan apabila menerima aduan mengenai barang-barang yang diiklankan, yang mengelirukan atau mengandungi false description, kita ada undang-undang untuk mengambil tindakan.

**10. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai dalam projek Bakun setakat ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengambil alih pengurusan pembinaan Projek Empangan Bakun di Sarawak daripada Bakun Hidro Elektrik mulai 10 Ogos 1999. Bakun Hidro Sendirian Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan (MKD) telah dipertanggungjawabkan sebagai jentera pelaksana sementara projek ini.

Pada masa sekarang, pembinaan kontrak kerja pelencongan sungai atau dengan izin, river diversion works sedang berjalan lancar dan telah mencapai tahap pelaksanaan sebanyak 80% di tapak. Buat masa ini, kerajaan sedang meneliti cadangan pelaksanaan yang merangkumi struktur dan kaedah pelaksanaan serta pembiayaannya. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula di peringkat kapasiti penjanaan sebanyak 500 megawatt yang dijangka siap pada tahun 2005.

Dalam masa yang sama, perancangan untuk penambahan keupayaan ke tahap full scale dengan penghantaran ke Semenanjung Malaysia akan dibuat untuk memenuhi keperluan tenaga pada tahun 2007 dan seterusnya.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana yang kita maklum, tidak lama dahulu ada penentangan yang hebat dari penduduk-penduduk tempatan khususnya suku-suku kaum yang terlibat dengan kawasan yang berkenaan. Kita ingin tahu daripada kerajaan, setakat manakah kita telah dapat memberikan penerangan dan penerimaan penduduk tempatan terhadap projek Bakun ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, setakat ini nampaknya setelah penerangan diberi, setelah tidak ada hasutan-hasutan daripada kaum-kaum yang terlibat, maka mereka faham bahawa ini adalah merupakan satu pembangunan yang harus kita kecapai. Oleh kerana itu, kerajaan negeri telah berusaha untuk memindahkan mereka ke tempat yang baru dan segala pampasan telah pun dijelaskan.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, setakat ini berapakah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk membiayai projek ini dan apakah penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam projek ini?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang saya katakan tadi, bahawa projek ini adalah merupakan satu rangsangan untuk membangunkan bukan sahaja negeri Sarawak tetapi juga negeri Sabah dan atau ada kelebihannya nanti, megawatt itu akan dihantar juga ke negeri yang berdekatan iaitu Brunei.

Dan pembangunan industri berintensifkan tenaga di Sarawak seperti Alluminium Smelting, Integrated Simmen Plant, Integrated Steel Complex, Hood Baquet Iron (HBI), Steel Electric Fenas dan Steel Wires akan memanfaatkan bekalan elektrik daripada projek ini. Dan pembinaan akan memakan masa lebih daripada tujuh tahun dan apabila siap, tenaga yang dijana dapat digunakan sepenuhnya, bukan sahaja di negeri Sarawak bahkan Sabah dan juga Brunei dan sepertimana yang saya katakan tadi kemungkinan juga akan kita sambung ke Semenanjung Malaysia.

Buat masa ini, campuran penjanaan elektrik negara menggunakan 66.6% gas, 15.1% minyak, 8.6% sumber hidro dan 9.7% arang baru. Jadi, pergantungan kepada satu-satu tenaga boleh menimbulkan masalah semasa dan berlaku krisis seperti krisis minyak yang pernah berlaku pada masa-masa lampau. Oleh itu, kenaikan harga minyak dan gas baru-baru ini turut memberi kesan kepada kos penjanaan elektrik yang mempunyai kesan ke atas kadar tarif elektrik yang berkenaan.

Mengenai pembiayaan kosnya, saya tidak ada costing di sini tetapi apa yang kita harapkan nanti bahawa apabila berlakunya river diversion tunnel itu, dapat kita memulakan pengaliran air dan menjadikan Hidro Elektrik Bakun berkeupayaan untuk menjana electricity di kawasan yang berkenaan. Terima kasih.

**11. Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak kerajaan memberikan sumbangan peruntukan kewangan untuk badan-badan bukan kerajaan yang berteraskan alam sekitar untuk menjalankan aktiviti dan program mereka.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sememangnya ada memberi sumbangan kewangan kepada badan-badan bukan kerajaan yang berteraskan alam sekitar untuk menjalankan aktiviti dan program mereka.

Suka saya memaklumkan bahawa bagi tujuan tersebut, kementerian mempunyai dua bentuk sumber kewangan iaitu:-

- (i) Tabung Promosi Penyelidikan Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar;

- (ii) Akaun Amanah Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar; dan
- (iii) Akaun Amanah Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Daripada pemberian bantuan kepada badan-badan ini, adakah kementerian mengkaji sama ada duit-duit itu telah disalahguna untuk menentang dasar-dasar kerajaan dan adakah kes-kes di mana ini telah diperhatikan setakat ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mendapat sebarang laporan mengenai tabung bantuan ini disalahgunakan untuk menentang program kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat maklumat yang sedemikian, bolehlah Yang Berhormat maklumkan kepada pihak kementerian. Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Setakat ini, sejauh manakah pendidikan menjaga alam sekitar disalurkan kepada masyarakat umum dan apakah cara-cara penyaluran itu?

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, di antara program yang diberi tumpuan hari ini ialah menerusi sekolah-sekolah dan juga menerusi golongan pelajar kerana kita beranggapan bahawa golongan inilah yang kita harapkan akan menjadi golongan masyarakat di masa hadapan yang mempunyai kesedaran yang lebih peka terhadap masalah alam sekitar.

Walaupun bagaimanapun, untuk masyarakat umum, memang kita adakan juga program-program yang berbentuk pendidikan dan kesedaran termasuklah apa yang kita laksanakan dalam rancangan televisyen dan sebagainya iaitu satu program berbentuk kartun yang kita harapkan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan ke arah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang perlunya penjagaan alam sekitar ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 60 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA  
NASIONAL BERHAD (PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [27 Julai 2000]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz, sila sambung.

**11.08 pagi.**

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin menyambung daripada minggu lepas untuk menyokong rang undang-undang yang bersangkutan-paut dengan Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan sekali lagi mengulang tahniah kepada Danaharta kerana terpilih oleh *Asia Monies* seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya tempoh hari sebagai salah satu agensi yang terulung bagi mengurus aset atau harta di negara kita ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, corporate cleansing atau penyucian syarikat-syarikat ini dari segi hutang-piutang hanya dapat dibuat kerana wujudnya kepimpinan yang boleh menerajui kerajaan kita dari segi menggubal dasar-dasar yang bersesuaian. Saya ingin menegaskan perkara ini kerana inilah merupakan latar belakang ataupun infrastruktur prasarana pembangunan korporat di negara kita ini.

Saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Perdana Menteri kerana apa yang dilakukan terutama sekali dari segi kawalan mata wang terpilih yang dahulunya Soros bermatian-matian menghentamnya sehinggakan ianya mengatakan kini Soros sendiri bersetuju dengan apa yang kita buat. Apa yang Perdana Menteri buat dari segi mewujudkan satu pendekatan iaitu secara menyekat pengaliran mata wang kita supaya ianya tidak didagangkan oleh spekulator-spekulator peringkat antarabangsa dapat memberikan kestabilan kewangan negara lebih-lebih lagi kestabilan politik yang menular daripada kestabilan ekonomi. Soros pernah mengatakan Perdana Menteri kita merupakan seorang a menace to his own country

dan apa yang kita buat, dengan izin, a recipe of disorder or disaster tetapi sekarang ianya menyatakan bahawasanya, saya petik dalam interview dengan BBC, “He (Mahathir) did quite well by imposing temporary control during the crisis” dan mengaku apa yang kita buat berkesan dan jelas sekali dengan wujudnya pendekatan yang saya sebut hari itu troika ataupun tripartite ataupun tiga agensi ini antara CDRC, Danaharta dan Danamodal jelas sekali ianya dapat berjalan dengan begitu baik sehinggakan saya difahamkan kini pihak Danaharta telah pun menjalankan proses pelelongan hartanah peringkat kedua, yang pertama sudah berjalan dan yang kedua dikatakan akan berjalan tidak lama lagi. Cara proses untuk melelong harta-harta ini dibuat dengan begitu baik.

Saya difahamkan penglibatan ejen-ejen – Estate Agent yang berjumlah lebih kurang 1,500 di negara kita ini dipilih dengan begitu baik sehinggakan lebih kurang 100 lebih diambil yang baik-baik ini untuk membantu memasarkan dengan kos yang dibiayai sendiri oleh ejen-ejen ini. Saya diberitahu ejen-ejen ini terpaksa membuat iklan untuk hendak menjual harta-harta ini dan kalau sekiranya tidak dijual tidak dapat kejayaan, mereka sendiri akan dibebankan dengan perbelanjaan itu. Jadi, ini cara yang amat baik.

Dengan wujudnya Danaharta sebagai satu agensi, Tuan Yang di-Pertua, ia juga menyuci, cleansing property market, pasaran-pasaran hartanah dapat dicuci dengan baik dengan peranan agensi lebih proaktif, lebih telus dan sebagainya. Jadi, ada hikmahnya krisis yang berlaku pada tahun 1997, hikmahnya ianya menyuci semula atau merupakan satu proses cleansing syarikat-syarikat yang berkaitan, bukan sahaja dengan bank yang lebih berwaspada dari segi memberi pinjaman tetapi syarikat-syarikat yang meminjam juga turut berwaspada menentukan NPL ataupun hutang-hutang lapuk mereka sentiasa dijaga dengan baik dengan wujudnya budaya hendak bayar hutang ini. Kerana itu saya sebutkan kadangkala kita tidak ada mempunyai budaya membayar balik hutang, baik dari segi peminjam-peminjam, biasiswa, dari segi pelajar-pelajar menerusi MARA kah, macam mana atau apa sekalipun, susah hendak bayar balik sungguhpun mereka mempunyai keupayaan untuk membayar balik. Jadi, ini juga akan memberikan satu catalyst, penjana untuk

hendak membangkitkan semula nilai-nilai baik dari segi good governance, nilai-nilai baik dari segi pengurusan, nilai-nilai baik dari segi ahli-ahli lembaga pengarah.

Saya juga mengucapkan tahniah kerana pihak Danaharta selain daripada menjalankan proses penyucian sektor hartanah ini, juga akan menjalankan tender-tendernya yang berjaya tetapi saya risau, kalau sekiranya harta-harta ini tidak berjaya dijual, berkemungkinan besar harta-harta ini diserapkan di dalam syarikat yang diambil alih iaitu TTDI Sdn. Bhd. (Taman Tun Dr. Ismail Sdn. Bhd.). Jadi, saya mengharapkan tidak mungkinlah kita hendak membebankan TTDI sebagai satu syarikat untuk diresapkan dengan harta-harta yang tidak laku dijual di peringkat pasaran tender kedua atau tender pertama yang dibuat baru-baru ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan jadikan TTDI sebagai conduit, sebagai syarikat untuk menyalurkan kegiatan-kegiatan yang boleh meningkatkan nilai tambah (value-added) kepada aset yang sedia ada. Jadi, ini memerlukan satu pendekatan baru, maknanya pengurusan Danaharta bukan sahaja cepat-cepat hendak jual dari segi hartanah, baik komersial mahupun perumahan tetapi memikirkan juga bagaimana TTDI sebagai vehiclenya, sebagai satu conduit, satu syarikat saluran digunakan untuk mengambil aset-aset yang baik kerana kita mesti tingkatkan juga nilai aset di dalam TTDI. Jadi, kalau kita menggunakan ianya sebagai dumping sahaja untuk harta yang tidak boleh dijual sungguhpun recoverynya 60%kah atau 70%kah, saya rasa elok Danaharta mempunyai time frame yang sesuai. Adakah dua tahun, tiga tahun atau lima tahun, lepas itu tutup ataupun mempunyai time frame yang lebih sesuai bagi tujuan hendak meningkatkan balik nilai harta yang mereka sudah kumpul supaya recoverynya lebih tinggi di masa-masa akan datang. Jadi, saya hendak tahu adakah Danaharta mempunyai time frame ini ataupun skala masa yang bersesuaian bagi menentukan harta-harta yang diambil alih dapat dijual, dapat dibangunkan dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan harta-harta ini, kita mengharapkan kepakaran yang wujud di dalam Danaharta ini bukan menganggap kepakaran sementara. Saya tidak tahu sejauh mana dan selama mana Danaharta diwujudkan, adakah ianya sebagai satu stop gap measure, hendak menyelesaikan hutang-hutang lapuk sahaja ataupun ianya merupakan vehicle yang sentiasa wujud

bagi menampung keperluan krisis-krisis kecil dan besar pada masa-masa akan datang ataupun sampai lima tahun tutup Danaharta dan pegawai-pegawai yang terlatih, yang 250 orang saya difahamkan dan juga pegawai-pegawai tertingginya yang terlatih entah ke mana pula dia hendak pergi. Apakah hala tuju Danaharta, akta sudah banyak kita buat, sudah banyak kita luluskan, sudah mempercepatkan proses pengurusan. Jadi, soalnya sekarang, apa akan jadi kepada Danaharta setelah kumpulan harta-harta yang sedia ada ini dibereskan dari segi hutang-piutangnya ataupun ianya merupakan satu entiti yang berterusan untuk menjaga kepentingan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seumpama ini, sungguhpun kita ada kawalan mata wang asing dan sebagainya yang terpilih tetapi soalnya sejauh mana dasar itu sendiri berterusan. Mungkin juga ianya dibuka semula dan kalau dibuka semula kita terus terdedah kepada spekulator-spekulator seperti Soros, sungguhpun Soros sudah mengaku bahawasanya fundamental dari segi pasaran *laissez-faire* ini, dari segi mata wang telah pun meruntuhkan dia sendiri. Soros sendiri mengaku dan syarikat dia sekarang ini banyaknya sudah merempat, dia pun mengaku tetapi soalnya sekarang ini kita kena berjaga-jaga dan berhati-hati semoga tidak ada lagi krisis 1997 berlaku dan kalau berlaku kita sudah mempunyai institusi-institusi seperti Danaharta, Danamodal dan CDRC yang saya anggap sebagai corporate troika kerajaan ini dapat....macam juga ASEAN troika yang baru ditubuhkan baru-baru ini dapat mengatasi masalah ini.

Saya menyokong akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

#### **11.19 pagi.**

**Datuk Tee Thiong Hock:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya baca surat khabar dan nampaknya Perbadanan Danaharta ini menjalankan tugas dengan begitu baik kerana NPL pada bulan Mei tahun ini telah pun turun sekali lagi sampai 6.5% sahaja kalau dibandingkan pada masa bila negara kita dilanda dengan krisis ekonomi – begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membaca surat khabar di mana Pengarah Urusan Danaharta iaitu Dato' Azman Yahya melalui surat khabar telah menerangkan

mengapa perbadanan ini memerlukan kuasa yang lebih, cukup jelas, kerana untuk menjalankan tugas dengan lebih licin, lebih pantas dan lebih memuaskan. Jadi, I have no reservation, dengan izin, menyokong rang undang-undang ini.

Di sini ada beberapa perkara selain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan etika, kuasa lebih, pencapaian Danaharta. Saya telah dengar daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bahawa access power ini kalau tidak dijaga boleh diabuse. Saya yakin bahawa, I have full confidence, dengan izin, Danaharta tidak akan buat begitu kerana yang saya tahu, Danaharta ini diuruskan oleh pengarah dan juga pengurus yang cukup pakar dan cara mereka membuat kerja adalah mengikut principle of transparency kerana baru-baru ini I served in the website of Danaharta dan juga saya dapat banyak maklumat yang kita perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan ikut apa yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bahawa Danaharta ini ditubuhkan kerana ingin mengurangkan isu NPL dan kalau lebih lanjut ialah to prevent fire cess. Sebenarnya saya mahu bertanya di sini, walaupun fire cess ini telah pun kita dapat memberhentikan di pasaran awam, macam mana Danaharta dapat negotiate pemberian pinjaman-pinjaman ini daripada bank. Adakah itu merupakan satu diskaun yang begitu banyak dan sebenarnya adalah satu fire cess di sana yang tidak sampai ke peringkat orang biasa seperti di market place. Fire cess actually to place between the bank and Danaharta. Itu saya mahu tanya di sini, adakah itu benar yang dikatakan oleh orang biasa.

Lagi satu di sini saya ingin bertanya sedikit. Kalau Danaharta, Danamodal dan CDRC ditubuhkan untuk kerana bank-bank telah pun meminjam begitu banyak kepada pihak swasta – hampir menjadi satu masalah dan oleh kerana kerajaan telah tubuhkan tiga agensi atau jentera ini, telah pun menyelamatkan pihak perbankan di negara kita, sampai sekarang bank-bank di negara kita, kita tahu telah mendapat keuntungan yang begitu banyak tahun ini. Jadi, adakah itu, is it over requesting, dengan izin, kalau kita cadangkan, oleh kerana kerajaan telah banyak membantu melalui tiga jentera ini kepada pihak perbankan ini, adakah itu over requesting kalau pada masa yang begitu baik sekarang ini bank patut selain daripada membayar cukai-

cukai, allocate satu bilangan lebih kurang, kata 20% untuk buat sumbangan kebajikan di negara ini kerana dapat kita membantu bank, bank hidup sampai masa sekarang dan mencari lebih keuntungan. There is a principle, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, untuk menjaminkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, adakah Danaharta anggap kalau Danaharta menubuhkan suatu internal procedure untuk menjalankan urusan dan saya tidak akan cadang ISO tetapi hanya menjaminkan ada satu internal procedure seperti yang dikatakan oleh Dato' Dr. Chin iaitu pelantikan Pentadbir Khas, kalau dapat patut dijalankan dengan cara bertulis. That is the internal procedure dan juga auctions atau lelongan dan semua kerja yang dijalankan untuk menjual harta benda dan syer saham-saham itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah pun mengatakan tentang hal TTDI dan ini yang saya dapat dari website Danaharta di mana Danaharta selalu buat *press release*. Sebenarnya Danaharta telah launch the property sale, bukan kedua, ketiga dan satu lagi yang cukup menarik ialah Danaharta membeli TTDI Development Sdn. Berhad dari PNB.

Saya mahu tanya di sini apakah sebenarnya perkara ini. Tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kata aset yang orang tidak mahu beli itu di *park* di TTDI tetapi mengikut kepada *press release* ini Danaharta telah pun membeli syarikat itu. Sebenarnya, kalau ikut yang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1998 berkenaan dengan Bil Danaharta itu, Danaharta ditubuhkan hanya dengan dua matlamat yang utama:

- (i) menggunakan NPL; dan
- (ii) maximum recover value.

Tidak dikatakan Danaharta akan jadi sebuah syarikat property development dan juga yang saya diberitahu nyawa Danaharta ini pun definite short time, kerana kalau kita tidak short time dia punya life spent, businessman ataupun banking sektor di negara ini akan anggap ini sebagai satu savior vehicle, is ready anytime to save you. Itu I take as long term is very healthy.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak perkara telah pun dibahaskan, yang tinggal sedikit sahaja iaitu mengenai borrower iaitu peminjam dari bank, di manakah

keadaan ataupun the right of the borrower setelah peminjaman itu diberi oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, bila Danaharta mengadakan sesuatu tender melalui ejen-ejen di newspaper dengan gambar yang begitu cantik [*Menunjukkan sekeping risalah*] tentu ada orang beli tetapi ada juga yang tidak beli. Sampai sekarang ini apa yang saya observe hanya end unit sahaja dijual di pasaran. Projek-projek masih belum, end unit maknanya ialah unit-unit seperti pejabat, seperti kilang ataupun rumah yang dibeli oleh seseorang atau sesuatu syarikat itu yang loan telah jadi NPL, dibeli oleh Danaharta. Sekarang melalui tender-tender satu, dua dan tiga telah pun dijual di pasaran, hanya end unit sahaja.

Di sini saya hendak bertanya bila end unit ini dijual, adakah sesiapa ataupun adakah borrower asal dapat pembayaran. Adakah sampai sekarang ini, berapa dapat pembayaran setelah dibayar kepada bank, is there any residual value untuk peminjam itu. Saya tidak berapa – saya cari website, saya baca surat khabar tetapi langsung tidak ada maklumat. Tetapi ini ramai orang tanya sekarang.

Selain dari itu, oleh kerana tender-tender ini hanya merupakan end unit sahaja, langsung tidak ada berkaitan dengan projek seperti hotel-hotel. Kita telah pun diberitahu ada banyak hotel di negara ini, oleh kerana tidak ada pelancong, dia punya *occupancy rate* begitu rendah telah pun NPL dibeli oleh Danaharta. Tetapi sampai hari ini kita belum dapat maklumat macam mana treatment NPL terdiri dari hotel-hotel ini. Adakah hotel-hotel ini telah dijual ataupun adakah apa-apa mekanisme Danaharta akan menguruskan kerja mereka seperti yang saya katakan *maximum recovery value*, berkenaan dengan sektor hotel.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga satu perkara yang cukup menarik ialah bila sesuatu projek, seperti projek besar, tadi yang saya katakan *end unit* projek besar seperti kondominium ataupun pejabat, ataupun office complex itu dibina, bila kerja dijalankan sampai ianya tersangkut, jadi NPL dibeli oleh Danaharta. Tetapi pada masa projek itu dijalankan marketing dibuat, ada orang yang bayar cash untuk beli unit-unit itu. Kita tahu ada yang bayar cash. Bila ini jadi NPL dan pulangkan kepada tangan Danaharta, macam mana keadaan mereka yang beli cash itu? What are their

right? Saya mahu tanyakan di sini kerana ini ada beberapa isu yang selalu ditimbulkan, dibangkitkan di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan saya telah pun memberi sedikit pandangan berkenaan dengan kepakaran isu (*expertise issue*) di pihak pengurusan Danaharta. I have no such question, saya tidak ada soalan seperti itu kerana saya selalu bertemu dengan kakitangan Danaharta dan saya tahu kebolehan mereka. Hanya di sini saya mahu tanya, satu sahaja, kalau mereka ini adalah pegawai-pegawai yang berkhidmat sebagai *short term officer*, adakah isu ini kerana mereka ada *short term officer*, adakah menjatuhkan moral mereka itu for job security, job safety dan future kerana Danaharta ini hanya lebih kurang akan sampai lima hingga tujuh tahun, saya diberikan ikut *cycle property*. So, when the cycle is over, the problem is solved. Tetapi kalau cycle ini tidak dapat ditolong, problem ini tidak dapat di'solved'.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari isu kepakaran itu, hanya satu isu yang tertinggal iaitu kepakaran di antara pengarah-pengarah. Saya percaya itu juga mustahak, sama berat. Kalau tidak lebih berat, the issue is more important. Saya dapat tahu di sini selain dari satu atau dua orang yang menjadi ahli pengarah, saya tidak berapa faham berkenaan dengan latar belakang questionnaire itu, apakah kepakaran mereka, pengalaman mereka, adakah mereka hanya *property consultant* ataupun mereka ada lah *entrepreneur*. Saya emphasis *entrepreneur* begitu mustahak untuk menduduki sesuatu kerusi Lembaga Pengarah kerana we need a very innovative idea untuk menyelesaikan isu AMC ini.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya juga telah go through the list of the director, ada juga director yang mempunyai *duplicating skill*, dua, tiga orang dari banking, saya anggap satu orang sudah cukup, satu orang sudah cukup kerana kerusi begitu terhad. Hanya berapa? Sembilan sahaja, kalau tiga orang dari pihak banking. Jadi, dua orang dari *foreigner*, hanya tinggal lagi berapa sahaja. Kita tidak dapat kepakaran yang kita perlukan.

Jadi, selain dari saya minta keterangan saya juga harap isu siapa yang patut diisik di dalam Lembaga Pengarah ini diambil berat selain dari pihak pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi dahulu.

**11.36 pagi.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional dan saya turut menyokong.

Saya juga turut berasa sukacita dan mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang telah mengambil bahagian dengan begitu baik, sehingga bila hujung semua sudah cover tajuk ini. Saya juga turut mengucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil langkah-langkah yang baik dan menjadikan satu *success story* bagi Malaysia.

Saya sekadar untuk membangkitkan tiga perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya oleh kerana kita telah dengar banyak tentang kejayaan syarikat Danaharta ini, berdasarkan permasalahan yang datang tiba-tiba dengan tidak kita duga dan juga telah dibahaskan oleh rakan-rakan ahli Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa dunia juga melihat ini sebagai satu kejayaan, malah orang yang telah pernah mengkritik kita tentang pengurusan kewangan kita, juga mengakui kejayaan kita.

Yang saya hendak bangkitkan ialah apakah pihak kerajaan dan syarikat Danaharta ini sendiri, pihak kerajaan lebih-lebih lagi, mengumpul maklumat-maklumat ini, dijadikan sebagai satu kes, sebagai satu *learning experience*, dengan izin, yang khusus supaya dapat dibukukan, mungkin oleh badan-badan yang tertentu, mungkin oleh ISIS dan sebagainya supaya ianya dijadikan bahan yang boleh kita edarkan ke seluruh dunia di atas pengalaman kita yang baik ini kerana krisis melanda di mana-mana. Dan oleh kerana kita di seluruh dunia memperkatakan umpamanya tentang *New Financial Architecture* sebagai contoh yang telah pun diterima pada dasarnya tetapi dari segi amalan penyelesaiannya masih terbengkalai.

Jadi, kalau sekiranya berdasarkan pengalaman kita yang telah berjaya, kita bukukan dengan bentuk yang profesional, kita bentangkan pengalaman dan kejayaan kita ini, saya rasa ini akan menuju ke arah menguatkan lagi cadangan-cadangan kita yang lain dan permohonan-permohonan kita yang lain, dan pendapat-pendapat kita

yang lain dalam dunia kewangan, dalam dunia ini kerana dalam dunia globalisasi yang kita cakap kita mengetahui bahawa tidak semua orang mengetahui jawapan pada semua masalah. Dan oleh kerana walaupun Malaysia negara kecil mempunyai kekuatan yang tersendiri, kekuatan ini saya rasa patut kita tonjolkan sebagai satu produk yang boleh kita banggakan. Malah telah pun terbit dalam beberapa majalah asing mengatakan bahawa apakah dunia di mana-mana tempat akan mengulangi masalah yang telah pun dialami oleh negara-negara tertentu. Saya rasa untuk menjawab ini, cadangan saya tadi patut diberi perhatian yang baik, yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Fasal 10, seksyen 20 Akta Ibu yang dipinda bahagian (b) itu, dikatakan di sini, *“Apa-apa maklumat yang didedahkan oleh penjual atau Perbadanan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dikira sebagai maklumat yang tersedia menurut undang-undang bagi orang awam bagi maksud subseksyen 97(2) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.”*

Sebenarnya saya sendiri agak keliru (confuse) dengan Fasal ini kerana bila maklumat-maklumat itu didedahkan, ia kata pula dalam bahagian yang lain, ia tidak boleh dikira sebagai maklumat. Saya tidak faham dan saya harappihak kementerian memberi penjelasan sedikit tentang perkara ini supaya dapat difaham dengan begitu jelas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah menyentuh beberapa perkara yang telah rakan-rakan saya yang lain sebut tentang ada had usia Danaharta ini. Kita semua tahu, telah dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi, yang dua orang untuk pagi ini, tetapi saya ingin lanjutkan perbahasan ini dengan mengatakan bahawa apakah perancangan kerajaan selepas ini? Kita tahu ia akan hanya wujud sementara lima, tujuh tahun. Kita tahu kepakaran sudah ada, telah dibuktikan kejayaannya baik, kita tahu 250 orang ini terlatih, terdedah dan mempunyai kejayaan sehingga diakui, diiktiraf sebagai sebuah asset management company yang berjaya.

Oleh kerana itu mungkin sampai masanya pihak kerajaan melanjutkan kekuatan ini dengan melihat pasaran dunia sebagai satu alternatif. Pasaran dunia dalam bidang asset management company kerana kalaulah had umurnya sekadar

untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi, itu baik, sudah baik tetapi kalau jangka panjang macam yang sebut tadi masalah dunia dari segi pentadbiran, pengurusan kewangan masih wujud, mungkin baik pihak kementerian membuat persediaan yang awal supaya umpamanya, syarikat Danaharta ini dijadikan sebagai satu syarikat *consultancy*, dengan izin, perunding kepada negara-negara lain yang memerlukan perkhidmatan yang sebegini.

Dengan jalan ini pendekatan yang saya sebut awal tentang mempromosikan *success story* kita bersama-sama dengan pendedahan penawaran kita sebagai syarikat perunding dalam bidang ini saya rasa adalah selaras dan saya harap pihak kementerian memberi perhatian ini kerana kalau tidak, macam yang rakan-rakan kita sebut, apa hendak jadi kepada pegawai-pegawai yang 250 ini.

Saya tidak begitu hirau tentang rakan saya yang sebelum ini menyebut tentang *short term* mereka ini yang tidak dapat insentif kerana memang mereka sudah ada cukup insentif, oleh kerana itulah mereka telah datang bekerja 250 orang dan membuat komitmen yang begitu baik. Dan kita patut menyanjung tinggi khidmat mereka ini terutama sekali Datuk Azman yang mulia, yang muda tetapi berkebolehan bila diberi peluang. Saya rasa ini patut dilanjutkan atas apa yang telah saya cadangkan tadi.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

**11.44 pagi.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan ke atas Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini ramai rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan pandangan mereka daripada sudut kacamata mereka masing-masing dan pada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mengemukakan pandangan saya dari sudut kacamata kaum pekerja. Apakah implikasinya terhadap syarikat-syarikat yang telah diambil alih oleh Danaharta Berhad dari segi kepentingan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dengan memulakan pandangan saya iaitu penubuhan Danaharta Nasional Berhad pada tahun 1998 adalah merupakan satu elemen yang sangat penting dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) terutamanya bagi menyelaraskan sistem kewangan dan perbankan negara ini yang terjejas akibat dari kegawatan ekonomi yang melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kami amatlah menghargai usaha-usaha bersegera Danaharta bagi mengurangkan tanggungan ataupun *liabilities*, dengan izin, sistem perbankan bank-bank tempatan yang beroperasi dalam negara kita. Langkah-langkah tersebut sememangnya adalah satu langkah yang sangat bijak dan baik yang telah membawa kepada pemulihan ekonomi negara pada hari ini selepas kita mengalami krisis kewangan dalam tahun 1997 dan juga 1998.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang dibentangkan dalam Dewan ini bertujuan memperbetulkan serta mengemas kini pengurusan pentadbiran dan operasinya, saya kira adalah bertepatan dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, sambil kita menghargai peranan yang dimainkan oleh Danaharta dan juga memperakui wajarnya pindaan-pindaan yang sedemikian perlu dilaksanakan bagi memperbaiki keupayaan Danaharta itu sendiri untuk mengurus dengan berkesan *liabilities* yang diambil alih dari sistem perbankan tempatan, kaum pekerja di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, merasa tertanya-tanya terhadap arah dan matlamat sebenar langkah penstrukturan semula skim tersebut. Dalam hal ini, terutamanya soal pengurusan, Danaharta harus faham tentang arah tujuan dan juga apakah sedang dan akan dilakukan dalam mengenal pasti isu-isu yang terlibat dengan syarikat-syarikat yang diambil alih oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, pekerja-pekerja juga tentu sukar untuk memahami terhadap sistem-sistem yang dijalankan oleh Danaharta disebabkan mereka hanya menerima segala hasil-hasilnya dan juga tidak mempunyai sebarang *access* dalaman terhadap pembuat dasar ataupun *policy making level*, dengan izin, dalam Danaharta itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu perkara pokok yang ingin saya bertanya dalam Dewan ini, terutama kepada mereka yang berkenaan, Kementerian Kewangan,

apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh Danaharta bagi melindungi pekerja-pekerja dalam syarikat-syarikat yang diambil alih oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah Dewan ini harus maklum, ketika negara dilanda kegawatan ekonomi dalam pertengahan tahun 1980-an, lebih daripada 400 pekerja telah kehilangan pekerjaan dan pada tahun 1997 dan 1998, lebih daripada 100 orang pekerja kehilangan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang muda hilang pekerjaan, mereka senang sekali untuk mencari pekerjaan tetapi bagaimana pula mereka yang telah berumur lebih daripada 45 tahun ke atas, sama ada ianya dari pekerja kolar biru ataupun kolar putih, sudah barang tentu mereka menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan dalam bidang-bidang yang tertentu. *Market* untuk mereka, dengan izin, pasaran untuk mereka adalah terhad sama sekali.

Jadi, ini satu perkara yang harus diambil perhatian oleh Danaharta dalam proses pengambilan syarikat-syarikat yang berkenaan dan daya usaha Danaharta untuk memulihkan syarikat-syarikat yang telah diambil alih bagi memastikan perkembangan perjalanan syarikat dan juga perkembangan ekonomi negara kita berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kita semua sedia maklum, saya telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan beberapa kali terhadap isu bagaimana mereka yang telah ditamatkan perkhidmatan ini jika sekiranya syarikat tersebut diambil alih oleh Danaharta dan dijual dengan secara *auction* dan sebagainya. Bagaimana pembayaran perkhidmatan pekerja-pekerja yang berkenaan dan adakah mereka menerima pembayaran dan sebagainya. Ini satu perkara yang selalu bermain di kepala kalangan pemimpin kesatuan sekerja dan juga pekerja-pekerja am. Jadi, saya pernah mencadangkan bahawa skim penamatan perkhidmatan harus diwujudkan dalam negara kita bagi menampung keadaan sedemikian yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berasa gembira ingin menjelaskan dalam Dewan ini iaitu pada 29 Julai yang lepas, Perdana Menteri dengan sukacitanya telah mengisytiharkan bahawa kerajaan akan melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan ini untuk negara kita. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan Malaysia khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah mempersetujui pelaksanaan skim ini untuk dijalankan dalam negeri. Ini

adalah merupakan satu skim jaring keselamatan atau dengan izin, *safety net*, untuk pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatannya, syarikatnya diletakkan di bawah tanggungan atau diambil alih oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan Persatuan Majikan Malaysia ataupun Malaysian Employer's Federation, dengan izin, walaupun Perdana Menteri telah menyarankan perkara ini harus dilaksanakan tetapi masih lagi kedapatan persatuan majikan masih lagi tidak dapat menimbangakan pelaksanaan skim ini dan saya pun tidak tahu sama ada mereka ini benar-benar, kalau hendak cakap jujur Tuan Yang di-Pertua, saya ingat barangkali keterlaluan pada saya, tetapi mereka ini tidak arif dan tidak prihatin kepada nasib kaum pekerja yang ditamatkan perkhidmatan oleh syarikat yang jatuh muflis, yang tidak berkemampuan untuk membuat pembayaran bilamana syarikat mereka ditutup.

Saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan ini, merayu kepada Persatuan Majikan Malaysia menerima cadangan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri untuk pelaksanaan skim ini. Jika sekiranya skim ini dianggap oleh mereka terlalu mahal, caj RM1 seorang, saya kira anggapan saya RM1 tidak begitu mahal tetapi kalau mereka berpendapat RM1 terlalu sangat mahal dan saya dan MTUC sendiri bersetuju kita boleh menimbangakan perkara ini.

Pokoknya dua, Tuan Yang di-Pertua. Satu, menerima pelaksanaan skim penamatan ini, kedua, jumlahnya kalau difikirkan dari segi, *to begin with*, mulakan, kami sanggup untuk menimbangakan penurunannya supaya skim ini dapat dilaksanakan dan mereka yang terlibat akibat daripada penutupan syarikat dan sebagainya, dapat pembayaran daripada skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang hendak saya katakan dalam Dewan yang mulia ini ialah soal waktu kegawatan berlaku dalam negara kita, kita tahu banyak syarikat yang tidak mempunyai kemampuan dan banyak syarikat yang telah memohon kepada pekerja meminta mereka supaya memotong gaji bulanan mereka dan malahan ada bonus dalam perjanjian bersama, bonus pun tidak dibayar dan beberapa tindakan susulan lain bagi memastikan kos syarikat tersebut berkurang dan mereka memohon pekerja memberi kerjasama dan pekerja, Tuan Yang di-Pertua, telah pun memberikan kerjasama mereka ke arah matlamat ini dengan syarikat yang

berkenaan dan sanggup memotong gaji mereka, sanggup tidak ada bayaran bonus dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang, dengan wujudnya Danaharta, dengan wujudnya pemulihan ekonomi yang begitu menggalakkan dan sebagainya, saya dapati Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini yang telah memotong gaji, tidak membayar bonus, mendapat keuntungan tidak mengembalikan semula kepada pekerja. Sepatutnya mereka harus mengembalikan semula potongan gaji yang telah dibuat. Bonus yang telah tidak dibayar, walaupun tidak sanggup untuk membayar tunggakan (*arrears*) kebelakangan selama dua tahun kepada pekerja, Tuan Yang di-Pertua, asalkan balik semula pembayaran gaji asal sebelum dipotong. Itu merupakan satu pertolongan pihak syarikat, menghargai pengorbanan kaum pekerja dalam mengharungi kegawatan ekonomi yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak majikan supaya lebih sensitif dan lebih memahami terhadap masalah yang dihadapi pekerja dan kita telah menerima pengorbanan, jangan sama sekali mengabaikan permintaan pekerja supaya majikan dalam masa mereka memperoleh keuntungan, memberikan bantuan ataupun memulangkan semula yang telah dibuat, seperti mana kita juga sensitif dengan nasib mereka. Dalam kegawatan tempoh hari, mereka telah berkorban menolong syarikat untuk memulihkan syarikat mereka daripada kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin membangkitkan soal isu ketelusan dan akauntabiliti, ingin mengingatkan Danaharta dan syarikat-syarikat yang terlibat. Setelah Danaharta mengambil alih dan menolong syarikat-syarikat yang berkenaan, saya kira pemantauan yang serius harus dilakukan bagi memastikan syarikat-syarikat yang berkenaan *more transparency, more accountability* dalam pengurusan mereka dan apa yang telah berlaku terhadap syarikat-syarikat tersebut dari segi kejatuhan, dari segi kehilangan daya upaya untuk menggerakkan syarikat dan tidak mencapai keuntungan dan sebagainya sehingga menyebabkan Danaharta mengambil alih dan menolong syarikat-syarikat yang berkenaan dan usaha kerajaan ini harus dipandang serius oleh syarikat-syarikat yang berkenaan dan syarikat berkenaan harus berwaspada dalam mengendalikan syarikat mereka.

Dengan kenyataan yang telah saya buat tadi itu, iaitu mereka harus *transparency* dan *accountability* dalam pengurusan mereka supaya wujudnya pentadbiran yang tulen, ikhlas, jujur dan syarikat akan berterusan dan akhirnya negara kita akan maju dan pekerja akan terus menikmati faedah dari sumbangan mereka dari segi bentuk gaji, bonus dan sebagainya.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Chia Chui Ket.

**11.58 pagi.**

**Puan Chia Chui Ket:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta yang telah ditubuhkan sebagai syarikat pengurusan aset nasional boleh didapati sebagai sebahagian daripada langkah untuk memulihkan kedudukan kewangan negara dan seterusnya kedudukan ekonomi negara kita. Saya pun ucapkan tahniah di sini kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini dimaklumkan bahawa pindaan kepada Akta Pengurusan Danaharta yang dicadangkan adalah bertujuan untuk membolehkan Danaharta untuk terus beroperasi secara efisien di dalam mencapai objektif penubuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang ini bertujuan baik, saya ingin menyentuh mengenai hak tambahan seperti yang disenaraikan di seksyen 57, subseksyen (4) dan seksyen 72, seksyen yang baru. Seksyen 57, subseksyen (4), di antaranya menyatakan bahawa “.....*perakuan pindah milik atau surat cara pemindahan hak milik atau dokumen pendaftaran lain yang disempurnakan oleh perbadanan atau pemeroleh hendaklah diterima oleh tiap-tiap Pendaftar Mahkamah Tinggi, Pendaftar Syarikat, Pendaftar Tanah dan sebagainya yang disenaraikan dan melaksanakan pindah milik harta itu atau mana-mana bahagiannya kepada pembeli tanpa perlu untuk membuat apa-apa permohonan lanjut atau memfailkan apa-apa*

*dokumen lanjut*". Pindaan di sini akan memberi banyak kuasa kepada Pentadbir Khas dan Jawatankuasa Selia. Langkah-langkah bagi mengawal kuasa tambahan ini mesti diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 72 yang baru menghalang injunksi mandatory dan prohibitory dikeluarkan terhadap Danaharta, Jawatankuasa Selia, Pentadbir Khas dan Penasihat Bebas. Walaupun ini membolehkan Danaharta melaksanakan tanggungjawabnya tanpa dibebani oleh tindakan litigasi yang lemah dan memakan masa yang panjang sepatutnya mesti ada accountability, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sebut di sini ialah meminta penjelasan daripada Menteri Kewangan tentang seksyen 57, subseksyen (5). Di seksyen tersebut Danaharta atau mana-mana syarikat berkaitan atau subsidiary perbadanan boleh memperolehi apa-apa harta yang dilupuskan di bawah seksyen 57, subseksyen (1). Di sini adakah kontradiksi dan adakah conflict of interest, dengan izin, dengan fungsi Danaharta.

Dengan ini, saya bersama dengan rakan saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

#### **12.04 tgh.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengurusan Danaharta Nasional Berhad kerana telah membantu rakyat Malaysia daripada kesan teruk krisis ekonomi yang melanda negara kita mulai tahun 1997 dan kalau tidak ada Danaharta, rakyat dan negara akan menerima satu tamparan hebat yang mungkin kita tidak akan bangun kembali akibat krisis ekonomi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Danaharta bukan sahaja menyelamatkan syarikat yang dilanda krisis ekonomi tetapi juga rakyat dan maruah negara. Membantu syarikat-syarikat yang ada masalah bukanlah amalan Malaysia sahaja tetapi ia juga diamalkan oleh negara maju. Saya dengan rakyat Malaysia yang lain ingin menyeru kepada kerajaan supaya membantu syarikat-syarikat yang lebih menunjukkan sifat

tanggungjawab atau good corporate governance, dengan izin, atau seliaan syarikat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan syarikat yang perlukan bantuan ialah syarikat-syarikat yang gagal menyeliaikan kawalan yang baik ke atas perjalanan syarikat itu sama ada dari segi kewangan ataupun pengurusan ataupun wawasan tentang haluan kejayaan syarikat. Ada syarikat yang mengembangkan operasi lebih daripada kemampuan pengurusan dan pengarahnya iaitu boleh disifatkan seperti pepatah Melayu, “Lebih lajak dari laju”. Mereka menjalankan pengembangan atau extension syarikat tanpa mengambil kira keupayaan ataupun liabiliti sesuatu projek itu. Mereka beranggapan nama baik mereka sahaja sudah mencukupi untuk menjamin kejayaan sesuatu projek itu dan juga nama baik mereka sahaja boleh membuka pintu bank. Apa yang gagal mereka lakukan ialah mengenai liabiliti sesuatu projek itu, penerimaan orang ramai dan kuasa pasaran. Unjuran keuntungan atau profit projection, dengan izin, yang dibuat oleh syarikat berkenaan hanya menunjukkan mereka akan mendapat pulangan yang cukup menguntungkan kepada mereka dan pemegang saham ataupun shareholders, dengan izin. Realitinya unjuran keuntungan itu hanya khayalan semata-mata yang juga telah memperdayakan pemegang saham yang lain. Ini kerana unjuran yang dikawal oleh pengurusan yang kurang cekap dan tidak berpengalaman akan menjadi unjuran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan corporate governance, dengan izin, langsung tidak menjadi pegangan kepada pengurusan dan lembaga pengarah syarikat itu. Anggapan kalau syarikat lain boleh maju dalam bidang itu mengapa tidak kita menjadi pegangan mereka. Apa yang mereka lupa ialah syarikat lain ada pengalaman dan kecekapan dalam pengurusan projek itu tetapi mereka langsung tidak ada apa-apa. Akibat daripada sikap mereka itu telah menyebabkan mereka mengembangkan atau expand syarikat itu lebih daripada apa yang boleh mereka kawal. Oleh kerana tidak ada pengetahuan mengenai projek itu maka ia telah menyebabkan syarikat itu mengalami kerugian. Pepatah Melayu mengatakan “Hendak gugur gugurlah angka, hendak tidur tidurlah mata”. Yang saya maksudkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini sudah mahu jatuh muflis atau bankrap. Jadi apalah gunanya untuk menyelamatkan benda yang memang hendak gugur. Ini seolah-

olah mahu melawan hukum alam yang mengatakan benda yang akan jatuh akan jatuh ke bawah. Dan syarikat-syarikat tersebut tidak ada jalan lain untuk mereka melainkan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih baik modal itu diambil dari tangan pengurus yang tidak cekap dan diberikan kepada pengurus yang cekap yang boleh menjamin kejayaan sesuatu projek. Satu daripada contoh yang dapat kita lihat ialah mengenai Ibu Pejabat Sogo yang mengalami kerugian akibat daripada pengurusan yang kurang cekap ataupun poor management, dengan izin. Kalau ditambahkan modal pun tidak akan menjamin yang syarikat itu akan pusing balik atau turn-around.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat berharap pengurusan dan lembaga pengarah syarikat-syarikat yang bankrap ini mestilah memikul tanggungjawab di atas kegagalan mereka bahawa kejayaan kepada syarikat itu. Seperti di Ibu Pejabat Sogo juga ada seorang eksekutif yang ketua kanannya yang sanggup berkorban untuk menunjukkan yang beliau telah gagal dalam menyelamatkan syarikat itu dan bertanggungjawab sepenuhnya. Bukanlah saya mahu ahli lembaga pengarah atau pengurusan mengambil jalan yang terakhir. Apa yang dikehendaki ialah mereka berani mengatakan yang mereka bertanggungjawab atas kegagalan mereka dan tidak melepaskan tanggungjawab itu kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Danaharta mestilah memastikan dalam pengurusan semula atau restructuring atau reorganization, dengan izin, syarikat-syarikat yang diambil alih olehnya betul-betul berlaku. Pengurus-pengurus dan ahli lembaga pengarah yang tidak cekap ataupun tidak boleh membantu dalam memastikan kejayaan syarikat itu mestilah dilepaskan. Kalau dibiarkan juga mereka berada di situ, wang setinggi gunung pun akan habis tetapi syarikat itu tetap gagal. Rakyat berharap janganlah membazirkan wang orang ramai untuk membantu syarikat yang tidak boleh maju tetapi gunakanlah wang itu untuk diberikan kepada petani-petani untuk meningkatkan lagi produktiviti sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu aktiviti Danaharta ialah menjual syarikat-syarikat ataupun projek-projek yang telah diambil alih. Di antara soalan-soalan yang rakyat mahu jawapannya ialah mereka mahu tahu apakah matlamat Danaharta

menjual syarikat-syarikat atau projek-projek yang diambil alih olehnya. Bolehkah ia mendapat balik wang yang telah dibelanjakan. Siapakah yang mahu membeli syarikat-syarikat yang sudah bankrap dengan pengurusannya yang tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh yang ingin saya tunjukkan ialah mengenai penjualan Pangsapuri Villa Duta yang terletak di Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan. Saya difahamkan penjualan ini dibuat secara tender dengan harga minimum di antara RM120,000 hingga RM180,000. Saya difahamkan bahawa pada awalnya pemaju Villa Duta telah membuat promosi secara besar-besaran untuk menarik minat para pembeli, pemaju telah menjanjikan berbagai kemudahan seperti lokasi yang bagus, kawalan keselamatan dan lain-lain lagi. Tetapi sayangnya sambutan orang ramai adalah dingin terhadap projek itu. Antara sebab-sebabnya ialah reputasi syarikat ini telah terjejas. Pemaju ini telah memajukan banyak projek perumahan yang lain. Salah satu daripadanya ialah pemaju ini tidak menunaikan janji-janjinya kepada pembeli-pembeli pangsapuri di projek lain. Ramai pembeli telah menyuarakan keluhan dan rungutan mereka dalam akhbar-akhbar mengenai perkara ini. Pemaju ini ada terlalu banyak projek sehinggakan tidak dapat mengawal dan menyelia projek-projek yang ada dengan baik. Orang ramai telah mengambil ikhtibar dan rungutan-rungutan itu dan ini telah menyebabkan mereka tidak menunjukkan minat untuk membeli Pangsapuri Villa Duta. Lagipun pangsapuri itu terletak di bahagian terceruk kawasan Bukit Antarabangsa. Jadi pemajunya sendiri telah tidak berjaya menjualkan pangsapuri itu walaupun promosi telah dibuat secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Danaharta yang mempromosikan penjualan pangsapuri tersebut dapat mengiklankan penjualannya secara tender dengan harga minimum dapat menarik minat pembeli. Adakah orang ramai akan datang berebut-rebut untuk membeli pangsapuri ini sama ada untuk diduduki atau untuk dispekulasikan. Apa yang boleh dispekulasikan ialah orang ramai tidak akan datang berebut-rebut untuk membeli pangsapuri itu. Apakah tindakan Danaharta seterusnya jika tidak ada siapa yang mahu membeli pangsapuri ini. Adakah ia akan dijual kepada mereka yang layak menduduki rumah murah kalau tiada siapa mahu

membelinya. Jika para elit mengelak dari menduduki Villa Duta, baiklah dibagi kepada mereka yang termasuk dalam golongan rakyat termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya dengan ikhlasnya menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000. Terima kasih.

### **2.15 tgh**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah Awin yang memberi penjelasan yang agak panjang lebar mengenai fungsi dan kejayaan-kejayaan Danaharta setakat ini. Berhubung keraguan Yang Berhormat mengenai kemungkinan Pentadbir Khas bekerja secara sambilan yang boleh menjejaskan proses pemulihan NPL dan pernahkah Danaharta menyalahgunakan kuasa yang diberi di bawah akta. Adalah ditegaskan di sini bahawa setiap Pentadbir Khas adalah disokong oleh pasukan pengurusan yang profesional. Dengan demikian tidak timbul masalah Pentadbir Khas bekerja secara sambilan dan dalam pada itu sepanjang kira-kira setahun setengah beroperasi Danaharta tidak pernah menyalahgunakan kuasa yang diberikan di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Yang Berhormat Senator Siti Zailah Mohd. Yusoff telah menanyakan apakah kriteria-kriteria pemilihan syarikat yang boleh diambil alih oleh Danaharta. Danaharta hanya mengambil alih NPL daripada bank-bank dan bukan syarikat. Danaharta tidak memilih untuk berurusan dengan bank-bank tertentu sahaja dan juga tidak memilih NPL mana yang hendak diambil alih. Danaharta membuat tawaran membeli NPL kepada semua bank, terserah kepada sesebuah bank itu untuk bersetuju menjual NPLnya kepada Danaharta atau sebaliknya.

Danaharta juga seperti yang disoalkan mesti memperlakukan pinjaman secara saksama. Sebagaimana yang sedia maklum Yang Berhormat, setiap peminjam di bawah Danaharta adalah tertakluk kepada garis panduan penyusunan semula pinjaman. Setiap pinjaman diberikan satu peluang untuk menyusun semula NPL

masing-masing tetapi jika pinjaman tidak berdaya maju atau gagal mematuhi garis panduan tersebut maka Danaharta tidak ada pilihan lain tetapi terpaksa menghalang tebus aset cagaran atau melantik Pentadbir Khas bagi menguruskan syarikat peminjam.

Yang Berhormat Senator Tuan Rosli Mat Hassan menanyakan sama ada Danaharta patut mengambil perhatian mengenai dasar kerajaan berkenaan dengan pegangan ekuiti bumiputera. Sebagai agensi kerajaan Danaharta akan sentiasa mematuhi semua dasar kerajaan termasuklah dasar-dasar mengenai pemilikan hartanah contohnya tanah rizab Melayu. Selain daripada itu juga tender terbuka hartanah yang dijalankan oleh Danaharta mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) malah Lembaga Tender Danaharta turut mengandungi seorang wakil daripada FIC yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Rosli Mat Hassan juga telah menanyakan sama kerajaan seharusnya memberi Danaharta tugas tambahan untuk membantu pemulihan usahawan. Danaharta ditubuhkan sebagai sebuah agensi khusus dengan dua matlamat iaitu mengambil alih NPL dari institusi-institusi kewangan dan mendapatkan nilai pemulihan maksimum mungkin daripada NPL tersebut. Penubuhan Danaharta hanya bersifat sementara dan mandat yang diberikan kepadanya adalah terhad kepada mencapai kedua-dua matlamat yang saya sebutkan tadi. Usaha-usaha membantu pemulihan usahawan boleh dilakukan menerusi agensi-agensi keusahawanan sedia ada contohnya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan selain daripada itu kerajaan telah membentuk beberapa tabung termasuk Tabung Pemulihan Usahawan di bawah Bank Negara Malaysia yang menyediakan dana RM500 juta untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan serta industri kecil dan sederhana.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng telah menanyakan adakah benar bahawa pelantikan Pentadbir Khas tidak perlu dilakukan secara rasmi iaitu cukup dengan lantikan secara lisan sahaja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua pelantikan Pentadbir Khas dibuat secara rasmi dan bertulis selepas mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Selia. Notis pelantikan turut dihantar kepada Pendaftar Syarikat dan iklan mengenai pelantikan Pentadbir-Pentadbir Khas yang

disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua buah akhbar harian nasional untuk maklumat umum.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng juga telah menanyakan apakah terjadi kepada pemiutang-pemiutang bercagar yang tidak diketahui oleh Pentadbir Khas. Untuk makluman Yang Berhormat selepas Pentadbir Khas mengambil alih kawalan di sesebuah syarikat, beliau akan menyemak rekod dan buku syarikat untuk mengenal pasti penghutang-penghutang bercagar. Pelantikan Pentadbir Khas juga dilantik, diiklankan di akhbar-akhbar dan oleh yang demikian mana-mana penghutang bercagar boleh berhubung dengan Pentadbir Khas tersebut. Satu lagi soalan yang dibangkitkan ialah apakah tujuan pindaan kepada Jadual Pertama seperti yang terkandung dalam Seksyen 39 rang undang-undang pindaan. Jadi Yang Berhormat, Seksyen 39 rang undang-undang ini bermaksud untuk mengekalkan suatu keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah walaupun terdapat ketidakpatuhan dalam hal-hal prosedur masyarakat. Contohnya seorang ahli lembaga tidak menandatangani daftar kehadiran mesyuarat.

Seksyen 39 itu turut mengekalkan keputusan mesyuarat lembaga pengarah walaupun terdapat ahli lembaga yang melanggar kewajipan menyimpan kerahsiaan di bawah Seksyen 65 Akta Danaharta. Bagaimanapun ahli lembaga tersebut tetap bertanggungjawab di atas tindakan-tindakan beliau itu.

Soalan yang lain yang telah dipaparkan oleh Yang Berhormat ialah apakah perbezaan antara lembaga dan jawatankuasa selia. Lembaga termasuk Lembaga Pengarah Danaharta dengan sembilan anggota yang bertanggungjawab bagi menetapkan dasar dan pentadbiran am, hal ehwal dan perniagaan Danaharta yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta Danaharta sedangkan Jawatankuasa Selia pula bermaksud satu jawatankuasa bebas dengan tiga anggota. Menurut peruntukan Seksyen 22 Akta Danaharta, Jawatankuasa Selia antara lain berfungsi meneruskan pelantikan Pentadbir Khas dan penasihat bebas ke atas sebuah syarikat peminjam. Dengan demikian tidak ada pertindihan di antara keanggotaan Lembaga Pengarah Danaharta dengan Jawatankuasa Selia.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz Abd Rahman telah menanyakan beberapa banyak soalan yang agak kritikal. Berapa banyakkah NPL di bawah

Danaharta yang didapati berpunca daripada masalah peminjam atau syarikat itu sendiri seperti kata salah urus, mismanagement ataupun fraud. Tidak dinafikan selain daripada akibat krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada tahun 1997. NPL dalam sistem perbankan turut berpunca dari beberapa faktor. Antaranya mungkin termasuk kelemahan pengurusan syarikat peminjam, peminjam membuat pelaburan yang tidak kena pada tempat atau masanya atau kelemahan sistem pemantauan kredit dan pengurusan risiko di pihak bank. Walau bagaimanapun boleh dikatakan bahawa sesuatu NPL berpunca daripada gabungan beberapa faktor termasuk seperti yang saya nyatakan tadi. Sekiranya terdapat bukti bahawa sesuatu NPL berpunca daripada kesalahan jenayah seperti pecah amanah atau fraud maka Pentadbir Khas yang dilantik perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa agar tindakan boleh diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Senator Dato' Aziz juga menanyakan apakah Danaharta patut mengambil perhatian mengenai dasar kerajaan berkenaan dengan pegangan ekuiti bumiputera. Saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Tuan Rosli Mat Hassan yang telah pun saya katakan tadi dan kita berharap bahawa semua dasar kerajaan akan kita patuhi sepenuhnya.

Bagaimanakah Danaharta meluluskan saham-saham yang dipegang sebagai cagaran NPL dan apakah usaha pelupusan NPL itu dijangka akan memberi kesan buruk kepada pasaran saham. Soalan ini yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Aziz, seperti mana saya katakan sama seperti mana-mana bank juga yang memegang saham sebagai cagaran. Danaharta akan mengambil kira keadaan pasaran saham semasa sebelum melupuskan saham-saham yang dihalang tebus. Pada masa yang sama Danaharta perlu mencapai nilai pemulihan terbaik daripada saham-saham itu. Dengan itu sudah semestinya Danaharta tidak akan melakukan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan pasaran saham kerana ia turut memberi kesan buruk kepada usaha mendapatkan nilai pemulihan yang terbaik.

Adakah Danaharta menerima nasihat atau pandangan dalam usaha-usaha pengurusan aset terutama dalam memenuhi dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru. Pertanyaan ini diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Aziz, jawapannya ialah dalam usaha pelupusan aset Danaharta sentiasa mengambil kira

dasar-dasar kerajaan yang perlu dipatuhi termasuk Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional.

Pertanyaan lain ialah mengenai adakah Danaharta mengambil sebarang langkah untuk meningkatkan keberkesanan pentadbir korporat (corporate governance) yang juga ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Karim tadi, oleh syarikat-syarikat peminjam di bawah portfolionya. Peranan Danaharta adalah terhadap kepada agensi pengurusan aset sahaja dan ia tidak mempunyai kuasa-kuasa untuk mengawal selia syarikat-syarikat berkenaan mengenai pentadbiran korporat atau corporate governance. Walau bagaimanapun dalam kes-kes yang mana Pentadbir Khas telah dilantik ke atas sebuah syarikat peminjam. Pentadbir Khas mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa syarikat tersebut mematuhi syarat-syarat pentadbiran korporat yang ditentukan oleh badan-badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat.

Apakah Danaharta mempunyai tenaga pakar yang sewajarnya untuk mengendalikan masalah NPL memandangkan jumlah NPL yang amat besar dalam portfolionya. Ini juga ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi mengenai profesionalisme, tenaga-tenaga kita dalam Danaharta. Danaharta mempunyai 290 orang kakitangan terdiri daripada ahli-ahli profesional veteran dan yang muda. Secara amnya kakitangan profesional Dana harta mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dan 40% daripada mereka itu telah memiliki Ijazah Sarjana atau kelayakan profesional seperti akauntan bertauliah ataupun chartered accountant.

Kira-kira 44% daripada kakitangan Danaharta mempunyai pengalaman yang melebihi 10 tahun dan kira-kira 67% daripada kakitangannya berusia lebih daripada 30 tahun. Di samping itu Danaharta turut menggunakan tenaga-tenaga pakar dari luar Danaharta ataupun yang dikatakan out-source. Tugas-tugas yang diberikan kepada firma-firma profesional seperti firma perakaunan, jurunilai, guaman dan bank-bank saudagar. Ini membolehkan Danaharta turut menggembelng tenaga profesional di Malaysia dan tidak hanya terhadap kepada kakitangan Danaharta sahaja. Pendekatan ini lebih efisien kerana ia mengelakkan Danaharta daripada menjadi sebuah institusi gergasi.

Usaha penjualan hartanah oleh Danaharta adalah memberangsangkan dan untuk makluman Danaharta telah menjalankan dua tender terbuka hartanah bukannya perlindungan dan tender hartanah ketiga seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi melibatkan 300 hartanah telah dilancarkan pada 11 Julai 2000 dan akan ditutup pada 8 Ogos 2000. Sokongan daripada ejen-ejen hartanah amat menggalakkan dan banyak membantu ke arah pemasaran hartanah yang ditender.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz juga menyatakan kerisauannya sekiranya TTDI Development Sdn. Bhd. akan dijadikan tempat lambakan hartanah. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tee. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi bahawa, dengan izin, the purchase consideration adalah berjumlah RM245.3 juta dan ini dilakukan mengenai apa yang dikatakan *willing buyer dan willing seller* dan harga itu memang sudah termeterai dan Danaharta akan menggunakan kepakaran dan pengalaman dalam TTDI Development Sdn Bhd kerana TTDI ini merupakan satu agensi yang bagus, yang ternama dan dengan adanya TTDI kita akan dapat mengurus dan menjualkan hartanah-hartanah yang diserapkan oleh Danaharta dan bukan sekadar menjadi tempat lambakan hartanah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz juga menanyakan apakah akan jadi kepada Danaharta apabila telah beres NPL yang dibeli. Danaharta ditubuhkan sebagai agensi sementara sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi dan pengambilalihan NPL dan mekanismenya pemulihan daripada NPL tersebut jadi kita harap Danaharta akan tutup apabila habis tugasnya dijangka dalam masa lebih kurang 5 tahun. Ini juga dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi tadi kita akan pergi kepada persoalan-persoalan yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Senator Datuk Tee Thiong Hock telah menyatakan adakah kakitangan profesional Danaharta kurang bersemangat kerana sifat pekerjaan yang agak sementara. Ingin saya jelaskan di sini bahawa kakitangan Danaharta sebenarnya dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi tadi menunjukkan dedikasi dan

komitmen yang membanggakan dalam menjalankan tugasnya walaupun Danaharta bersifat sementara kakitangan Danaharta turut didorong oleh faktor-faktor patriotisme serta peluang untuk mengambil bahagian dalam usaha pemulihan ekonomi negara. Jadi di sini kita dapati bahawa ramai daripada kakitangan Danaharta memperjuangkan untuk kepentingan negara daripada kepentingan diri sendiri. Saya ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai Danaharta.

Mengenai hotel di bawah Danaharta, ingin saya menyatakan di sini bahawa perhotelan ini adalah satu perkara yang gestation periodnya terlalu lama sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Tee tadi dan kebanyakan hotel mencatatkan penurunan keuntungan malah sesetengahnya mengalami kerugian operasi apabila berlaku kegugatan ekonomi. Hotel-hotel yang kurang ternama mencatatkan kadar penginapan kurang daripada 50% dan purata kadar penginapan bagi hotel-hotel Malaysia menurun secara ketara pada paras paling rendah iaitu 49.9% dan tahun 1998. Ini merupakan penurunan sebanyak 81% dari kadar 58% yang dicatatkan pada tahun 1997.

Jadi bekalan bilik nampaknya berlebih-lebihan dan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh industri perhotelan di negara ini. Pertambahan bilik hotel melebihi pertumbuhan permintaan dan penurunan jumlah pelancong serta permintaan komersial pada tahun-tahun yang kita meleset pada hari itu menambahkan lagi kesulitan sektor perhotelan untuk operasi. Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 84,000 bilik hotel menjelang tahun 2000. Tetapi malangnya sasaran ini telah dicapai tahun 1996. Jadi lebih awal lagi daripada apa yang kita anggarkan. Jadi secara purata bilik hotel tumbuh pada kadar 16.3% pada sepanjang tahun 1995 hingga 1998.

Oleh kerana itu pelaburan dalam hotel menuntut jumlah modal yang tinggi serta memerlukan tempoh bayaran balik yang lama. Oleh yang demikian pemilik-pemilik hotel harus menanggung sebahagian besar daripada kos terbabit dengan menggunakan sumber-sumber modal lain. Pinjaman bank harus dikekalkan pada paras serendah mungkin agar aliran tunai daripada operasi hotel tidak dibebankan dengan keperluan membayar balik hutang. Bagaimana pun terdapat kes-kes yang dikesan melibatkan hutang pada kadar 70%.

Perniagaan hotel adalah perniagaan jangka panjang seperti mana yang saya katakan tadi oleh itu 'gearing' juga perlu dikekalkan pada paras rendah mungkin demi memastikan daya maju kewangan projek-projek hotel tidak terjejas.

Kalau kita lihat menurut Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan ia menganggarkan sebanyak 7 juta pelancong tiba di Malaysia pada tahun 1999 ini. Sasaran bagi tahun 2000 ialah 8.7 juta dengan pendapatan dianggarkan dengan RM14.7 bilion. Dengan pemulihan ekonomi serantau lawatan korporat dijangkakan akan bertambah. Kesemua langkah positif mestilah kita sokong dan faktor-faktor yang sedia ada seperti pasaran yang boleh membantu usaha pelancongan contohnya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, sistem pengangkutan awam yang baik di samping itu juga Malaysia turut menawarkan berbagai-bagai tempat pelancongan, sewa bilik yang kompetitif, ini semua membayangkan perkembangan bagi sektor perhotelan asalkan kesilapan lepas tidak diulang.

Jadi, Danaharta sedang merancang untuk melupuskan portfolio hartanah, perhotelan, bank dan percutian melalui tender dalam masa yang terdekat ini. Tumpuan setakat ini diberikan kepada hartanah-hartanah yang dihalang tebus sahaja dan maklumat terperinci mengenai tender ini akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Tee juga telah menanyakan tentang rundingan di antara Danaharta dan bank-bank dalam pembelian NPL. Ini juga telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah tadi, jadi kita harapkan bahawa pembelian NPL seperti yang saya katakan tadi oleh Danaharta daripada bank-bank dijalankan atas kerelaan kedua-dua pihak, willing seller dan willing buyer basics. Maknanya, Danaharta tidak boleh memilih-milih, jadi itu terpulang kepada bank, kalau bank menyatakan bahawa satu-satu institusi itu boleh dimajukan dengan sendiri dia tidak akan memberikan kepada Danaharta. Tetapi jikalau dia hendak memberikan kepada Danaharta, Danaharta akan menerimanya atas dasar yang saya katakan tadi, willing seller dan willing buyer.

Danaharta menilai sesuatu NPL menurut nilai pasaran semasa asset yang menjadi cagaran NPL itu dan purata harga yang ditawarkan oleh Danaharta adalah pada kadar diskaun 56% terpulang pada bank-bank untuk menerima tawaran

tersebut. NPL tidak dijual pada harga 'higher sale' seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi walaupun itu merupakan satu persepsi yang ada.

Yang Berhormat Senator Datuk Tee juga telah menyatakan mengapakah Danaharta membeli TTDI Development Sdn. Bhd. yang saya katakan tadi. Jadi kita harapkan pengambilan alih TTDI Development Sdn. Bhd. adalah untuk memperkukuhkan lagi usaha pengurusan Danaharta di bawah port folio Danaharta. Ini akan membantunya mencapai matlamat untuk memaksimumkan nilai pemulihan daripada NPL yang diambil alih dan usaha memperkukuhkan perlu memandangkan semua hartanah tidak terjual semasa ditenderkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Tee juga telah menanyakan apakah peminjam mendapat bayaran. Jadi ini kita katakan peminjam akan mendapat bayaran hanya apabila hutang yang tertunggak yang diambil alih diselesaikan. Sebelum itu apa-apa hasil jualan akan dimajukan untuk membayar balik hutang tak berbayar. Jadi kita kata berapa persen akan diberi pada bank, berapa persen akan diberi pada Danaharta lebihannya itu kalau ada residue kata Yang Berhormat Senator Datuk Tee tadi akan diberikan kepada si pemiutang.

Yang Berhormat Senator Datuk Tee juga telah menanyakan apakah kepakaran Pengarah-pengarah Danaharta ini. Jadi Akta Danaharta mengandungi syarat-syarat pelantikan Pengarah iaitu pengerusi, MD, tiga dari sektor swasta Malaysia, dua daripada sektor kerajaan dan dua daripada sektor antarabangsa. Mereka semuanya dipilih atas khususnya mengenai ekonomi dan finance dan pengalaman mereka di dalam berbagai-bagai bidang. Harus disedari bahawa Danaharta menangani masalah perbankan yang merangkumi aspek-aspek teknikal, laporan tahunan Danaharta mengandungi CV tiap-tiap pengarah dan kita bolehlah lihat pengalaman masing-masing. Ini telah pun diedarkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi telah pun menanyakan adakah kerajaan atau Danaharta akan membukukan pengalaman Danaharta ini sebagai rujukan kepada masa akan datang. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi kerana kita tahu dahulu apabila kata Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz hari itu, Perdana Menteri pergi ke Hong Kong dan menyatakan bahawa kemelesetan ekonomi di rantau Asia merupakan bahana

perbuatan George Soros, 'orang-orang seperti dia, penyangak mata wang masing-masing mengatakan he is a nuisance eminence to his country, apa dia tahu kerana dia bukan ahli ekonomi, dia hanyalah ahli perubatan', tetapi lama kelamaan alhamdulillah setakat ini apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semuanya betul. Kerana apabila Dasar Ekonomi Baru kita dilancarkan banyak orang mengatakan bahawa negara kita akan mengalami kemerosotan, kerana kita mencampurkan kuasa-kuasa kerajaan di dalam ekonomi yang bebas. Tetapi alhamdulillah apabila negara kita maju maka Dasar Ekonomi Baru itu telah pun diperjuangkan oleh badan-badan dunia ke negara-negara Afrika dan sebagainya suruh tiru macam Malaysia. Begitu juga negeri-negeri yang lain yang ingin meniru cara kita membuatnya.

Kita mengambil contoh bahawa negara Malaysia ini kecil sahaja tetapi apa yang diperkatakannya semuanya betul, ini menyebabkan kuasa-kuasa besar agak gelisah dan malu. Kalau misalnya sejarah Melayu kita boleh mengatakan bagaimana cerita Singapura dilanggar todak. Hang Nadim itu cuma kecil sahaja, tetapi dia menyatakan kepada Mamak Bendahara bahawa tidak ada gunanya kita melandaskan betis apabila todak datang menyerang Singapura. Kenapa tidak kita landaskan dengan batang pisang. Tetapi masalahnya apabila kanak-kanak kecil ini difitnah mengatakan kepada Tuanku, ampun tuanku beribu-ribu ampun sembah patik harap diampun sedangkan kanak-kanak ini kecil lagi fikirannya telah bagus tetapi apabila dia besar kemungkinan takhta tuanku akan diambilnya. Maka tuanku pun murka dan menghambankan sampai tapak rumah ke laut.

Jadi kita lihat bahawa walaupun negara kita kecil, Yang Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan dengan lantang apa pemikiran-pemikiran dia tentang George Soros ini dan perlakuan-perlakuan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi tadi. Lama kelamaan Amerika, Australia, Kanada, Perancis, New Zealand semua menyokong cara tindakan-tindakan yang kita ambil.

Jadi rangsangan dan cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi supaya usaha-usaha kita, kita rekodkan sebagai success stories akan kita lakukan. Sementara itu seperti mana yang kita tahu bahawa Danaharta selalu menyiarkan laporan-laporannya enam bulan sekali dan ini akan kita bukukan dan kita akan tengok supaya ia akan

menjadikan satu pengajaran bukan sahaja kepada kita, kepada orang lain juga dan ini kalau kita lihat bahawa ramai negara lain datang ke tempat kita, China dan tempat-tempat yang lain untuk belajar daripada kita. Saya rasakan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi itu patut diambil ingatan supaya dapat kita juga menjadi consultant kepada negara-negara luar di masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi juga telah menanyakan adakah kerajaan atau Danaharta akan membukukan pengalaman Danaharta. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa kita ada laporan-laporan tadi dan kita akan bukukan sepenuhnya dan kita akan edarkan sebagai the success stories of the year.

Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi juga telah menanyakan tentang kekeliruannya mengenai pindaan kepada seksyen 20(3). Pindaan ini adalah untuk memelihara kerahsiaan maklumat mengikut peruntukan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1999. Contohnya pindaan ini membenarkan Danaharta mendedahkan maklumat kepada calon pelabur berpotensi tetapi pelabur yang menerima maklumat itu tidak dibenarkan mendedahkan maklumat itu kepada orang lain. Jadi apabila seseorang yang mempunyai duit untuk membeli NPL dan dia hendak tahu tentang potensi-potensinya maka kita akan beritahu setakat yang boleh. Ini need to know basic kalau tidak nanti kita punya NPL tidak laku pula ataupun hartanah kita tidak laku untuk dijual tetapi kita boleh memberikan maklumat-maklumat yang seadanya.

Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi juga menanyakan adakah Kementerian Kewangan bercadang menawarkan kepakaran Danaharta ke peringkat antarabangsa dan ini kita katakan tadi bahawa negara China, Vietnam dan negara-negara jiran sungguh takjub tentang keupayaan kita dan kita sangguplah berkongsi pengalaman dan saya rasakan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi ini akan kita ambil perhatian supaya dapat kita menjana pula modul-modul yang kita tempoh dan kita bina untuk kita memberikan pengalaman ini pengajaran kepada negara-negara jiran yang lain.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak telah menanyakan apakah langkah-langkah Danaharta bagi menolong pekerja-pekerja syarikat yang diambil alih oleh Danaharta. Jadi kalau kita lihat syarikat-syarikat seperti syarikat yang

diletakkan di bawah kawalan Pentadbir Khas tidak perlu khuatir kerana Pentadbir Khas akan mengambil kira kepentingan mereka dalam merangka cadangan penyelesaian untuk syarikat itu. Pentadbir Khas juga akan mematuhi semua keperluan di bawah undang-undang pekerja yang sedia ada.

Kalau kita lihat di negeri kita banyak bank kita cantumkan. Jadi kita ada apa yang dikatakan Voluntary Separate Scheme (VSS) dan kita tidak membuang pekerja-pekerja kita malahan kalau misalnya ada hendak bertukar jawatan dia dikeluarkan daripada sektor perbankan kita akan beri compensation, selepas itu dia boleh bekerja di sektor-sektor lain dalam ekonomi kita yang sedang berkembang.

Yang Berhormat Senator Puan Chia Chui Ket telah pun menanyakan pindaan kepada seksyen 57 Akta Danaharta, seksyen 57(4) dan juga seksyen 57(5). Buat makluman Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat sekalian seksyen 57(4) yang baru adalah bagi menjelaskan seksyen 57 serta memudahkan usaha halang tebus ke atas hartanah yang menjadi cagaran sedangkan seksyen 57(5) pula adalah satu consent yang sedia diamalkan. Contohnya dalam sebuah lelongan mahkamah, bank pemegang gadaian boleh membeli hartanah yang terlelong. Danaharta hanya akan membeli hartanah jika tiada pembelian yang pembeli yang membelinya dengan harga yang telah ditetapkan. Jadi dalam lelongan begitu pun juga kita ada harga yang ditetapkan, juga yang paling rendah. Kalau tidak sampai harga yang paling rendah kita akan simpan dahulu, kita akan tambah nilainya, added value dan kita akan tender semula. Sekiranya lebih daripada harga yang ditetapkan, maka kita akan jual hartanah yang berkenaan.

Mengenai seksyen 72 yang menghalang injunksi. Ini satu soalan yang bagus, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat kerana aktiviti Danaharta berkaitan dengan NPL ini keberangkalan Danaharta akan menghadapi tindakan undang-undang yang sedemikian ialah agak tinggi kerana kita katakan tadi Dato' Ghazi pun kata, Dato Tee pun kata bahawa kita ini live spent kita singkat. Jadi kita hendakkan supaya dapat kita menguruskan NPL ini dengan seberapa segera. Kalau injunksi demi injunksi mungkin agaknya lebih 25 tahun, mungkin agak lebih 10 tahun. Maka kita adakan peruntukan seksyen 72 ini supaya dapat kita membuat kerja kita dengan lebih sempurna dan lebih beres lagi.

Jadi, semakin banyak tindakan undang-undang yang dihadapi oleh Danaharta semakin lama masa yang diperlukan olehnya untuk menyelesaikan masalah NPL. Ini akan mengurangkan nilai pemulihan NPL dan seterusnya mengenakan beban kos yang lebih tinggi kepada rakyat kita. Jadi, lindungan daripada tindakan-tindakan undang-undang yang remeh dan memakan masa akan memberi ruang kepada Danaharta untuk menumpukan perhatian kepada menguruskan NPL yang telah diambil alih secepat mungkin.

Yang Berhormat Senator Tuan Karim bin Salleh, mengenai Villa Duta ini, saya mengucapkan terima kasih kerana perkara ini dibangkitkan. Ini merupakan cagaran bagi beberapa hutang tidak berbayar (NPL) yang diambil alih oleh Danaharta. Seperti pihak bank, apabila tidak ada jalan lain cagaran tersebut harus dijual untuk mengutip balik hutang tersebut. Soal dapat jual unit Villa Duta atau tidak hanya dapat dijawab pada penutup tender Danaharta iaitu pada 8 Ogos ini.

Jadi, tender akan tutup pada 8 Ogos, kita perlu lihatlah sama ada harta itu dapat kita jual. Akan tetapi jika tidak ada pembeli maka barulah Danaharta mengambil alih hartanah tersebut dan mengenakan strategi peningkatan nilai sebelum menguruskan usaha penjualannya. Jadi, kalau misalnya tidak ada orang membelinya maka diambil alih oleh Danaharta, sebagaimana yang saya katakan tadi kita akan beri added value, kita tambah tarazo, mungkin kita tambah air-cond dan sebagainya untuk menaikkan harganya, selepas itu kita jual balik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Karim juga telah menanyakan apakah matlamat menjual syarikat dan projek yang mengalami masalah NPL kerana ia ada problem, kenapa pula kita beli. Tujuan utama Danaharta menawarkan syarikat dan projek untuk dijual adalah agar calon-calon pelabur dapat meninjau peluang-peluang yang ada. Jadi, pelabur akan meninjau peluang-peluang yang ada, sebagaimana yang saya katakan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi tadi bahawa kita akan memberikan sedikit maklumat-maklumat yang perlu ada untuk mereka melabur dan seterusnya menyuntik modal baru serta pasukan pengurusan yang lebih mantap. Dengan ini syarikat dan projek dapat dipulihkan dan Danaharta dapat mengutip nilai pemulihan yang agak tinggi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jawapan saya kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat, jika ada yang tidak saya jawab saya akan mengambil ingat sebagai dasar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang dua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 39** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PEMBUBARAN) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.50 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 adalah bertujuan bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dan membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut itu.

Tribunal Perkhidmatan Awam ditubuhkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk menyelesaikan anomali-anomali berkenaan saraan

atau had-had dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Sistem Saraan Baru.

Secara ringkasnya, anomali iaitu satu keadaan penyelewengan dan penyimpangan daripada pelaksanaan yang menjadi dasar syor-syor sesuatu Suruhanjaya Gaji ataupun Laporan Jawatankuasa Kabinet. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, mula berkuat kuasa pada bulan September 1977. Semenjak penubuhannya Tribunal telah mendengar, menimbang dan membuat keputusan kepada kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya sama ada di bawah Jawatankuasa Kabinet ataupun di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

Kes-kes tersebut didengar melalui sebuah panel yang mengandungi seorang Pengerusi dan dua orang ahli pada suatu masa. Pengerusi telah diberi kuasa di bawah Akta Tribunal untuk melantik seorang Setiausaha Tribunal dan mana-mana pegawai atau penjawat untuk membantu perjalanan Tribunal.

Tribunal dalam menjalankan tugasnya bagi mendengar kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam akta penubuhannya. Di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet, orang yang terkilan telah diberi masa 13 tahun untuk mengemukakan tuntutan anomali yang berakhir 17 Februari 1991. Kesemua 480 kes tuntutan anomali yang dirujuk kepada Tribunal di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet telah diselesaikan dan dikendalikan.

Di bawah Sistem Saraan Baru mengikut Seksyen 11(2)(b) Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 (Pindaan) 1992, tempoh bagi membolehkan sebarang tuntutan anomali dibuat telah dihadkan kepada dua tahun dan telah berakhir pada 15 Julai 1994. Ini bermakna selepas tarikh tersebut, tidak ada pihak yang boleh mengemukakan tuntutan anomali kepada Tribunal. Syarat ini membawa kepada keadaan di mana apabila kesemua 151 kes yang dikemukakan di bawah SSB telah dapat diselesaikan, Tribunal tidak mempunyai apa-apa fungsi lagi.

Memandangkan tujuan penubuhan Tribunal adalah bersifat sementara dan khusus bagi menyelesaikan anomali-anomali, maka adalah wajar Tribunal ini dibubarkan apabila tugas dan fungsinya seperti yang diperturunkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 (Pindaan) 1992 telah selesai. Tarikh pembubaran Tribunal yang dicadangkan adalah pada 1 Januari 2000.

Terdapat empat orang pegawai gunasama yang berkhidmat secara pinjaman di Tribunal Perkhidmatan Awam. Apabila Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan, mereka akan dikembalikan ke perkhidmatan asal masing-masing. Terdapat juga 17 orang anggota Kumpulan Sokongan yang dilantik oleh Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam di bawah Seksyen 8(1) Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

Adalah dicadangkan agar mereka ditukar lantik bagi mengisi jawatan kosong yang sesuai di agensi awam yang lain. Pertukaran pelantikan ini jika dipersetujui akan dibuat melalui opsyen. Pembubaran Tribunal Perkhidmatan Awam tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan semasa. Tribunal tidak ada mempunyai apa-apa hutang yang perlu dijelaskan dan tanggungan yang melibatkan kewangan termasuk aset yang perlu diselesaikan melalui pemindahan milik harta.

Setelah meneliti kedudukan terkini dari segi fungsinya, maka adalah difikirkan sesuai Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan. Fungsi Tribunal Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Penubuhannya bagi membicारा dan memutuskan kes-kes anomali. Memandangkan tidak ada lagi kes-kes anomali yang boleh dikemukakan kepadanya disebabkan tempoh untuk mengemukakan kes-kes telah tamat bererti Tribunal tidak perlu lagi wujud.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**12.56 tgh.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong pembubaran Tribunal ini. Daripada penjelasan-penjelasan yang diberikan itu nampaknya Tribunal ini telah menjalankan tugasnya dengan baik. Setakat ia ditubuhkan kita diberitahu bahawa sebanyak 151 kes telah diselesaikan dan saya

harap banyak daripada kes ini telah diselesaikan dengan baiknya dan dengan kepuasan kepada semua pihak.

Memandangkan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada Tribunal ini telah dijalankan maka adalah munasabah bagi Tribunal ini dibubarkan oleh kerana segala tuntutan yang telah dimaksudkan itu selama 13 tahun telah juga difailkan kepada Tribunal dan telah juga diputuskan. Oleh kerana juga ada peruntukan-peruntukan dan cadangan-cadangan untuk mengambil alih tugas-tugas pegawai-pegawai yang telah di'second'kan kepada Tribunal ini, maka saya sangat puas hatilah bahawa kepentingan mereka itu telah diambil kira.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pembubaran Tribunal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Rosli.

**12.57 tgh.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian dalam bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 dan sebagaimana rang undang-undang ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah memberi penjelasan dan kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah dapat melalui akta sebelum ini untuk dimansuhkan iaitu pemansuhan Akta Tribunal Perkhidmatan 1977 dan juga Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang begini singkat sebelum pukul 1.00 ini saya hanya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat dan Persekutuan yang mana kita telah dapat mengadakan satu perkhidmatan awam yang amat cemerlang kalau dibandingkan dengan perkhidmatan awam di negara-negara lain dan kalau boleh pihak kerajaan dapat memberi jaminan secara berterusan iaitu penjawat jawatan perkhidmatan awam di negara kita adalah merupakan satu kumpulan yang telah menjalankan mengikut piawai dan standard yang amat tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara membangun lain dan penjelasan ini harus kita lihat kerana dalam pembangunan negara kita yang begini hebat pun adalah sumbangan besar daripada ketelusan dan keupayaan penjawat perkhidmatan awam di negara kita.

Tetapi dalam perkara-perkara yang mutakhir ini kita dapati juga seolah-olah ada terhakisnya kepercayaan dan keyakinan sebahagian kecil daripada khususnya kakitangan kerajaan yang melihat pimpinan negara kita seolah-olah tidak yakin kepada suasana pembangunan yang ada pada kita pada hari ini. Banyak di antara perkara yang berkaitan dengan pembangunan kakitangan kerajaan ini telah dilaksanakan oleh kerajaan dari masa ke semasa dan perkara yang paling penting yang saya hendak utamakan pada hari ini saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam secara tidak langsungnya kita nampak ada usaha-usaha yang menghakis kepercayaan sebahagian kecil daripada kakitangan kerajaan kepada pimpinan kerajaan. Banyak di antara perkara yang remeh seperti masalah pertukaran umpamanya, kenaikan pangkat, masalah SSB, masalah perkara-perkara yang boleh memberi penghormatan kepada kakitangan kita ini telah dibicarakan di luar masa kita berkhidmat.

Jadi, saya mencadangkan dua perkara, pertama, mengkaji secara total kedudukan SSB yang telah banyak dibincangkan sebelum ini dan keduanya kalau boleh supaya kakitangan kerajaan diberi motivasi baru iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Saya hendak habiskan sekejap, boleh tidak? Setengah minit, saya habiskan satu ayat ya - iaitu supaya semua kakitangan kerajaan mengikut kod etika supaya dapat mengangkat sumpah semula sebagai kakitangan kerajaan supaya mereka ingat bahawa mereka adalah satu kumpulan yang berkhidmat untuk awam.

Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis ini ditempokkan sehingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat ada sesiapa lagi yang hendak membahas. Kalau tiada, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih .....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bagi Yang Berhormat Jamilah.

**2.33 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya menunggu-nunggu kalau ada kawan-kawan - saya memberi keutamaan kepada mereka. Nampaknya saya agak ketinggalan, minta maaf pada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbincangan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 seperti mana yang telah dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Memandangkan tidak ada lagi kes-kes anomali yang boleh dikemukakan kepadanya disebabkan tempoh untuk mengemukakan kes-kes tersebut telah tamat maka bererti tribunal tidak perlu diwujudkan.

Pada hemat saya, walaupun Tribunal Perkhidmatan Awam bersifat lebih sementara atau dengan kata-kata lain bergantung kepada kes anomali yang berkaitan dengan skim gaji pegawai-pegawai dan kakitangan awam, namun kewujudan dan peranan sebenarnya masih diperlukan, bahkan wajar diperkembangkan. Tribunal seharusnya memainkan peranan yang lebih bebas atau separuh bebas dalam mengendalikan kepentingan-kepentingan kakitangan awam. Tribunal sepatutnya menjadi sebuah badan yang berfungsi sebagai sebuah mahkamah dalam menyelesaikan sebarang permasalahan tuntutan dan pertikaian yang timbul di antara pegawai dan kakitangan awam di setiap peringkat.

Skim Saraan Baru (SSB) contohnya mendapat begitu banyak komentar dan rungutan tidak puas hati di kalangan kakitangan awam khususnya para guru. Saya difahamkan bahawa skim SSB telah meletakkan peratus kerja yang benar-benar cemerlang walaupun kecemerlangan prestasi pegawai melebihi peratus yang telah

ditetapkan, pengiktirafannya hanya diberi kepada mengikut bilangan kuota yang telah ditetapkan. Apa akan jadi pegawai-pegawai yang prestasinya amat cemerlang sekali tetapi tidak diberi pengiktirafan, tentulah pegawai-pegawai yang bekerja dengan begitu cemerlang merasai kurang selesa dan kurang senang.

Skim ini juga, saya dengar di antaranya mungkin kata-kata ungkapan yang *funny* lawak begitu sahaja, “S-Saya, S-Suka, B- Bos” “Saya Suka Bos” Mungkin ini dapat menguntungkan dan yang satu lagi dari segi psikologinya “S-Susah, S-Susah, B-Berhenti” Ini skim SSB, *joke* begitu sahajalah, petang ini mengantuk, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, boleh dikatakan skim SSB menjadi punca utama sebahagian guru di mana mereka kurang dimotivasi ataupun tidak gembira, tidak berpuas hati dan seterusnya tidak kreatif dan tidak inovatif dalam menjalankan kerja-kerja mereka sebagai profesion guru.

Di sini saya mengemukakan satu soalan pada pihak kementerian, sejauh manakah sistem SSB ini beroperasi dan sejauh manakah kakitangan awam khasnya para guru mencapai kecemerlangan dalam prestasi mereka kerana dalam perbahasan Belanjawan Tambahan, kita masih ingat lagi dua orang daripada Senator kita merayu kepada pihak kementerian supaya membela nasib guru dalam skim SSB dan dalam apa bentuk pun dibelakan dari segi kebajikan mereka. Jadi itulah saya ingin menyuarakan kepada pihak kerajaan.

Ini kerana guru-guru ini kita tahu bahawa beban tugas yang sepatutnya tidak dibebankan begitu banyak kepada mereka. Demikianlah juga kepada apa jua kes anomali yang timbul, tribunal seharusnya berperanan untuk mendengar, mempertimbangkan dan menyelesaikan segala pertikaian yang berbangkit sama ada di kalangan guru-guru ataupun pegawai-pegawai perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan menubuhkan Tribunal Perkhidmatan Awam melalui Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 sewajarnya dipuji. Ianya merupakan satu usaha murni di dalam menjamin ketelusan pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, adalah kurang wajar sekiranya peranan Tribunal ini terpaksa ditamatkan semata-mata berakhirnya atau selesainya kes-kes anomali berkaitan dengan skim gaji SSB. Tribunal sepatutnya mengembangkan fungsinya

sebagai forum perbincangan dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian yang timbul dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya tribunal yang bebas ini atau separuh bebas ini, yang juga boleh dikatakan lebih jimat, mudah dan cepat akan mempermudah semua pihak dalam masa yang sama akan membantu mengurangkan kes-kes yang dibawa terus ke mahkamah.

Walau bagaimanapun, saya turut menyokong, tetapi saya mengharapkan dengan pembubaran Tribunal ini, pihak kerajaan betul-betul bertanggungjawab bagi membelakan nasib keadilan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam dan seterusnya daripada kalangan yang merungut dan tidak puas hati dengan pembayaran gaji mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja pandangan saya, diucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

**2.41 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan dan Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim yang telah memberi pandangan mengenai rang undang-undang yang saya telah bentangkan tadi.

Yang pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin tadi memberitahu beliau menyokong tindakan kerajaan dan kita ucapkan terima kasih. Begitu juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan sama-sama menyokong tindakan untuk membubarkan Tribunal ini. Yang Berhormat Senator Puan Jamilah akhirnya menyokong tetapi dengan ada pelbagai komen.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menjawab mengenai SSB kerana perkara ini adalah di luar daripada isu yang kita bincangkan. Walau bagaimanapun, saya hanya memberitahu di sini bahawa satu kajian sedang berterusan sekarang untuk mencari cara untuk mengubahsuai dan membaiki sistem SSB. Kerajaan Barisan

Nasional adalah peka kepada apa-apa masalah yang dibawa oleh rakyat termasuk kakitangan perkhidmatan awam kerana kita memang sentiasa berterima kasih kepada kakitangan perkhidmatan awam yang telah membantu kita mengatasi pelbagai masalah khususnya masalah kita yang dialami pada beberapa tahun yang lepas.

Maka bagi kita Barisan Nasional, kita memang sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa berterima kasih dan saya berharap rakan saya dari PAS juga akan memberi kerjasama dengan Kerajaan Barisan Nasional dan kalau dapat dari masa ke semasa berhentilah menghasut pemikiran pegawai-pegawai ini, supaya mereka ini tidak membenci Kerajaan Barisan Nasional.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli tadi iaitu telah membangkitkan isu hakisan kepercayaan anggota perkhidmatan awam terhadap kepimpinan kerajaan dan meminta supaya anggota perkhidmatan awam berikrar untuk menyokong kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada membaca ikrar apabila dilantik ke perkhidmatan awam, beberapa agensi kerajaan juga sekarang telah mengamalkan pembacaan ikrar setia dalam perhimpunan bulanan mereka. Ini adalah satu cara bagi kita untuk sentiasa memberitahu bahawa taat setia itu adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, apa-apa perkara yang saya tidak jawab ianya akan diambil perhatian oleh kerajaan dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN  
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.46 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 diwujudkan dengan tujuan untuk mengadakan satu peraturan tatatertib dan surcaj yang seragam yang boleh digunakan oleh semua badan berkanun Persekutuan. Kerajaan pada dasarnya telah lama menetapkan supaya semua badan berkanun mengadakan peraturan tatatertib dengan cara menerima pakai peraturan tatatertib yang digunakan oleh Perkhidmatan Awam Persekutuan iaitu Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 tanpa mengubah ciri-ciri utama peraturan tatatertib berkenaan.

Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu peraturan tatatertib yang seragam antara Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan Badan-badan Berkanun Persekutuan. Walaupun ketetapan ini telah dibuat sejak tahun 1987 lagi, namun sehingga kini pemakaian peraturan tatatertib yang seragam masih belum dapat dilaksanakan. Di samping itu, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memastikan supaya setiap badan-badan berkanun mempunyai peraturan tatatertib masing-masing yang sah dan boleh dipertahankan dari segi undang-undang supaya ia nya berupaya menangani masalah salah laku dan segala bentuk penyelewengan di badan-badan berkanun berkenaan.

Ketidakadaan peraturan tatatertib yang lengkap dan teratur dan sah dari segi undang-undang telah banyak menimbulkan masalah dalam menangani salah laku

disiplin di kalangan pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan. Peraturan-peraturan tata tertib yang tidak teratur dan sah dari segi undang-undang juga boleh membawa beberapa implikasi:

- (i) Badan-badan berkanun tidak dapat menguat kuasa dan mengenakan hukuman ke atas kakitangan yang melakukan kesalahan tata tertib seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tidak menjalankan tugas dan ingkar perintah.  
Akibatnya imej badan-badan berkanun berkenaan terjejas kerana masalah salah laku pegawainya tidak dapat ditangani dengan berkesan.
- (ii) Ketidakeragaman dalam membuat peraturan tata tertib di kalangan badan-badan berkanun berkenaan telah menyebabkan kesukaran dari segi pentadbiran seperti permasalahan tafsiran dan penguatkuasaan undang-undang. Walaupun asas-asas dan tujuan penubuhan badan-badan berkanun adalah berbeza dengan perkhidmatan awam tetapi peruntukan belanjawan badan-badan berkanun adalah disediakan oleh kerajaan. Oleh itu, adalah wajar kawalan disiplin ke atas pegawai-pegawai badan-badan berkanun dengan anggota perkhidmatan awam persekutuan dibuat melalui satu peraturan tata tertib yang seragam.
- (iii) Oleh kerana terdapat badan-badan berkanun yang mempunyai peraturan tata tertib yang tidak jelas dan tidak dapat dipertahankan dari segi undang-undang, maka terdapat beberapa kes tata tertib yang sukar dipertahankan di mahkamah. Akibatnya, pegawai yang sebenarnya bersalah terpaksa diambil berkhidmat semula dan ini sudah tentu merugikan kerajaan dan menjatuhkan imej badan-badan berkanun berkenaan.

- (iv) Pegawai badan-badan berkanun yang dikenakan tindakan tatatertib tidak mempunyai peluang untuk merayu dan ini telah mengetepikan prinsip hak keadilan asasi kepada mereka. Permasalahan ini bertambah serius apabila ada badan-badan berkanun yang memberi peluang merayu tetapi ada pula yang tidak memberi peluang tersebut kepada pegawainya.
- (v) Wujud ketidakseragaman dari segi tatacara penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di mana ada badan-badan berkanun mempunyai peruntukan sedemikian dan ada yang tidak mempunyai peruntukan sedemikian. Di samping itu, ketidakseragaman peraturan tatatertib mewujudkan layanan yang berbeza di antara pegawai-pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan padahal dari segi prinsipnya badan-badan berkanun berkenaan mempunyai persamaan dari segi pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan badan-badan berkanun dapat mengguna pakai peraturan-peraturan tatatertib perkhidmatan awam, badan-badan berkanun berkenaan hendaklah menentukan terlebih dahulu bahawa dalam Akta Pemerbadanan Badan-badan Berkanun ini mempunyai satu peruntukan yang jelas bagi membolehkan satu peraturan tatatertib yang seragam diadakan. Badan-badan berkanun juga perlu mengubahsuai di mana yang perlu seperti nama peraturan, gelaran jawatan dan lain-lain ungkapan dan istilah tertentu supaya selaras dengan struktur organisasi badan-badan berkanun yang berkenaan. Peraturan yang telah diubahsuai itu hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan seterusnya persetujuan Menteri yang berkenaan untuk diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuat kajian ke atas 71 buah badan berkanun persekutuan dan mendapati terdapat beberapa masalah dan ketidakseragaman peraturan-peraturan tatatertib yang digunakan oleh badan-badan berkanun. Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut, kedudukan pemakaian

peraturan tata tertib di badan-badan berkanun persekutuan boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

Kategori yang pertama adalah badan-badan berkanun yang mempunyai peruntukan peraturan tata tertib yang jelas dan telah menerima pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 secara teratur. Sebanyak 14 buah badan berkanun termasuk dalam kategori pertama ini.

Kategori kedua adalah badan-badan berkanun yang tidak mempunyai peruntukan yang jelas khususnya dalam akta pemerdagangan masing-masing bagi membolehkannya untuk mengadakan peraturan tata tertib bagi badan-badan berkanun berkenaan, tetapi juga badan-badan berkanun yang mengguna pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 tanpa membuat apa-apa pindaan dan ubahsuaian terhadap peraturan tata tertib berkenaan bersesuaian dengan status dan kedudukan badan-badan berkanun berkenaan.

Didapati juga ada peraturan tata tertib yang diguna oleh badan-badan berkanun yang diwartakan dan ada yang tidak diwartakan. Ada juga peraturan tata tertib yang tidak diselaraskan dengan SSB. Mengikut kajian Jabatan Perkhidmatan Awam didapati 23 buah badan berkanun yang termasuk dalam kategori ini.

Kategori ketiga, terdapat sebanyak 34 buah badan berkanun persekutuan yang tiada ada langsung mempunyai peraturan tata tertib. Badan-badan berkanun berkenaan tidak dapat untuk mengambil apa-apa tindakan tata tertib ke atas mana-mana pegawai dan kakitangannya yang didapati terlibat di dalam sebarang salah laku dan juga penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah yang timbul hasil daripada ketiadaan peraturan tata tertib dan juga pemakaian peraturan tata tertib yang tidak seragam, maka perlulah diwujudkan satu akta yang membolehkan badan-badan berkanun menggunakan satu peraturan tata tertib yang seragam dan sah dari segi undang-undang yang berasaskan kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 yang sedang digunakan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam.

Akta yang dicadangkan ini adalah digubal dengan menggunakan kaedah yang terdapat dalam Statutory and Local Authorities Pensions Act 1980 dan Statutory

Bodies (Account and Annual Report) 1980, dengan izin, di mana mengikut kaedah ini, semua badan berkanun persekutuan dikehendaki mengguna pakai peraturan-peraturan yang terdapat dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini dinamakan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 yang mengandungi 7 bahagian dan 29 fasal kesemuanya. Izinkan saya memberi huraian ringkas bahagian-bahagian berkenaan dan menjelaskan peruntukan yang lebih penting.

Bahagian II ini memperkatakan beberapa perkara yang berhubung dengan peraturan-peraturan tatatertib.

Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan tentang penamatan demi kepentingan awam perkhidmatan seseorang pegawai sesuatu badan berkanun.

Bahagian IV ini mengadakan peruntukan bagi pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai dan bekas pegawai-pegawai sesuatu badan berkanun.

Bahagian V pula mengandungi kuasa Perdana Menteri dan kuasa Menteri berhubung dengan badan berkanun yang baginya dia bertanggungjawab iaitu termasuk memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk meminda Jadual-jadual.

Bahagian VI adalah untuk memanjangkan perlindungan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada badan berkanun dan anggota, pegawai, pekhidmat dan ejennya, dan juga membenarkan sesuatu badan berkanun mengeluarkan arahan pentadbiran berhubung dengan kelakuan dan tatatertib pegawai-pegawai dan tatacara bagi pengenaan caj.

Bahagian VII adalah mengadakan peruntukan bagi memberhentikan pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang yang memperbadankan sesuatu badan berkanun dan perkara-perkara kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya penggubalan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 yang dicadangkan ini adalah berdasarkan prinsip yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dengan beberapa ubahsuaian. Di antara beberapa perkara yang diperkenalkan dalam akta baru ini adalah::

- (i) peraturan mengenai surcaj;
- (ii) penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam;
- (iii) penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib serta bidang kuasanya;
- (iv) peraturan-peraturan tatatertib; dan
- (v) tatacara rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan tatatertib yang seragam ini diharapkan dapat membantu semua badan berkanun persekutuan dalam melaksanakan urusan tatatertibnya sendiri dengan cara yang teratur dan sah dari segi undang-undang. Badan-badan berkanun tidak perlu lagi menggubal peraturan tatatertib secara berasingan yang akan mengambil masa yang panjang dan akan juga melibatkan kos yang tinggi. Penggunaan satu peraturan tatatertib yang seragam dan teratur di semua badan berkanun bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pelanggaran tatatertib di kalangan pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan tetapi dapat juga mewujudkan pegawai yang berdisiplin dan produktif. Pihak pengurusan pula boleh menumpu sepenuh tenaga dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat perubahan badan-badan berkanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**3.00 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ini dan saya ingin menumpukan perhatian saya kepada dua bahagian iaitu

Bahagian III, yang melibatkan penamatan demi kepentingan awam dan juga Bahagian IV iaitu berkenaan dengan surcaj.

Di Bahagian '10', ada disebutkan bahawa setelah diambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai dan semua keadaan lain, saya ingin tumpu kepada semua keadaan lain. Di bahagian ini ada dicadangkan bahawa perkhidmatan seseorang itu boleh ditamatkan demi kepentingan awam, oleh kerana di Bahagian '10', dalam keadaan lain.

Tadi dalam penjelasan kita telah diberitahu bahawa dalam kes-kes rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya amatlah sukar bagi pihak itu membuktikan dan sungguhpun dirujuk kepada pihak BPR, maka apabila dibawa ke mahkamah, maka sukarlah untuk kes-kes itu dimenangi dan akibatnya pegawai-pegawai yang pada anggapan saya adalah mereka yang menjadi 'kambing biri hitam' (black sheep) dalam servis itu pun diteruskan dan ini memang menjatuhkan aspirasi dan juga prestasi rakan-rakan sejawat mereka kerana mereka memang tahu bahawa pegawai berkenaan patut disingkirkan. Tetapi oleh kerana kurang bukti, maka mereka masih berada dalam servis.

Bagi saya bahagian ini sangat tepat dan harus diguna untuk kes-kes yang didapati sukar menamatkan mereka oleh kerana keadaan-keadaan tertentu. Dalam menggunakan kuasa ini untuk menamatkan demi kepentingan awam, ada juga diperuntukkan di bawah Seksyen 11, satu peluang untuk didengar, satu peluang untuk dibuat rayuan sebelum tindakan itu diambil.

Jadi, dengan demikian, maka hak-hak kemanusiaan dan juga hak-hak pekerja itu sudah terjamin. Seksyen 12 juga memperuntukkan bahawa sungguhpun mereka ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam, itu tidak dianggap sebagai pembuangan kerja. So, dengan interpretasi demikian sungguhpun ini melibatkan satu unsur hukuman tetapi mereka tidak dianggap sebagai telah dibuang kerja. Itu bermakna mereka masih menikmati apa-apa keistimewaan-keistimewaan mereka sungguhpun ditamatkan dalam perkhidmatan.

Bagi saya ini adalah satu seksyen yang begitu menunjukkan keperimanasian kerajaan, sungguhpun patutnya tindakan tegas diambil tetapi pekerja ini masih diberi perlindungan, pekerja ini masih diberi kemudahan-kemudahan yang patut dinikmati oleh

beliau. Ini adalah satu bahagian yang saya alu-alukan. Ini menunjukkan kebaikan hati kerajaan sungguhpun didapati orang ini patut disingkirkan tetapi masih diberi kemudahan-kemudahan ini.

Saya harap sungguhpun ada satu fasal sedemikian, kementerian itu patut mengkaji dari segi pelaksanaan sama ada ini patut dikekalkan atau tidak selepas beberapa ketika rang undang-undang ini digunapakai. Saya berpendapat kalau ini tidak patut diteruskan, maka satu pindaan harus dibuat pada masa akan datang.

Saya ingin bertanya tentang Seksyen 13 iaitu untuk persaraan demi kepentingan awam, Lembaga yang dikatakan di sini oleh dengan persetujuan Pihak Berkuasa Pencen, sama ada persetujuan ini boleh didapati, saya pun kurang pasti. Katakan kalau kes ini dirujuk kepada Pihak Berkuasa Pencen, apakah akan terjadi kalau pihak ini katakan tidak setuju, adakah kemungkinan pihak itu tidak akan setuju dan kes ini akan berterusan dan akan mengambil masa yang panjang.

Adakah boleh kita menggantikan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Pencen, dengan perkataan, “dengan dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Pencen”. Kalau kita tidak perlu mendapatkan persetujuan daripada pihak ini, maka lebih senanglah untuk undang-undang ini mencapai hasratnya iaitu mengambil tindakan demi kepentingan awam.

Kalau kes-kes ini dirujuk kepada Pihak Berkuasa Pencen, saya tidak tahulah apa akan berlaku kalau pihak ini katakan tidak setuju, adakah kemungkinan pihak ini boleh kata tidak setuju dengan apa yang telah dirujuk. Kalau kita pinda dengan mengatakan setelah dimaklumkan, maka itu bermakna Lembaga yang telah menimbang kes ini, yang telah membuat keputusan adalah satu badan yang boleh, berhak membuat keputusan tanpa merujuk kepada pihak-pihak lain. Tetapi kalau kita boleh diyakinkan apabila kes ini dirujuk, maka persetujuan secara automatik akan diberi, maka tidak ada masalah.

Saya hanya ingin membangkitkan perkara ini oleh kerana kalau kita kena melalui satu lagi badan, maka saya kluatir sama ada proses untuk menamatkan perkhidmatan seseorang itu demi kepentingan awam itu dapat dicapai dengan baiknya.

Berkenaan dengan Bahagian IV, di mana ada surcaj saya sangat mengalu-alukan bahagian ini. Ada diperuntukkan bahawa apabila seseorang pegawai itu tidak menjalankan tugas dengan baik, untuk menjaga kewangan badan berkanun. Katakan seseorang itu lupa mengutip wang ataupun mereka tidak membuat bayaran kepada pihak-pihak yang telah menjalankan tugas bagi badan berkanun itu, maka ini juga dianggap sebagai satu kesalahan. Ada beberapa kes, contoh-contoh diberikan dalam bahagian ini tetapi saya ingin bertanya apakah akan berlaku kalau pegawai itu terlupa masukkan cek, iaitu satu bayaran yang telah dibuat kepada badan berkanun itu. Katakan seorang itu bayar RM1 juta kepada badan berkanun dan cek itu telah diambil oleh pegawai tetapi tidak dimasukkan ke dalam bank dan dia simpan cek itu sahaja.

Saya tanya perkara ini kerana saya pernah menyiasat semasa saya berada di satu badan, saya pernah menyiasat kes-kes yang melibatkan pegawai yang telah terima cek tetapi simpan cek itu dalam fail sahaja. Mereka telah menghubungi pihak yang keluarkan cek itu, katakan, *“Tuan, saya telah jimatkan begitu banyak daripada faedah kerana saya tidak tunaikan (cash) cek itu. So, oleh kerana itu pihak saya haruslah diberi sedikit hadiah.”* Itu yang telah diperkatakan.

So, dalam peruntukan ini, saya tidak lihat bahawa ada perkara ini dibangkitkan dan saya menyuarakan ini oleh kerana dari pengalaman saya. Memanglah kes-kes ini telah berlaku dan berdasarkan kepada penyiasatan saya, saya telah mengenalkan satu sistem di mana ini tidak berlaku lagi. Kalau kes-kes ini masih berlaku dalam sesuatu badan itu, adakah tindakan harus juga diambil dan ini juga dianggap sebagai satu kesalahan kerana apabila saya melihat contoh-contoh yang diberikan dalam seksyen itu, saya dapati tidak disebutkan iaitu “lupa masuk cek selepas terima cek itu”.

Kalau cek RM1 milion itu disimpan, tidak *dicash*, enam bulan selepas itu mungkin sudah tamat tempoh cek itu dan kena dapat satu cek baru dan sebagainya dan ini pada anggapan saya pun juga satu penyelewengan dan juga satu yang harus diambil tindakan tetapi tidak termasuk dalam bahagian itu. Di seksyen 16, ada diperkatakan bahawa surcaj itu tidak boleh melebihi amaun yang harus dikutip atau amaun yang tidak dikutip. Ini bermakna kalau pegawai itu harus mengutip RM500,000 dan ia lupa mengutip duit ini, maka RM500,000 ini boleh dicaj kepada

pegawai berkenaan tetapi kenapa hanya RM500,000? Kenapa hanya amaun itu boleh dicaj?

Kenapa kita tidak kenakan satu amaun yang lebih n supaya ini menjadi satu *deterrent* kepada pegawai berkenaan kalau dia tahu dia lupa kutip sesuatu amaun, maka satu amaun yang lebih besar boleh dicajikan kepada dia. Dia kena bayar satu amaun yang lebih besar. Mungkin itulah akan menjadi satu lagi halangan kepada pegawai itu untuk memastikan ia menjalankan tugasnya dengan baik. So, saya ingin tanya kenapa hanya amaun itu dikutip dan bukan amaun yang lebih besar?

Berkenaan dengan kegagalan pegawai ini untuk membayar pihak-pihak yang telah memberi perkhidmatan ataupun membuat pembekalan kepada badan berkanun itu, ini juga dianggap sebagai satu kesalahan, maka saya ingin tanya di sini, kalau pegawai ini enggan membuat bayaran, oleh kerana pegawai ini mendapati permohonan itu atau permintaan itu tidak harus dilayani oleh kerana ada perkara-perkara yang belum dibereskan lagi. Bagaimana kita boleh menjaga kepentingan pihak berkanun itu, kalau kita ada satu peruntukan semacam ini dengan tidak menjelaskan dengan baiknya, bagaimana pegawai boleh melewati bayaran. Mungkin pegawai ini juga mengambil kesempatan, katakan “Oh, saya takut kalau saya tidak bayar tuntutan itu, nanti satu tindakan boleh diambil terhadap saya”.

So, tanpa menyiasat sama ada semua sudah beres, semua sudah lengkap, mungkin dia kata, “Bayar”. Dia bayar kerana dia takut kalau tidak bayar – salah. So, dia cepat sudah bayar. Kalau dia cepat sudah bayar, mungkin itu pun boleh diguna sebagai satu penyelewengan kerana mungkin dia tahu kes ini belum selesai lagi. Ada tuntutan-tuntutan yang tidak sebenarnya tetapi kerana dia kata, “Oh, sini ada peruntukan. Saya mesti bayar dengan cepat.” Oleh kerana itu, dia terus bayar.

Saya minta apabila kita guna peruntukan ini, maka cara-cara untuk melaksanakannya mesti dibuat dengan betul supaya kedua-dua pihak itu kita jaga iaitu kita tidak mahu melewati bayaran kerana kita tahu apabila bayaran itu dilewatkan, maka kos itu akan meningkat. Kita selalu dengar apabila kita tender untuk kontrak kerajaan, kita mesti tender dengan harga yang mahal, oleh kerana susah hendak dapat bayaran. Ini selalu diguna sebagai satu sebabnya kenapa kos tender itu begitu tinggi. Pihak ini selalu kata, “Saya kena tender lebih tinggi, oleh kerana hendak dapat

bayaran selepas saya sudah menjalankan tugas itu, hendak dapat bayaran sangat susah”.

Dengan ini, maka, kita harap bayaran itu akan dipercepatkan dan dengan itu mungkin kos untuk sesuatu tender itu akan turun oleh kerana pihak yang membekalkan perkhidmatan atau barang-barang kepada pihak berkanun ini sekarang boleh dapat bayaran dengan cepat. Tetapi hanya satu perkara seperti saya terangkan tadi, kita mesti ada prosedur supaya pegawai ini tidak salah guna kuasa ini dengan bayar terus tanpa menentukan bahawa semua telah beres. Saya minta bahawa ini dikaji dari segi perlaksanaan untuk menentukan bahawa apabila bayaran itu dibuat, hanya bayaran yang patut dibuat itu dibuat pada masa yang telah diharapkan dan kalau bayaran itu tidak harus dibuat, maka keputusan pegawai itu mesti dipertahankan dan pegawai itu tidak boleh dikatakan telah tidak menjalankan tugas oleh kerana pegawai itu menjaga kepentingan badan berkanun. Ini untuk keadilan kepada kedua-dua pihak – pihak pegawai yang meluluskan bayaran dan juga pihak yang menuntut bayaran ini.

Seksyen 20, saya tidak begitu setuju dengan seksyen 20 iaitu cara untuk mendapatkan balik surcaj. Katakan tadi, satu contoh, katakan pegawai itu lupa menuntut RM500,000 dan seksyen 20 ada peruntukan yang mana duit ini boleh didapati daripada pegawai yang berkenaan. Ada diperkatakan di sini bahawa pihak berkanun itu boleh dengan cara pemotongan gaji mendapatkan balik surcaj ini tetapi maksimum yang boleh dipotong gaji itu hanya  $\frac{1}{4}$  iaitu 25% sahaja. So, katakan seorang pegawai itu, gajinya RM2,000. Selepas dia tolak cukai pendapatan, setelah tolak bayaran untuk perumahan, untuk kereta dan sebagainya, ia hanya tinggal RM400. Kalau maksimum yang kita boleh potong dari gajinya hanya  $\frac{1}{4}$  iaitu RM100 tiap-tiap bulan, sampai bila kita boleh dapat balik surcaj kerana kelalaian pegawai ini ataupun kerana rasuah dan sebagainya. Pegawai ini tidak kutip daripada pihak yang harus bayar kepada badan berkanun tetapi kalau peruntukan ini hanya membenarkan pihak itu memotong satu per-empat iaitu maksimum, satu per-empat daripada gaji atau daripada pencennya sebagai tuntutan pihak berkanun itu, bagi saya ini kena dikaji sama ada sesuai atau tidak kerana ini timbul di atas kelalaian pegawai yang dimaksudkan itu dan mungkin bukan kelalaian tetapi mungkin rasuah dan sebagainya.

So, amaun ini tidak dikutip. Sekarang untuk mendapatkan balik amaun ini maka peruntukan ini hanya katakan satu per-empat sahaja yang kita boleh potong. Bagi saya kalau ini sudah disalahlaku maka segala usaha harus diambil terus untuk mendapatkan surcaj ini dan bukan memberi satu cara yang begitu senang sahaja dan bagi saya ini tidaklah menjadi satu *deterrent*. So, saya minta kementerian ini mengkaji dari segi Seksyen 20 sama ada ini sesuai atau tidak sesuai dan ini patut dikaitkan dengan amaun yang terlibat.

Kita mesti ada satu jadual di mana bayaran balik dikaitkan dengan amaun yang berkenaan. Kalau dia lupa kutip 20 sen sahaja tidak ada masalah boleh terus bayar balik tetapi kalau dia lupa kutip RM2 million dan kita potong gaji satu per-empat selepas semua potongan-potongan lain, sampai bila kita boleh dapat balik amaun berkenaan. So, saya minta satu formula diadakan di mana amaun yang patut dibayar balik dengan amaun yang harus dituntut itu diseragamkan dan diputuskan supaya masa yang diambil itu tidak begitu panjang. Kalau begitu panjang apa akan terjadi nanti bila pegawai berkenaan sudah meninggal dunia. Adakah amaun ini boleh kita dapat balik daripada warisan-warisan pegawai ini atau daripada estet-estet orang ini ataupun kita habiskan amaun ini sahaja iaitu duit yang tidak boleh dituntut dan selalu kita hapus kira duit-duit yang tidak boleh dituntut.

So, kalau satu amaun yang begitu besar ini kita tidak dapat dituntut oleh kerana prosedur amaun yang boleh dituntut dihadkan kepada satu per-empat daripada gaji atau pencen sahaja maka bagi saya ini tidaklah munasabah dan adil kepada pihak berkanun itu yang telah menghadapi begitu banyak kerugian di atas kelalaian pegawai-pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya tentang dua bahagian yang saya rasa begitu penting. Untuk bahagian-bahagian lain di mana dikatakan penubuhan badan disiplin dan sebagainya, bagi saya itu perkara-perkara biasa sahaja. Tetapi bagi bahagian surcaj saya sangat mengalu-alukannya tetapi komen-komen yang saya buat tadi saya haraplah kementerian harus memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Dengan kata-kata sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz.

**3.25 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan menyokong Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ini untuk diluluskan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh bukan dari segi bab ke bab tetapi lebih penting dari segi spirit atau semangat perundangan ini hendak ditujukan kepada badan-badan berkanun terutama sekali dari segi matlamatnya. Matlamatnya yang jelas ialah untuk menentukan perjalanan pengurusan badan-badan berkanun ini mengikut etika-etika yang boleh diterima sebagai *a good practice*, sebagai cara-cara pengurusan yang baik. Jadi, untuk itu kita di sini menentukan bagaimana kalau sekiranya berlaku sesuatu yang tidak baik dari segi pengurusan malah dari segi kehilangan wang, kerugian ada cara-cara untuk mengambil tindakan. Tetapi lebih daripada itu saya rasa kita memerlukan satu benteng, satu cara pengurusan yang diberi kepada badan-badan berkanun ini. Kalau kita tengok, terutama sekali badan-badan berkanun yang ada kaitannya dengan pembangunan ekonomi ada, dengan izin, *commercial content* dari segi penglibatan perniagaan – *economic connection*.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negeri wujud badan-badan berkanun yang dinamakan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN). Dalam Dewan sesi kali ini kita pun telah meluluskan RM176 juta kalau saya tidak salah kepada tiga buah negeri iaitu Perlis, Melaka dan mungkin Negeri Sembilan. Tiga buah negeri atas sebab perniagaan mereka telah pun mengurangkan dari segi kecairan kewangan mereka.

Jadi terpaksa rujuk kepada pihak kerajaan persekutuan sebagai, dengan izin, *lender of the last resort* untuk membantu. Pada masa yang sama di Dewan yang mulia ini juga kita ada menyebutkan bagaimana bebanan hutang begitu banyak yang telah pun berlaku di peringkat badan-badan berkanun di negeri-negeri di mana mereka melibatkan perniagaan kerana sebenarnya mereka ini pegawai-pegawai kerajaan boleh dan cekap mentadbir tetapi kemungkinan tidak cekap mengurus. Ini ada bezanya Tuan Yang di-Pertua. Kita panggil PTD (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) tetapi

pengurusan memerlukan lebih daripada itu. Ia memerlukan dari segi pengalaman perniagaan kerana mereka terlibat dari segi pembangunan ekonomi yang ada kaitannya dengan apa yang Perdana Menteri kita sebutkan persyarikatan Malaysia – *Malaysia incorporated*. Di mana kita memerlukan pihak kerajaan dengan pihak swasta menerusi satu *smart partnership* (perkongsian bijak) untuk menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi terutamanya.

Jadi, kalau inilah tujuannya maka kita mengharapkan sistem pengurusan yang wujud di dalam PKEN dengan anak-anak syarikat, saya hanya tumpu di situ – perlulah membawakan satu pengurusan seperti yang saya kata tadi mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai *good management practice* yang baik. Justeru itu kita mengesyorkan kod etika. Sekarang saya hendak bertanya pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan mengutarakan kod etika kepada ba dan-badan berkanun yang khususnya *specialization*nya dari segi pembangunan ekonomi. Kerana jelas dan nyata sejak kita mewujudkan terutama selepas Dasar Ekonomi Baru pembangunan-pembangunan peringkat wilayah dan negeri yang berpaksi kepada badan-badan berkanun ini kita dapati kebanyakannya rugi terutama mereka sekarang jadi sisa-sisa daripada projek-projek penswastan yang berjalan dengan baik tetapi dalam Dewan yang mulia ini kita nyatakan bagaimana laporan tahunan tidak diaudit atau tidak sampai. Laporan tahunan yang bertahun-tahun dahulu baru sampai ke Parlimen. Jadi saya minta jadual laporan tahunan, misalnya, pegawai kewangan satu-satu badan itu bertanggungjawab. Tiap-tiap tahun bahkan mengikut skala masa satu *quarter* ataupun suku tahunkah, sebulankah mesti ada itu - cara penyampaian maklumat. Sekarang ini kita sudah canggih dengan adanya IT dan sebagainya.

Adakah mereka ini menghasilkan maklumat-maklumat yang dapat dikemaskinikan setiap waktu bagi mereka membuat keputusan dengan maklumat-maklumat itu. Kalau tidak ada maklumat, kalau tidak sampai maklumat, selepas itu saya tengok Laporan Audit. Menerusi Laporan Audit yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara yang begitu banyak badan untuk diaudit kadang kala terlewat. Maklumat yang diberi after the event, mohon izin, selepas benda itu sudah berlaku yang baik ataupun yang buruk barulah maklumat itu sampai.

Jadi saya mengesyorkan, Tuan Yang di-Pertua, setiap badan berkanun yang berpaksi kepada kegiatan-kegiatan komersial, kegiatan-kegiatan perdagangan dan perniagaan mesti mempunyai kod etika yang baik ini dan pada masa yang sama audit dalaman. Audit dalaman ini penting, Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka kalau tidak perlu setiap badan diwujudkan bererti JPA atau badan-badan pusat ini mewujudkan audit dalaman yang mempunyai kuasa untuk bergerak setiap masa ke setiap badan-badan berkanun, *a mobile audit unit* dibuat untuk hendak menuju, bukan Audit Negara saja, audit dalaman ini bermakna dia berhak untuk mengaudit bila-bila masa di mana-mana badan berkanun terutama sekali kepada mereka tidak membuat laporan yang kemas kini. Terlalu banyak yang tidak membuat laporan yang kemas kini dan pegawai kewangan yang bertanggungjawab terhadap perkara ini mesti dikenakan surcaj.

Setakat ini saya hendak bertanya kepada badan-badan berkanun yang lupa atau sengaja tidak membuat laporan-laporan yang dikehendaki adakah mereka ini dikenakan surcaj. Kalau sekiranya syarikat-syarikat yang berdaftar di BSKL, Tuan Yang di-Pertua, pun ada, ada tetapi Securities Commission atau Suruhanjaya Sekuriti mengenakan denda. Baru-baru ini dalam surat khabar kita tengok dua, tiga, empat buah syarikat yang lebih daripada enam bulan selepas tutupnya akaun tidak dapat mengeluarkan audited account dia. Dia kena surcaj, kena bayar, kena denda. Soalnya sekarang berapa badan-badan berkanun dengan laporan-laporan yang tidak menepati tahap-tahap yang ditetapkan kena surcaj? Saya ingin tahu kerana tidak perlu menunggu peraturan baru ini. Peraturan itu sudah wujud dulunya, mereka terpaksa mengeluarkan laporan-laporan.

Saya menyebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana tanpa tindakan awalan diambil perkara ini akan merebak sehinggakan hutang badan-badan berkanun sekarang begitu tinggi berbilion-bilion, itu saya minta figure tetapi dia kata panjang sangat, dia akan beri pada masa tertentu tentang berapa banyak hutang-hutang PKN-PKN daripada Kelantan, Terengganu, Pahang, seluruh Malaysialah, kita tidak pilih bulu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, audit bergerak ini penting, selepas itu etika dari segi pengurusan, *the good management practice* patut diwujudkan untuk mereka ini

menggunakannya tanpa menunggu satu-satu perkara berlaku. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, kita ini macam mewujudkan satu *defensive mechanism*, mekanisme ketahanan sebelum ianya berlaku.

Saya juga percaya kerana wujudnya Malaysia Incorporated atau Persyarikatan Malaysia ini banyak badan berkanun yang terpaksa melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan kalau kita memerlukan efisiensi dan produktiviti dan daya saing, kita memerlukan pihak pengurusan yang baik. Jadi, setakat pegawai-pegawai kerajaan saja ini saya ingat kita kena tengok juga. Kalau tanggungjawab berbilion-bilion, gaji mengikut pengurusan, dulu masa saya saya dengar A, B, C, D, E; sekarang ini mungkin pengurusan level 1, 2, 3, saya ingat perkara semacam ini kena ubah. Kalau dia diberikan tanggungjawab yang begitu besar berbeza dengan pentadbiran i.e. pengurusan, kenalah setimpal pendapatan mereka.

Ini saya ingat JPA kena tengok balik semula kalau tanggungjawab itu bersangkut-paut dengan ekonomi, dengan Persyarikatan Malaysia, dengan pembangunan dari segi perdagangan, dia kenalah buat satu jadual yang berbeza dari apa yang terdapat di kalangan kakitangan kerajaan. Maknanya, badan-badan berkanun ini mungkin ia berkanun mungkin ia straight to the body tetapi skala gajinya berbeza kerana tanggungjawab dan mereka dipertanggungjawabkan, accountability pun berat, berbeza dengan kementerian yang tidak mempunyai bebanan menjalankan tugas-tugas pembangunan ekonomi.

Dengan wujudnya globalisasi juga, Tuan Yang di-Pertua, kita bersaing. Kita bersaing dengan pelbagai jenis syarikat antarabangsa yang sekarang ini mewujudkan penggabungan dan pengambilalihan. Saya juga minta kita jangan *parochial* dalam perkara ini, badan-badan berkanun ini kalau kita hendakkan pengurusan baik, yang betul-betul mantap mungkin PKN-PKN buat penggabungan kerana saya perhatikan setiap negeri hendak mengadakan pengurusan yang tinggi-tinggi, yang canggih, ini mungkin tidak berupaya.

Saya tidak hendak menyindir sahabat saya di Perlis misal katakan, dia pun ada PKN, atau tidak mahu menceritakan tentang Kelantan dan Terengganu atau Sabah yang begitu besar atau Sarawak, tetapi berkemungkinan PKN-PKN ini digabungkan. Mungkin satu usaha penggabungan dan pengambil alihan dibuat kerana hendak

menentukan skala ekonomi yang lebih optimum dari segi menguruskan secara baik aset dan khazanah harta yang wujud kerana mereka ini banyak harta, banyak khazanah. Saya tengok dalam segi Danaharta pun banyak juga badan-badan ini terbengkalai kerana hutang-hutang lapuk, hutang-hutang tidak berbayar diambil alih oleh hartanah.

Jadi, syarikat-syarikat kepunyaan PKN-PKN ini, badan-badan berkanun ini, kita kaji semula secara total, secara menyeluruh bagaimana dapat kita *regionalisekan* atau mewilayahkan pembangunan itu menerusi penggabungan peringkat Pahang katakanlah di Semenanjung Malaysia Timur makna Terengganu, Kelantan, Pahang dan Johor sedikit, selepas itu Barat, selepas itu Sabah, Sarawak, mungkin ada empat wilayah badan-badan berkanun ini dikelompokkan, digabungkan supaya pengurusan itu dan pengerusinya tidak kira, kita cari yang betul-betul berkaliber sekarang ini untuk menjalankan tugas-tugas dengan Lembaga Pengarah yang mewakili disiplin-disiplin, pengurusan-pengurusan tertentu, *specialization* tertentu dan kita bayar gaji ini mengikut kadar cara pihak swasta. Jadi, badan-badan berkanun ini kena berubah.

Saya minta JPA mengakui apa yang sebenarnya realiti yang ada sekarang ini. Kalau kita bayar peanut, kita dapat kata orang '*monkeys*'. Jadi jangan sekali-kali kita bayar peanut, kita beri dia hebat-hebat dari segi pendapatan, mungkin kita dapat orang yang lebih canggih., Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gunanya kita ada perundangan yang baik dan canggih ini kalau sekiranya struktur kita, *mindset* kita kena ubah. Struktur kepada syarikat, badan-badan berkanun ini mesti diubah dan ditinjau kembali supaya mereka dapat menjelaskan segala hutang-piutang, segala tanggungjawab dan tidak adalah penyelewengan seperti hendak melambat-lambatkan proses approval misalnya, hendak melambat-lambatkan pembayaran.

Jadi secara sengaja dia mungkin dilambatkan kerana dengan melambatkan ada *negotiation*. Bila ada satu *negotiation* berbagai-bagailah cerita timbul, bukan setakat minum kopi atau belanja bihun, mee goreng, lebih daripada itu, itu kita tidak mahu. Setakat belanja bihun, mee goreng dan mee rebus tidak ada masalah kerana ianya makanan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, cuma saya perlukan sedikit lanjutan penjelasan sebab sekiranya bila

kita jawab nanti kita dapat penjelasan yang lebih baik lagi. Tadi Yang Berhormat Dato' membincang mengenai apakah perlunya ada perubahan struktur dan kalau ada perubahan struktur kemungkinan adanya sedikit peningkatan dari segi kegiatan ekonomi. Soalnya, apakah struktur ataupun proses birokrasi itu yang segala penyebabkannya. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dua-dua sekali. Saya sebutkan struktur itu diekori dengan aspek pengurusan. Mula-mula struktur selepas itu cara mengurusnya. That means etika pengurusan itu, jadi kedua-dua. Kalau wujudnya struktur yang baik, dengan etika pengurusan yang mencerminkan struktur yang baru ini, insya-Allah, dan juga dengan adanya *check and balance*, mohon izin, dari segi pengawasan, kawal selia dan sebagainya seperti audit dalam, lembaga pengurusan yang profesional, pegawai-pegawai yang profesional, maknanya birokrasi di dalam badan-badan berkanun dihapuskan, yang wujud ialah pengurusan yang canggih, efisien dan produktif, itu maksudnya.

Jadi, struktur bersama-sama dengan pengurusan, sistem pengurusan yang baik, kedua-duanya akan menghakiskan isu-isu disiplin dan surcaj tadi kerana mereka mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, yang dikemaskinikan. Jadi, saya yakin dan percaya kalau wujud itu bersama-sama dengan tatacara, surcaj dan tatatertib ini, saya yakin dan percaya badan-badan berkanun di negara kita setelah diubah suai akan memberikan respons yang baik kepada dasar kerajaan yang wujud.

Saya ingin bertanya di mana terletaknya tanggungjawab pihak pengurusan berkenaan dengan pegawai-pegawai yang lebih kuat berpolitik daripada menjalankan tugas. Adakah mereka ini berada di lingkungan bab-bab ini tadi, bab-bab tatatertib atau surcaj. Saya tahu pihak-pihak pegawai kerajaan ada tatatertibnya yang menahan mereka melibatkan diri secara aktif dalam politik tetapi adakah badan-badan berkanun juga dengan bab yang baru ini mempunyai satu sandaran kepada bab-bab yang boleh menyekat mereka daripada memsabotaj dasar-dasar kerajaan yang kita buat menerusi badan-badan berkanun. Kita bimbang kerana usaha kita supaya dasar-dasar kerajaan menerusi badan-badan berkanun dan agensi-agensi lain dapat dijalankan dan diterima oleh, the end result – oleh rakyat jelata yang miskinlah, yang memerlukan perumahan dan sebagainya. Tetapi kerana adanya elemen political

sabotaj ataupun penyalahgunaan kuasa dari segi politiknya berkemungkinan besar matlamat suci Kerajaan Barisan Nasional tidak sampai kepada penerima terakhir iaitu rakyat jelata.

Jadi, kepada mereka ini bidang mana, kuasa macam mana yang wujud di dalam – kerana ini susah hendak check, susah kita hendak susuli. Tetapi adakah mekanismenya yang boleh menentukan setiap dasar kerajaan berjalan dengan licin, tidak ada sekatan kerana mereka semuanya percaya pada akhirnya keharmonian hidup rakyat jelata terjamin menerusi dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin.

**3.41 ptg.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh secara ringkas tentang Rang Undang-undang Badan Berkanun ini iaitu satunya kita mengharapkan dengan pengenalan undang-undang ini maka badan-badan berkanun akan dapat menjadi lebih cekap, berkeupayaan, lebih besar dan dapat membaiki, mendisiplinkan kakitangannya, di samping dapat memberikan sumbangan yang lebih berkesan dalam tugas-tugas mereka kepada masyarakat, bangsa dan juga ekonomi negara. Tetapi dalam pada itu, kita telah, dari masa ke semasa pernah berlaku umpamanya yang paling selalu ditegur ialah Perbadanan Kemajuan Negeri. Satu masa dahulu tindakan yang radikal pernah diambil untuk membubarkan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Bagaimanapun, kemudian kita mendengar lagi teguran daripada pihak Audit Negara terhadap kepincangan pengurusan di perbadanan-perbadanan kemajuan negeri.

Adalah menjadi harapan kita dengan rang undang-undang ini maka satu masa nanti kita tidaklah lagi akan mendengar teguran-teguran itu berulang dan akan ada langkah-langkah yang boleh diambil secara efektif yang meyakinkan rakyat. Hanya satu perkara yang saya akan kemukakan, apakah seharusnya tiap-tiap Perbadanan Kemajuan Negeri, pengurus besarnya seharusnya juga mengambil tanggungjawab sebagai pengurus atau pengerusi ke pada anak-anak syarikatnya. Tiap-tiap Perbadanan Kemajuan Negeri mempunyai banyak anaksyarikat yang lain dan pengarahnya juga

atau pengurus besarnya jugalah yang bertanggungjawab terhadap anak-anak syarikat ini. Apakah ini tidak menjejaskan keupayaan dan juga penglibatan masanya yang besar dan juga tidak membolehkan ia menumpukan kepada fungsi dan tugas anak-anak syarikat itu yang menyebabkan kelemahannya, kepincangannya dan kurang pengawalannya.

Tidakkah boleh kerajaan memikirkan mulai daripada sekarang anak-anak syarikat ini seharusnya dilantik atau mempunyai pengurus-pengurusnya yang tersendiri dan bukan semuanya dikendalikan oleh pengurus besar Perbadanan Kemajuan Negeri. Dengan itu juga kita akan dapat memberi peluang kepada pihak-pihak lain bagi mengendalikan anak-anak syarikat ini. Kita sendiri bukanlah mengatakan bahawa semua perbadanan-perbadanan kerajaan telah rugi, tidak dapat berfungsi dengan baik, tetapi kita juga telah melihat beberapa perbadanan kerajaan yang telah membuktikan keupayaan, kecekapan dan telah mendapat sanjungan daripada rakyat.

Barangkali pencapaian-pencapaian ini oleh beberapa perbadanan ini seharusnya menjadi contoh di dalam kita menyusun, melahirkan kakitangan yang lebih berupaya dan lebih cekap di tiap-tiap perbadanan ini. Umpamanya, kita dapat melihat yang kebanyakannya badan-badan berkanun ini yang kita tahu ialah mereka ini ada kaitannya juga dengan politik. Ini adalah juga masalah apabila berlaku sesuatu perubahan dalam perkembangan politik negara, maka seolah-olah perbadanan ini sudah tidak ada continuity dan berlaku ketidakupayaan daripada pihak pengarah ataupun pihak kakitangan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan juga performance atau tugas pemahaman dan rasa tanggungjawab di pihak kakitangan serta pegawai-pegawai di perbadanan ini. Hal ini harus juga difikirkan sama ada seharusnya pengerusi-pengerusi perbadanan ini terus diambil oleh orang-orang politik ataupun betul-betul profesional. Banyak kita melihat badan-badan berkanun yang betul-betul profesional yang telah menunjukkan keupayaan yang besar, yang meyakinkan dan dihormati.

Jadi, kita tidak seharusnya menampakkan bahawa ini semata-mata untuk tujuan politik tetapi mungkin suatu langkah yang lebih tegas diambil bagi menjadikan semua badan ini benar-benar profesional berasaskan kepada rang

undang-undang yang bakal diluluskan. Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Zainal bin Rampak:** *[Bangun]*

**Puan Safinah binti Jusoh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak dahulu.

### 3.48 ptg.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000. Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin untuk menghuraikan satu bahagian kepada satu bahagian seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, cadangan rang undang-undang ini yang telah dikemukakan begitu baik, very comprehensive mengandungi berbagai-bagai isu mengawasi perjalanan badan-badan berkanun umumnya yang kita semua ketahui banyak kepincangan yang telah berlaku di masa-masa yang lepas di mana dalam Dewan yang sama juga kita telah bincangkan perkara-perkara yang sedemikian di masa yang lepas dan kita telah menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam badan-badan berkanun.

Soal sense of belonging kadangkala tidak terdapat kakitangan awam yang menjalankan badan-badan berkanun tersebut dan seolah-olah ia mencerminkan the most independent, dengan izin, badan dan tidak dikawal selia dengan begitu rapi dan menyebabkan kadangkala berbagai keciciran berlaku kepada badan-badan berkanun dan akhirnya kerajaan juga menerima akibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk bercakap tiga perkara atas perkara ini. Satu, isu Lembaga Tatatertib itu, iaitu Bahagian III berkenaan dengan penamatan perkhidmatan. Kalau kita pandang memang benar kalau seseorang kakitangan awam telah terbukti melakukan kesalahan atas sebab-sebab yang telah ditunjukkan dan ianya seperti mana yang dijelaskan dalam cadangan pindaan undang-undang ini bahawa pegawai berkenaan tersebut telah melakukan kesalahan, penyelewengan, tidak menjalankan tugas dan sebagainya dan surat tunjuk sebab hendaklah dikemukakan selepas Lembaga Pengarah atau lembaga yang dilantik untuk mendengar kes tersebut

dan mereka ini diberikan kesempatan untuk dirujuk kepada Lembaga Tatatertib dan selepas itu ianya sama ada dipotong gaji ataupun ditahan kerja ataupun diturunkan pangkat dan akhir sekali ianya akan dibuang kerja.

Persoalan yang bermain di kepala saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan bermakna saya tidak menyokong tetapi soalnya setelah dianya dibuang kerja tidakkah patut kerajaan mengadakan satu tribunal ataupun mahkamah khas sepertimana yang berlaku dalam syarikat swasta. Tuan Yang di-Pertua, kalau sistem yang serupa juga iaitu dengan mengemukakan surat tunjuk sebab dan dikemukakan Lembaga Tatatertib yang dipanggil Domestic Inquiry, dengan izin, selepas didapati bersalah diturun pangkat, potong gaji dan sebagainya, akhirnya akan dibuang kerja. Bila dibuang kerja, pekerja yang berkenaan boleh merayu di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan iaitu tidak semestinya pekerja tersebut pergi mahkamah biasa Common Court of Law, dengan izin, tetapi wujudnya satu mahkamah mengendalikan kes sedemikian. Pekerja tersebut akan diberikan peluang untuk memakai peguam atau beliau sendiri atau melalui pergerakan Kesatuan Sekerja dan sebagainya dan mahkamah akan membicarakan pekerja tersebut. Jika sekiranya pekerja tersebut didapati tidak bersalah, dia akan kembali semula bekerja.

Soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal kos. Besar kemungkinan pegawai atasan yang tinggi mempunyai gaji yang besar mampu untuk memakai seorang peguam dan membawa kes beliau ke Common Court of Law. Tetapi bagaimana pula pekerja biasa, pekerja buruhan yang bekerja dalam badan-badan berkanun ini. Jika sekiranya beliau diberhentikan kerja dan mereka tidak berkemampuan untuk membawa kes pergi ke Common Court of Law, untuk memakai peguam yang begitu mahal, yang begitu besar pembayarannya.

Jadi, kita harus memikirkan bukan sahaja persoalan mereka yang berpendapatan besar dan tinggi tetapi persoalannya ialah mereka yang berpendapatan rendah, golongan manual group, buruh biasa yang sejumlah besarnya bekerja dalam Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga badan-badan berkanun. Jadi, saya berharap pihak kerajaan akan memikirkan perkara ini untuk menubuhkan satu tribunal ataupun satu mahkamah khas untuk mendengar kes ini sambil jika sekiranya mahkamah sedemikian dapat diwujudkan saya jangka bahawa masa tidak berlarutan.

Sepertimana kita lihat hari ini, kalau seorang kakitangan awam ditamatkan perkhidmatannya dan mereka merayu kepada ketua jabatan, jika rayuan ditolak, mereka tidak ada pilihan lain membawa kes kepada Common Court of Law. Ini akan memakan masa begitu panjang. Kita telah mendengarkan kes polis dan sebagainya kadangkala lima tahun, enam tahun, sudah pencen orang itu kemudian Common Court of Law perintakkannya balik bekerja dan dia dapat arrears, tunggakan kebelakangan beribu-ribu ringgit dan sebagainya.

Ini satu perkara yang harus kita fikirkan, satu perancangan jangka panjang untuk mengatasi keadaan ini sambil kita memberikan kepuasan kepada mereka yang terlibat walaupun kita berpendapat mereka telah melakukan kesalahan tetapi dari segi beliau mengatakan beliau tidak melakukan kesalahan dan ini satu perkara yang kita fikirkan yang saya beranggapan ia akan dapat memuaskan hati pekerja yang dibuang kerja. Besar kemungkinan dari satu sudut lain ianya akan teraniaya dan besar kemungkinan juga, Tuan Yang di-Pertua, boleh diibaratkan kata Senator Datuk Zam tadi kalau sekiranya pertukaran politik dan penganiayaan berlaku mereka dibuang kerja dan sebagainya dan pegawai yang berkenaan boleh merujuk kes ini kepada mahkamah yang ditubuhkan.

Jadi, kita tidak mahu kakitangan awam yang berkhidmat kepada kerajaan yang memerintah.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat begitu arif dalam Kesatuan Sekerja, tadi ada Yang Berhormat telah sebut mengenai dengan sekiranya pekerja bawahan bawa kes-kes ke mahkamah ia memerlukan bantuan guaman yang mana akan menelan belanja yang besar.

Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat beri penjelasan sama ada kalau seseorang pekerja itu sebagai ahli Kesatuan Sekerja adakah pihak kesatuan akan membela pekerja itu? Terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Yang Berhormat, kebiasaan kalau seseorang itu ahli Kesatuan Sekerja sudah barang tentu kesatuan akan membela beliau dan kita juga tahu bahawa Kesatuan Sekerja dalam kakitangan awam, Yang Berhormat, dari segi yuran bulanannya kalau mereka ini manual group, golongan bawahan yuran bulanan kita dapati kadang-kadang seringgit sebulan. Kalau ahlinya

hanya 3,000 - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor cakup, lebih kurang 3,000 orang, seringgit sebulan, RM3,000 sebulan dia collect 3,000 orang ahli.

Jadi, kalau pakai seorang peguam kadang-kadang kosnya hampir RM20,000. Jadi, kadangkala kesatuan mempunyai masalah untuk memakai seorang peguam dengan kos yang begitu tinggi. Kalau ada mahkamah khas yang ditubuhkan kesatuan sendiri boleh mewakili, kesatuan pintar dalam perkara ini dan tidak memerlukan lagi tauliah sebagai peguam untuk pergi Mahkamah Tinggi. Kalau pergi Mahkamah Tinggi terpaksa memakai seorang peguam tetapi kalau mahkamah yang ditubuhkan seperti yang saya jelaskan iaitu mahkamah seperti yang wujud dalam sektor swasta ia tidak perlu risau. Walaupun peguam boleh tetapi pemimpin kesatuan sendiri boleh mewakili pekerja yang berkenaan. Jadi, itu satu cadangan saya supaya pihak kerajaan dapat memikirkan perkara ini dan peruntukan-peruntukan diadakan bagi membolehkan kakitangan awam yang berpendapatan rendah mendapat keadilan, mendapat pembelaan dari segi penganiayaan

Tadi sebelum Yang Berhormat bertanya kepada saya, saya soal, kalau kita cakap sesebuah negeri telah tukar kerajaannya dan kakitangan awam ini diberhentikan kerja, ditamatkan perkhidmatan. Kita lihat, kita telah dengar banyak perkara, kadang-kadang MTUC sendiri berasa kurang senang mengapa kakitangan awam menjadi mangsa dalam soal-soal ini. Ini boleh diambil kira, kalau ini dapat dilakukan ditubuhkan ada tempat-tempat di mana kakitangan awam tersebut boleh mengadu dan boleh membawa perkara mereka untuk pengadilan, untuk mendapatkan justice dalam perkara-perkara yang berlaku terhadap diri mereka sama ada dari segi penganiayaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sambil itu saya juga ingin menyambung apa yang telah dinyatakan oleh Senator Datuk Zam tadi, soal Pengerusi Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun. Memang benar seseorang kadangkala menjadi pengerusi badan induk badan berkanun, ia tubuhkan anak-anak syarikat memang banyak. Mereka juga menjadi pengerusi anak-anak syarikat, saya bersetuju sama sekali. Tetapi sambil kita memikirkan soal Pengerusi Lembaga Pengarah ini memegang beberapa jawatan, saya juga terlintas di hati saya bagaimana pula dengan Ahli Lembaga Pengarah itu sendiri. Patutkah kerajaan mengehendkan seseorang itu boleh menjadi Ahli Lembaga Pengarah

kepada satu jumlah syarikat yang tertentu. Saya kira saya dengar sudah ada tidak lebih daripada enam ataupun sepuluh, kalau tidak salah saya, minta maaf kalau jumlahnya tidak betul apa yang telah dijelaskan.

Sambil itu, saya juga ingin menjelaskan demi untuk memastikan perjalanan badan-badan berkanun ini mengikut lunas-lunas, mengikut kehendak inspirasi kerajaan yang memerintah, saya fikir bukan sahaja Lembaga Pengarah ini harus terdiri daripada kalangan orang-orang politik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga kita mahu memastikan adanya *check and balance*.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya badan-badan NGOs dilantik menjadi Lembaga Pengarah. Saya sebut badan-badan NGOs not semua badan NGOs, kita tahu ada juga NGOs just RM2 NGOs. Jadi, kita tidak mahu NGOs yang RM2 ini, dengan izin, tetapi badan-badan NGOs yang *credible* seperti NCWO seperti FOMCA, termasuk juga MTUC dan juga CUEPACS dan juga badan-badan yang mempunyai kredibiliti untuk duduk dalam Lembaga Pengarah untuk memberikan kerjasama dan *check and balance* dan menyampaikan suara rakyat yang diwakili oleh mereka dan jika kedapatan perjalanan tersebut tidak betul, mereka juga boleh membuat input dalam perbincangan untuk memperbaiki lebih baik lagi perjalanan Perbadanan tersebut.

Ini akan dapat menolong kerajaan memastikan bahawa kerajaan akan sentiasa disanjung oleh rakyat dan juga segala perancangan akan dilaksanakan tidak terbengkalai. Sepertimana yang kita lihat Perbadanan Kemajuan Negeri menyediakan rumah kadangkala rumah itu tidak sempurna, soal infrastruktur tidak ada dan pelbagai isu kerendah lain yang wujud, yang mana kalangan NGOs ini mendapat *feedback* daripada ahli-ahli kami, daripada pekerja-pekerja, daripada pengguna dan ianya boleh mengemukakan pandangan ini dalam mesyuarat-mesyuarat lembaga badan-badan berkanun yang berkenaan.

Ini saya kira barangkali satu cadangan yang baik seperti termasuk juga Majlis Belia Malaysia (*Malaysia Youth Council*), dengan izin, mereka mewakili hampir 2 million belia dalam negara kita, mengapa tidak generasi muda yang bangun, bangkit dan juga penyokong kita semua yang bakal menjadi pemimpin begitu juga masukkan mereka jadi Ahli Lembaga Pengarah. Jadi, Lembaga Pengarah ini tidak seharusnya

terdiri bukan sahaja daripada kalangan profesional, ahli politik tetapi juga termasuk badan-badan berkanun yang lain, yang mewakili sektor masyarakat dalam negara ini yang muda, consumer, pergerakan sekerja dan juga wanita sendiri.

Kemudian, satu perkara lagi ialah soal apa yang telah dikehaskan oleh rakan saya dari Pulau Pinang, Senator Dato' Dr. Chin tadi, mengatakan bahawa jika sekiranya pemotongan gaji dibuat, 25% daripada gaji pokok, katanya bilakah jumlah wang ini akan dapat diselesaikan. Besar kemungkinan katanya, sampai beliau sudah pencen, sudah meninggal dunia, *maybe money not be collected*, tetapi saya hendak mengingatkan rakan-rakan saya juga, kadangkala kita juga harus bersimpati kepada mereka, besar kemungkinan ianya dilakukan dengan tidak sengaja dan kalau 25% potongan dan setelah dipotong lain-lain perkara, jadi berapakah jumlah pendapatan yang ada pada beliau untuk dibawa balik menanggung keluarga mereka.

Jadi, ini suatu perkara yang kita fikirkan, mereka juga manusia biasa, dan kalau sekiranya tindakan diambil untuk beliau membayar kembali wang yang telah dipungut dan sudah digunakan dan kalau sekiranya jumlahnya begitu besar, potongan 25% daripada gaji, setelah potongan lain dibuat dan sebagainya, besar kemungkinan jumlah wang yang boleh pekerja ini bawa balik terlalu kecil untuk menyara keluarga mereka. Ini akan menunjukkan satu implikasi lain, soal masyarakat, soal rumah tangga, soal sosial di kalangan pekerja-pekerja itu sendiri. Jadi, ini kita hendak fikirkan sama ada jumlah ini satu jumlah yang tetap atau satu jumlah yang munasabah yang harus kita wujudkan.

**Dato' Dr. Chin Fook Wang:** Terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Senator Zainal, kalau seseorang itu melakukan penyelewengan, adakah dia memikirkan dengan sebaik-baiknya sebelum dia berbuat demikian tentang semua risiko, tentang akibatnya dan tentang keluarganya. Kalau seseorang itu betul-betul memikirkan segala hal mungkin dia tidak akan melakukan apa yang telah dibuat oleh orang ini, kerana pada anggapan kalau satu tindakan itu tidak seimbang dengan perbuatan itu mungkin dia tidak dapat mengatasi kehendak-kehendak seseorang itu untuk menyalahgunakan kuasa dan sebagainya. So, saya tanya kalau ia melakukan dan dia tahu risiko itu, adakah baik bagi kita supaya melepaskan perkara itu sahaja? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Dato'. Soal pada saya, kalau seseorang tersebut telah melakukan dengan sengaja, *the venue*, dengan izin, yang ada pada kita ialah mengambil tindakan *criminal case* dan dari *criminal case* besar kemungkinan soal pulang balik duit, potong gaji tidak timbul kerana kalau beliau telah melakukan kesalahan, melakukan kecurangan, menyalahgunakan wang Perbadanan, *that's criminal case*, ubatnya, pada kita terpaksa merujuk kepada polis buat *criminal case*, dan tidak lagi payah untuk mengadakan tribunal dan sebagainya. Kalau dibuktikan jelas, terang, beliau telah menjalankan guna kuasa, pada saya itulah satu perkara yang boleh kita lakukan dan terpulang kepada Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, mengikut *court's law* untuk menyelesaikan masalah tersebut sama ada beliau bersalah ataupun tidak dari segi kita mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman, beliau terpaksa memulangkan wang tersebut secara *installment* ataupun potong pencen dia pada tiap-tiap bulan.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau pekerja yang berpendapatan rendah, pencen yang paling rendah, saya ingat RM180 sebulan, itu dijelaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri suatu ketika waktu saya berucap dan beliau menjelaskan, *the lowest rate, of minimum pension* ialah RM180 sebulan. Kalau dipotong 25% daripada RM180, berapa yang tinggal untuk beliau meneruskan kehidupan. Jadi, itu persoalan.

Kalau seseorang itu telah melakukan kesalahan jenayah, penyalahgunaan kuasa, ubatnya terang sama sekali, buat *police case*, ini satu perkara yang lebih baik daripada beliau sendiri dan pada pihak kerajaan sendiri. Dari satu sudut lain pula, ini akan dapat menjelaskan keprihatinan dan juga kecekapan kerajaan dan kerajaan tidak dituduh bahawa kita menyelindung ataupun memperlindungi orang-orang yang telah melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini sungguh baik. Telah saya jelaskan, *very comprehensive* pada umumnya dan saya kira ini akan dapat melicinkan lagi perjalanan perbadanan-perbadanan kemajuan negeri dan persoalannya ialah bagaimana cara kita hendak melicinkan lagi seperti mana apa yang telah saya jelaskan tadi, jika sekiranya kerajaan dapat bertindak dalam cadangan-cadangan yang telah

saya kemukakan sambil mengambil kira cadangan-cadangan rakan-rakan saya yang lain, besar kemungkinan termasuk kesatuan-kesatuan wartawan dan sebagainya, saya kira barangkali perjalanan perbadanan kemajuan negeri dapat diperlicin lagi. Suara rakyat akan dapat diketengahkan lagi, *it is not being monopoly so called*, dengan izin, perkataan *the top civil servant*, kakitangan awam yang kadangkala ianya tidak sampai ke bawah Dasar kerajaan tidak diambil berat, tidak diambil begitu serius, oleh kerana soal besar kemungkinan *different political ideology, different* pandangan dan sebagainya dan sifat yang tidak begitu serius dilakukan oleh sesetengah kakitangan awam.

Saya kira, kalau anggota-anggota ini dapat mewakili dalam lembaga pengarah, saya yakin dan percaya perbadanan kemajuan negeri, badan-badan berkanun umumnya akan dapat diperlicin lagi.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Safinah.

**4.12 ptg.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, setelah sekian lama badan berkanun menjalankan fungsi dan tugas masing-masing, maka pada hari ini baharulah pihak kerajaan melihat perlunya diwujudkan satu peraturan yang mempunyai kuasa undang-undang yang seragam untuk diimplementasikan ke atas semua badan berkanun.

Memang wajarlah kewujudan undang-undang ini perlu untuk menyeragamkan undang-undang ke atas semua badan berkanun dan seterusnya menjamin keadilan melalui peraturan dan tindakan yang sama ke atas setiap kesalahan yang sama, yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan juga badan-badan berkanun.

Rang undang-undang ini juga dapat menangani permasalahan salah laku pegawai-pegawai seterusnya mampu meningkatkan imej dan keberkesanan badan-badan berkanun dalam menjalankan fungsi-fungsi membantu kejayaan negara dan

rakyat dalam pelbagai bidang. Pewujudan rang undang-undang ini juga telah secara langsung memartabatkan peraturan yang ada dengan cara menaiktarafkan peraturan-peraturan sebelum ini kepada kuasa undang-undang.

Ini juga seterusnya akan mempermudah setiap urusan prosiding di mahkamah yang menyentuh soal penyelewengan dan salah laku pegawai-pegawai tertentu yang memerlukan kepada suatu bentuk hukuman yang lebih tegas dan bertanggungjawab di samping mengelakkan kesilapan-kesilapan pihak-pihak tertentu dalam menjatuhkan hukuman yang telah ditetapkan.

Oleh kerana rang undang-undang ini bertujuan untuk melahirkan satu pentadbiran yang lebih beramanah, telus dan bertanggungjawab, maka setiap peruntukan undang-undang perlu diperjelaskan mekanisme penguatkuasaannya. Saya percaya pengenalan rang undang-undang ini juga dapat mencetuskan pegawai-pegawai dan kakitangan badan-badan berkanun merasa bertanggungjawab dengan segala tugas dan kerja yang diuruskan oleh mereka.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah.

#### **4.14 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dengan rakan-rakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai awam kerajaan termasuklah yang berkhidmat dalam badan berkanun merupakan pelaksana dasar yang diperbuat oleh kerajaan bagi kebaikan rakyat dan negara. Jika mereka bekerja dengan baik, maka baiklah kerajaan dan baiklah rakyat serta negara, andainya mereka bekerja dengan tidak baik, maka demikianlah juga yang diterima oleh kerajaan, rakyat dan negara.

Oleh itu, keputusan kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ini adalah bertepatan pada waktunya, lebih-lebih lagi memandangkan kebelakangan ini ada di kalangan pelaksana dasar yang menjadi rakan kongsi kerajaan ini yang terlibat secara langsung

dengan aktiviti-aktiviti yang menjejaskan tugas mereka, malah juga mengancam keselamatan negara.

Ada juga di kalangan mereka yang terlibat secara tidak langsung dengan menyokong tindakan yang mengancam keselamatan negara. Baru-baru ini saya terbaca surat daripada seorang pegawai yang disiarkan di surat khabar tempatan, yang mana mengatakan bahawa ada aktiviti, salah satunya aktiviti sembahyang hajat di sebuah institusi kerajaan di mana terlibat menyokong tindakan yang dilakukan di Sauk yang mana kita tahu adalah telah mengancam keselamatan negara kita.

Dalam surat itu juga dikatakan bahawa ada pegawai-pegawai yang melahirkan kata-kata di kalangan rakan-rakannya, yang bersimpati dengan tindakan kumpulan penjenayah yang mengancam keselamatan negara dan mempertikaikan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Malah mengiakan lagi dakwaan yang mengatakan insiden itu ialah suatu sandiwara.

Ini jelas memperlihatkan bahawa ada di kalangan mereka ini yang terlibat dalam *hate campaign*, dengan izin, terhadap kerajaan dan tentulah kehadiran mereka ini merupakan satu perkara yang amat membimbangkan kita semua. Persoalannya, adakah peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini mencukupi untuk menangani situasi seperti ini kerana kita tidak ingin melihat masalah ini membesar menjadi satu barah ataupun kanser yang akan membunuh badan tuannya.

Walaupun di dalam Jadual 2, rang undang-undang ini dalam bahagian tatakelakuan terdapat dalam Peraturan 18 berkenaan dengan membuat pernyataan awam 18(2):

“18(2) *Seseorang pegawai tidak boleh sama ada secara*

*lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain-*

- (a) *membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar rancangan atau keputusan badan berkanun atau kerajaan;*
- (b) *.....*

- (c) *memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan badan berkanun atau kerajaan ;*
- (d) *.....  
melainkan ia kebenaran bertulis sama ada secara am atau khusus telah diperolehi terlebih dahulu daripada Menteri ..”*

Ada diberikan di situ, tetapi saya ingin tahu sama ada apa perkara yang saya sebutkan tadi itu adakah terlibat di dalam peraturan ini, adakah termasuk dalam peraturan yang dibuat di dalam peraturan nombor 18 ini. Jika tidak, maka saya cadangkan supaya perkara ini dilihat dengan teliti oleh pihak kerajaan supaya awal lagi masalah yang saya katakan boleh menjadi satu barah yang membunuh badan tuannya dapat dibendung di peringkat awal lagi.

Dalam peraturan nombor 20 dalam Jadual 2 juga telah dimasukkan halangan untuk seseorang pegawai dalam kumpulan pengurusan tertinggi atau kumpulan pengurusan dan profesional supaya tidak dapat mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik dan khususnya beberapa larangan yang telah dikenakan daripada (a) hinggalah (f) dalam peraturan tersebut.

Dalam (2) seseorang pegawai dalam kumpulan sokongan boleh setelah mendapatkan kelulusan bertulis lembaga dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik. Seperti mana kita tahu kumpulan yang dihalang dalam peraturan 20(2) jumlahnya tidaklah sebegitu ramai. Yang ramai sekali ialah di dalam kumpulan sokongan itu dan tentulah mereka inilah yang mungkin lebih banyak melibatkan diri dalam aktiviti politik. Bukan ertinya kita menghalang mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik, tetapi apa yang kita ingin melihat ialah pertama, jangan adanya lagi keterlibatan yang boleh menjejaskan efisiensi mereka bertugas, dan kedua, yang boleh mengancam keselamatan negara kita, kerana kalau dibiarkan mereka terlibat dengan politik yang benci-membenci, maka dengan sendirinya kita telah melihat beberapa kesan yang berlaku baru-baru ini di dalam negara kita yang selalu diperkatakan oleh

pemimpin-pemimpin kita. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya mungkin bahagian untuk kumpulan sokongan ini dapat diperketatkan lagi bagi membendung perkara-perkara yang tidak diingini yang saya sebutkan tadi.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya kepada kementerian yang telah dapat menggubal seksyen bahagian penamatan perkhidmatan dalam Bahagian III, seksyen 9 berkenaan dengan penamatan perkhidmatan seorang pegawai demi kepentingan awam. Memang kita ketahui, ramai, ada di antara pegawai kerajaan yang telah melakukan salah laku tetapi tidak dapat diambil tindakan undang-undang kerana tidak mempunyai cukup bukti untuk mereka diambil tindakan ataupun disabitkan kesalahan. Maka adalah wajar pihak yang berkuasa untuk mewujudkan mekanisme untuk mereka ini diambil tindakan dengan menamatkan perkhidmatan. Ini adalah dialu-alukan tetapi apa yang saya ingin tahu di sini, mungkin sehin daripada kes-kes rasuah yang diketahui tetapi tidak ada cukup bukti, saya ingin penjelasan tentang contoh-contoh yang lain berkenaan dengan kes-kes kepentingan awam yang membolehkan tindakan penamatan perkhidmatan ini dilakukan oleh pihak yang berkenaan kerana perkataan “kepentingan awam” itu satu perkataan yang amat luas.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah dapat menggubalkan satu rang undang-undang yang begitu komprehensif seperti yang disebutkan oleh rakan kita Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak tadi untuk memastikan keseragaman tindakan disiplin di dalam badan berkanun. Tetapi saya rasa apa yang lebih penting di sini bukan setakat kita menggubal undang-undang untuk mengambil tindakan setelah kejadian itu berlaku. Yang lebih penting lagi semua pegawai badan berkanun sepatutnya diberi maklumat terlebih awal lagi tentang rang undang-undang ini, tentang peraturan-peraturan yang diwujudkan ini khususnya bagi mereka yang baru bertugas supaya mereka mengetahui apakah tanggungjawab mereka dan apakah risiko jika mereka melakukan salah laku semasa mereka bertugas.

Ini saya katakan kerana saya juga pernah bertugas sebagai pegawai kerajaan suatu ketika yang lama dahulu. Selalunya kita tidak diberitahu tentang peraturan-peraturan yang wujud, yang perlu dikenal pasti dan perlu diikuti oleh setiap pegawai kerajaan termasuklah pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan badan berkanun. Kita akan tahu tentang perkara ini hanya setelah kejadian itu berlaku,

setelah tindakan mula diambil terhadap pegawai-pegawai. Jadi, bagi saya yang penting saya ingin cadangkan kepada kerajaan, kepada kementerian khususnya supaya apabila sahaja rang undang-undang ini nanti diluluskan oleh Dewan yang mulia ianya diberi maklum kepada semua pegawai yang terlibat agar mereka mengetahuinya terlebih awal, jangan lagi ada yang mengatakan bahawa mereka tidak tahu tentang peraturan-peraturan yang sudah diwujudkan ini.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan, kepada kementerian khususnya untuk mencari satu formula atau mewujudkan satu persekitaran dengan peraturan-peraturan yang tertentu yang berupaya menghalang sebelum kejadian berlaku, menghalang rakan kongsi kerajaan ini iaitu pegawai-pegawai yang berkhidmat mahupun dalam perkhidmatan awam ataupun juga dalam badan berkanun supaya mereka ini tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, aktiviti-aktiviti yang menjejaskan prestasi kerja mereka, aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan imej negara dan aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara kita. Pihak kerajaan dan kementerian haruslah berani untuk mengambil tindakan ini mencari formula ataupun peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi.

Ini tidak bererti kerajaan tidak mengamalkan demokrasi atau menyekat hak-hak asasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita. Tetapi ianya hendaklah berfungsi untuk memelihara keutuhan demokrasi ala Malaysia dan memastikan hak-hak asasi di bawah Perlembagaan negara ini digunakan bukan untuk tujuan mengancam negara tetapi untuk kebaikan semua pihak yang terlibat, iaitu negara, kerajaan, rakyat dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Kerajaan Persekutuan dan juga negeri-negeri dalam negara kita Malaysia ini.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000. Terima kasih.

#### **4.31 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan secara ringkas Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Saya turut menyokong rang undang-undang ini dan kita mengharapkan badan-badan berkanun boleh memainkan peranan yang baik dan berkesan untuk kepentingan masyarakat dan negara. Apa yang menjadi persoalannya seba gaimana yang kita lihat dalam Jadual Pertama, subseksyen 2(1). Badan-badan berkanun yang baginya akta ini tidak terpakai di antaranya ialah:

- (i) Bank Negara Malaysia;
- (ii) Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (iii) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- (iv) Lembaga Tabung Angkatan Tentera;
- (v) Lembaga Tabung Haji;
- (vi) Pertubuhan Keselamatan Sosial; dan
- (vii) Bank Simpanan Nasional.

Yang menjadi persoalannya sekarang, kenapakah badan-badan berkanun ini yang kita semua tahu melibatkan kepentingan golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan golongan yang berpendapatan pertengahan, kenapa badan-badan ini tidak tertakluk kepada rang undang-undang akta ini sedangkan ia adalah sangat penting demi menjaga kepentingan awam dan negara kita.

Jadi, itulah satu persoalan yang saya minta kerajaan memberi penjelasan supaya kita tidak mahu kepentingan awam juga turut terjejas.

Jadi, dengan ini saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi hendak bercakap, tidak ada lagi ya. Menteri menjawab.

**4.34 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, yang telah berminat untuk berbincang dan memberi pandangan yang begitu berguna sekali kepada kerajaan, mengenai Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Jadi, pada petang ini saya akan menjawab beberapa perkara sahaja. Perkara-perkara yang tidak dijawab, ianya akan diambil perhatian oleh kerajaan kerana

kementerian dan pegawai-pegawai saya akan memberi perhatian kepada segala perkara yang disentuh di luar rang undang-undang ini tetapi ianya adalah satu cadangan yang baik, yang harus diambil perhatian oleh kerajaan.

Memang seperti dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini adalah untuk mencari jalan bagaimana kita akan meningkatkan prestasi dan tahap perkhidmatan kakitangan-kakitangan badan-badan berkanun di negara kita. Kita akan menentukan dengan adanya undang-undang ini, segala masalah yang dihadapi selama ini dapat kita atasi. Dengan ini kita dapat menentukan bahawa segala perkhidmatan yang kita beri kepada rakyat akan menjadi satu perkhidmatan yang begitu cemerlang, yang akan membantu, menolong dan membangunkan negara kita kepada tahap yang kita harapkan.

Satu lagi perkara yang saya ingin jelaskan bahawa rang undang-undang ini adalah hanya diguna pakai oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan, ianya tidak boleh digunapakaikan oleh Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang di bawah Kerajaan Tempatan kerana untuk kerajaan-kerajaan negeri, kita berharap kerajaan negeri masing-masing akan sama-sama meluluskan Rang Undang-undang ini supaya dapat diguna pakai di peringkat negeri kerana negeri ada bidang kuasanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menanya mengenai penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam untuk kes-kes. Jadi, penamatan demi kepentingan awam adalah pegawai yang dibersarakan awal dengan faedah pencen disebabkan oleh beberapa perkara, sebab tertentu seperti prestasi yang terlalu rendah, masalah penyalahgunaan dadah dan lain-lain kelemahan dan kesalahan yang menjejaskan prestasi pegawai.

Mengenai pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam ini, yang perlu persetujuan pihak berkuasa, yang menyebabkan Yang Berhormat bimbang. Peruntukan ini terpakai bagi membolehkan pegawai berpencen dibersarakan di bawah Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 dipertimbangkan, diberi kepada faedah persaraan. Pihak Berkuasa Pencen mengkaji alasan penamatan yang dinyatakan oleh badan berkanun pada lazimnya,

akan bersetuju dengan tindakan tersebut. Kita berharap pihak Jabatan Pencen tidak akan memberi apa-apa masalah.

Mengenai surcaj, apa terjadi kalau pegawai terlupa memasukkan cek sesuatu *hypothetical case* tadi, perkara ini bergantung kepada penyiasatan dan jika sekiranya kelalaian pegawai itu boleh merugikan badan berkanun, maka tindakan surcaj boleh diambil terhadap pegawai tersebut. Suka dinyatakan bahawa surcaj bukan satu hukuman tetapi itulah tindakan tatatertib, satu keperluan untuk mendapatkan balik jumlah wang yang hilang dan memberi pengajaran dan peringatan kepada pegawai tersebut.

Mengenai peraturan mengatakan potongan di bawah Seksyen 20 tadi mengenai potongan surcaj, potongan ini 25% adalah dari gaji pokok pegawai dan bukannya dari baki loan, bayaran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jumlah potongan ini ditentukan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun mengikut tahap tanggungjawab pegawai berkenaan dan dari segi jumlah surcaj yang dikenakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah bercakap dengan begitu bersemangat. Tadi telah mencadangkan mesti ada kod etika dan mewujudkan audit dalaman. Mengenai audit dalaman, memang telah pun ada audit dalaman dalam badan-badan berkenaan dan dengan adanya Akta Tatatertib dan Surcaj ini badan-badan berkanun diharap dapat mengadakan etika kerja di bawah badan berkanun masing-masing.

Mengenai penggabungan badan-badan berkanun di peringkat negeri, perkara ini adalah di bawah peringkat negeri, di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan bukan dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan memang peka mencari jalan bagaimana kita hendak meningkatkan prestasi badan-badan berkanun ini. Oleh itu beberapa tahun yang lepas, kita telah menyaksikan beberapa badan berkanun telah pun dicorporatisekan, malah ada juga telah diprivatise. Ini adalah ke arah matlamat untuk meningkatkan prestasi dan sumbangan badan-badan ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga menyentuh mengenai letaknya peruntukan mengenai pegawai yang terlibat dalam politik, ini juga tidak tertinggal, ianya adalah masuk dalam Peraturan 20, Jadual

Kedua akta ini yang telah menggariskan dengan jelas mengenai penglibatan pegawai pegawai kerajaan dalam politik.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak telah menyentuh mengenai soalan penamatan ataupun pembuangan kerja. Jelas dalam Seksyen 12, akta ini perkataan digunakan adalah 'penamatan bekerja' dan bukan 'pembuangan kerja'. Pembuangan kerja adalah satu hukuman tatatertib dan pegawai diberi peluang untuk membuat rayuasi secara sendiri atau dengan peguam, rayuan di Mahkamah Sivil ataupun diwakili oleh seorang peguam atau jika tidak mampu, ia dapat diwakili oleh wakil dari Biro Bantuan Guaman. Badan berkanun tidak boleh menyediakan bantuan guaman ataupun panel peguam untuk pekerja yang dibuang kerja kerana bertentangan dengan kepentingan badan berkenaan.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Senator Hajah Azizah yang menyentuh mengenai peristiwa Sauk, perkara ini dapat diambil tindakan oleh kementerian atau jabatan yang lain dengan menggunakan akta-akta termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri, maka ianya tidak perlu kita masukkan dalam akta ini.

Begitu juga seperti saya sebut tadi mengenai penglibatan dalam politik memang juga masuk dalam perkara 20. Kita memang sedih kerana baru-baru ini sindrom memfitnah adalah begitu berleluasa dan ianya merebak begitu cepat dan boleh mengancam keselamatan negara. Maka, kita berharap semua yang berkenaan akan mengambil tindakan dan saya pasti pihak-pihak yang ada kuasa akan menentukan pihak-pihak yang menjalankan kerja fitnah ini dapat diambil tindakan supaya mereka dapat berhenti menjalankan fitnah di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Zaleha tadi menyentuh mengenai Seksyen 2(1) Akta, Jadual Pertama. Memang dengan sengajanya beberapa badan yang disebut tadi, akta ini tidak terpakai kepada tujuh badan berkanun seperti di Jadual Pertama kerana badan berkanun ini ada skim perkhidmatannya sendiri. Ia juga ada prosedur tata tertib sendiri yang cukup dan mantap dan dianggapkan oleh kerajaan cukup untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dalam badan-badan tersebut.

Dengan itu, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersusah-payah untuk mengambil bahagian dan pandangan-

pandangan yang begitu bernas dan baik akan diambil sebagai panduan untuk kementerian untuk mencari jalan bagaimana kita hendak meningkatkan prestasi dan menambahkan sumbangan badan-badan berkanun kepada negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang se bagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama dan Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang dinamakan Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS Agreement) yang telah dipersetujui oleh negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia iaitu WTO, dengan ringkas, termasuk Malaysia dalam bulan April 1994 telah mewujudkan satu garis panduan yang seragam mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan harta

intelekt di kalangan negara-negara ahli WTO dan ia perlu dipatuhi oleh semua negara ahli.

Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS, semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk Akta Paten 1983. Bagi Akta Paten 1983, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan untuk diselaraskan dengan peruntukan perjanjian TRIPS adalah seperti berikut:

(i) **Pindaan Seksyen 35, Akta Ibu Bagi Mewujudkan Tempoh Perlindungan Paten Selama 20 Tahun Dari Tarikh Pemfailan.**

Pada masa ini, undang-undang paten negara kita memberi perlindungan selama 15 tahun yang dikira dari tarikh pemberian paten. Perjanjian TRIPS telah mewujudkan tempoh perlindungan selama 20 tahun dari tarikh pemfailan. Ini adalah untuk memastikan bahawa sesuatu reka cipta yang dipohon untuk dipatenkan akan dilindungi sebaik sahaja ia mula difailkan. Peruntukan baru ini bertujuan untuk memberi perlindungan yang secukupnya kepada pemilik paten. Tempoh perlindungan selama 20 tahun itu tidaklah dianggap sebagai perlanjutan tempoh paten kerana tempoh pemberian paten biasanya mengambil masa kira-kira 5 tahun daripada tarikh ianya difailkan.

Oleh itu, tempoh perlindungan selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan itu dirasakan munasabah bagi memastikan tidak ada peniruan paten semasa ianya dalam proses pemeriksaan untuk pemberian geran. Selaras dengan perubahan ke atas tempoh perlindungan paten, tempoh perlindungan bagi pembaharuan utiliti juga dipinda iaitu daripada 5 tahun dari tarikh pemberian geran kepada 10 tahun daripada tarikh pemfailan. Pindaan ini juga adalah selaras dengan kehendak perjanjian TRIPS.

(ii) **Mengemas Kini Peruntukan Sedia Ada Bagi Membolehkan Pemberian Paten Ditolak Atas Sebab Berlawanan Dengan Prinsip Moral.**

Tujuan peruntukan ini adalah untuk memberi kelonggaran kepada pihak berkuasa pendaftaran paten menolak pemberian paten ke atas mana-mana reka cipta yang didapati berlawanan dengan prinsip moral. Misalnya, reka cipta yang membolehkan diubah sifat manusia dan binatang.

(iii) **Mengemasikini peruntukan seksyen 49 Akta Ibu iaitu mengenai syarat-syarat mendapat lesen wajib.**

Peruntukan yang sedia ada membolehkan mana-mana orang membuat permohonan untuk mendapatkan lesen wajib bagi mengeksploitasi sesuatu paten sekiranya paten itu tidak dieksploitasi selepas tiga tahun mendapat pemberian paten atau sekiranya produk daripada paten berkenaan tidak terdapat di Malaysia atau produknya terdapat di Malaysia tetapi harganya tinggi dan tidak mampu memenuhi kehendak pengguna.

Perjanjian TRIPS mengenakan syarat bahawa pemohon yang ingin mendapat lesen wajib hendaklah terlebih dahulu berusaha untuk mendapatkan kebenaran daripada pemilik paten dalam jangka masa yang munasabah tetapi tidak berjaya mendapatkannya.

Dengan itu, pindaan ini bertujuan memasukkan syarat tersebut ke dalam seksyen 49 Akta Ibu yang sedia ada. Di samping itu, pindaan juga dibuat ke atas seksyen 53 bagi menjelaskan lesen wajib tidak boleh diserahkan dan pembekalan produknya hanya terbatas dalam Malaysia sahaja.

(iv) **Pindaan bagi membenarkan *parallel import*.**

Cadangan pindaan ini melibatkan seksyen 58 Akta Ibu bagi membenarkan aktiviti import bagi produk yang dipatenkan selepas produk itu dipasarkan di mana-mana negara luar Malaysia. Ia adalah untuk memastikan bahawa wujud persaingan harga yang sihat. Adalah diharapkan bahawa

persaingan itu akan membolehkan pengguna untuk mendapat produk yang tulen pada harga yang lebih berpatutan.

(v) **Peruntukan bagi menjelaskan hak-hak kerajaan untuk mengeksploitasi sesuatu paten dalam keadaan tertentu.**

Seksyen 84 Akta ini akan dipinda bagi menjelaskan hak-hak kerajaan yang sedia ada dalam mengeksploitasi sesuatu paten. Pindaan itu bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan itu dengan kehendak perjanjian TRIPS. Hak-hak kerajaan dalam mengeksploitasi sesuatu paten tanpa persetujuan pemunya paten adalah terhad dalam keadaan tertentu sahaja. Keadaan tertentu yang dimaksudkan termasuklah keadaan darurat.

Selain daripada itu, eksploitasi sesuatu paten boleh juga dibenarkan oleh Menteri jika pihak berkuasa kehakiman atau pihak berkuasa yang berkenaan telah memutuskan bahawa pemunya paten telah mengeksploitasikan patennya dengan cara antipersaingan.

Dalam keadaan-keadaan di atas, pemunya paten mesti diberitahu dengan segera cadangan mengeksploitasi patennya dan dia mestilah dibayar saraan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak perjanjian TRIPS, pindaan ke atas seksyen 37 Akta Paten 1983, juga dicadangkan untuk membenarkan pembuatan sampel ubat-ubatan yang masih dalam tempoh paten bagi tujuan mendapat kelulusan pihak berkuasa. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan pengusaha ubat-ubatan generik mendapat kelulusan pihak berkuasa lebih awal supaya ubat-ubatan itu dapat dipasarkan sebaik sahaja tempoh sesuatu paten tamat. Pengeluaran ubat-ubatan generik adalah berfaedah kepada pengguna kerana ia adalah lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya cadangan pindaan-pindaan ini akan menjadikan undang-undang paten negara kita selaras dengan undang-undang paten di negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) iaitu mengikut

sebagaimana yang dipersetujui di bawah perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Dengan itu, ia diharapkan boleh menggalakkan lagi pelaburan dan aktiviti perdagangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**4.56 ptg.**

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyertai perbahasan mengenai Akta Paten (Pindaan) 2000 ini. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan bahawa Akta Paten 1983 mematuhi perjanjian tentang aspek-aspek yang berhubungan dengan perdagangan bagi hak harta intelek 1994 atau yang lebih dikenali dengan perjanjian TRIPS.

Apa yang saya lihat sebagai langkah yang munasabah ialah seksyen 35 Akta 291 dalam perubahan jangka masa tempoh perlindungan dari 15 tahun ke-20 tahun mengikut perkara 33 perjanjian TRIPS. Tempoh yang sedia ada ialah 15 tahun dari tarikh pemberian paten sementara tempoh baru ialah 20 tahun dari tarikh permohonan untuk mendapatkan sesuatu paten difailkan. Mengikut pengalaman secara purata masa yang diambil dari permohonan hingga ke tarikh pemberian dijangka memakan masa antara satu setengah ke-dua setengah tahun dan ada kalanya menjangkau lima tahun.

Usaha dan langkah untuk menyelaraskan tempoh perlindungan mengikut perjanjian TRIPS adalah tepat waktunya memandangkan era globalisasi yang melanda dunia sekarang dan negara kita adalah ahli anggota WTO. Peningkatan masa perlindungan tersebut akan juga memberi sesuatu reka cipta lebih masa untuk mengemaskinikan pendaftaran sementara juga membolehkan peningkatan sesuatu ciptaan semasa ia memasuki konteks, dengan izin, commercialization dan akan mendapat pulangan yang optimum sebelum sesuatu ciptaan itu dibenarkan untuk digunakan oleh semua.

Kemasukan subseksyen baru (1a) ke dalam seksyen 37 Akta 291 yang bertujuan untuk membenarkan kerja-kerja penyediaan sampel ubat-ubatan yang masih ada jangka masa patennya yang mana sampel tersebut hanya dihantar untuk pendaftaran adalah juga dialu-alukan. Ini akan membolehkan industri farmaseutikal tempatan memasarkan ubat-ubat generik sebaik sahaja habis tempoh yang ada sekarang. Memandangkan industri farmaseutik di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya yang mana beberapa ubat-ubatan telah dieksport terutama ke Timur Tengah, Benua Afrika dan juga Eropah Timur, negara-negara ini membeli dari Malaysia kerana mutu pengeluaran yang tinggi dan juga harga yang berpatutan kerana ubat-ubatan kita adalah berbentuk generik.

Bercakap tentang ubat-ubatan di bawah paten ini, kita harus jangan lupa bahawa ubat-ubatan yang di bawah paten berharga lebih mahal dari ubat-ubat generik, pindaan tersebut amat tepat pada waktunya. Biasanya ubat-ubat generik berharga cuma satu persepuluh dari harga ubat yang sama yang dipatenkan dan dengan berbentuk generik akan membolehkan lebih ramai pesakit membeli.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melangkah kepada era baru di mana tahap persaingan akan menjadi lebih sengit terutama dengan adanya e-perdagangan atau perdagangan elektronik di mana barangan dijual dengan begitu murah kerana pasaran mereka adalah global dan besar. Juga mereka telah mengetepikan sebarang orang tengah untuk sampai kepada para pengguna melalui Internet dan dengan itu kos dapat dikurangkan. Dengan perkembangan itu semua perniagaan terpaksa menceburi R&D, dengan izin, atau penyelidikan dan pembangunan dari segi teknologi barangan punca bahan mentah dan semua aspek yang dapat mencapai matlamat berikut:

- (i) mengurangkan kos pengeluaran;
- (ii) barangan dipasarkan di seluruh dunia, dengan izin, *global market place*;
- (iii) barangan atau ciptaan yang ulung seperti yang dipatenkan dan paling bagus dipatenkan
- (iv) membolehkan kita membenarkan pengeluaran di negara-negara lain melalui pelesenan di mana *royalties*, dengan izin, dapat dikutip;

- (v) mengurangkan risiko ekonomi atau *economic risk*, dengan izin, dengan adanya perusahaan atau perdagangan pelbagai negara; dan
- (vi) mendapatkan punca dana dari pelbagai pasaran dunia dan dengan itu dapat memilih kos kewangan yang paling optimum.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha menuju kepada penyelidikan teknologi baru ini kerap disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan beberapa dana berupa geran telah pun disediakan oleh beberapa kementerian seperti MITI, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan Utama dan mungkin lain-lain kementerian lagi. Juga pihak universiti-universiti diberi geran untuk matlamat yang sama. Sektor swasta pula telah memeteraikan beberapa perjanjian usaha sama dengan Institut Penyelidikan Tinggi dan badan-badan statutory dalam usaha-usaha menyelidik rekacipta dan teknologi yang ulung yang inovatif dan mempunyai nilai komersial yang tinggi. Dalam saya merumuskan dokumen-dokumen yang dibekalkan kepada kita, didapati negara kita telah pun menceburi penyelidikan dengan begitu pesatnya. Secara ringkas, PORIM dalam tahun 1998 sebanyak 226 projek penyelidikan dijalankan untuk meningkatkan industri kelapa sawit. Dari jumlah ini, 52 berjaya diselesaikan dan sebanyak 69 kertas saintifik dan teknologi telah diterbitkan dalam jurnal PORIM dan jurnal Antarabangsa.

Di Universiti Sains Malaysia pula sebanyak 174 projek penyelidikan dijalankan dengan menggunakan geran IRPA sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh. USM pula menerima peruntukan sebanyak RM42 juta sepanjang tiga tahun pertama iaitu 1996 hingga 1998. Dan sepanjang tahun 1998 USM telah mengenal pasti 10 projek penyelidikan yang boleh diketengahkan untuk tujuan komersial. FRIM pula dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk menjalankan penyelidikan mengenai hutan secara mapan. Di Lembaga Getah Malaysia, penyelidikan dan pembangunan masih merupakan tanggungjawab utama selaras dengan penekanan kerajaan terhadap perkilangan plus-plus di bawah Plan Induk Perindustrian Dua atau, dengan izin, Industrial Master Plan Two. Tumpuan

yang lebih telah diberikan kepada penyelidikan hiliran dan pemasaran barang getah tambah nilai atau value added, dengan izin.

Selain dari itu program penyelidikan yang lebih fokus untuk sektor huluan (upstream) sedang dilaksanakan bertujuan memperbaiki daya saing tanaman getah asli serta pemindahan teknologi yang lebih efektif kepada pekebun kecil.

Di UKM pula tahun 1998 telah menjalankan 158 projek penyelidikan dengan jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM46.4 juta di bawah RMK 7 dan UKM juga menerima Anugerah Pereka Cipta Negara. Tidak payahlah saya sebut kejayaan institusi lain seperti UTM, Universiti Malaya, MARDI dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari analisa ringkas ke atas beberapa institusi tersebut dapat kita simpulkan bahawa negara kita amat peka dalam pengiktirafan perlunya penyelidikan dan pembangunan untuk membawa negara kita ke tahap negara maju setanding dengan negara-negara maju yang lain. Sementara kesemua penyelidikan ini melahirkan beberapa ciptaan dan rekaan, usaha-usaha tersebut tidaklah harus berhenti di tahap, dengan izin, prototype sahaja atau perintis sahaja. Langkah-langkah positif harus diambil untuk meneruskan kajian tersebut sehingga ke tahap nilai komersial dapat direalisasikan. Dan untuk melindungi hak-hak rekacipta tersebut mereka harus dipatenkan. Kesemua kejayaan dalam ciptaan tersebut harus disebarkan kepada sektor swasta dan kalau boleh penyelidikan tersebut harus dijalankan secara usaha sama dengan sektor swasta terus daripada mulanya penyelidikan tersebut dijalankan. Umpamanya syarikat-syarikat besar seperti Multinasional, dengan izin, sentiasa mempertingkatkan mutu pengeluaran mereka dengan pelaburan R&D yang begitu tinggi untuk sementara menggunakan institusi pengajian tinggi untuk penyelidikan tersebut agar mereka sentiasa mengeluarkan barangan yang lebih inovatif, lebih berguna dan berkesan dari pesaing-pesaing mereka.

Tidak dinafikan pihak kerajaan telah mewujudkan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk melaksanakan projek berkenaan secara usaha sama dengan sektor swasta. Walau bagaimanapun, saya rasa masih banyak lagi ruang untuk mempertingkatkan usaha-usaha dalam kita melangkah ke tahap komersial dan dengan itu kita dapat mencatatkan nilai tambahan kepada rekaan tersebut secara ketara (tangible).

Persoalan seterusnya ialah sekiranya pendaftaran paten hanya berlaku di Malaysia sahaja, ini tidak memadai kerana pasaran kita masih kecil untuk mendapatkan pulangan optimum. Juga saya percaya sektor swasta mengalami kerumitan mencari pembiayaan dalam sesuatu rekacipta atau barangan yang tidak mempunyai sejarah prestasi. Institusi-institusi kewangan dalam negara masih enggan membiayai sesuatu yang baru, yang ulung walaupun ia rekacipta yang dipatenkan. Pihak kerajaan telah mewujudkan MESDAQ iaitu bursa pasaran saham khusus untuk perusahaan berteraskan teknologi, tetapi perusahaan ini masih terlalu baru dan mungkin belum dapat lagi membuktikan manfaat yang mereka rancang dalam mempercepatkan dan menyokong pembangunan teknologi dalam negara ini.

Usaha-usaha seperti MESDAQ ini telah juga dilaksanakan di seluruh dunia. Jika kita tinjau bursa-bursa teknologi di negara-negara lain seperti di United Kingdom iaitu TEKSMART, di Hong Kong JEM, di Jepun adalah NESDAQ di Amerika Syarikat, NASDAQ. Kesemua bursa ini memberikan sokongan padu kepada pelabur-pelabur atau pengusaha-pengusaha yang ingin menerbitkan saham tanpa apa-apa operasi, cuma berteraskan paten dan sesuatu teknologi yang terbukti mempunyai potensi, nilai komersial yang tinggi dan akan dipasarkan secara global. Dana dari terbitan saham atau bon atau opsyen tersebut dapat digunakan untuk membolehkan sesuatu ciptaan itu mencapai tahap komersial. Struktur ini paling diperlukan terutama dengan kepesatan pertumbuhan syarikat IT atau Teknologi Maklumat di semua negara.

Walau bagaimanapun saya percaya yang MESDAQ akan bersedia dengan semua sokongan tersebut apabila bursa tersebut telah berjalan dengan aktif dan mantap. Besar kemungkinan juga reka cipta yang dilahirkan daripada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di negara ini tidak mencapai ke tahap komersial kerana kerumitan dari segi pembiayaan. Kalau inilah sebabnya kita akan ketinggalan dalam perlumbaan era baru ini di mana budaya niaga telah banyak berubah dan perniagaan dan perdagangan akan menjadi lebih rumit dengan persaingan yang sengit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar ditubuhkan satu badan yang khusus dipertanggungjawabkan untuk menjadi rakan kongsi universiti-universiti dan badan-badan penyelidikan untuk memberi input atau suntikan usaha-usaha dalam

merealisasikan sesuatu reka cipta sehingga tahap komersial iaitu termasuk paten dan perlesenan operasi pengeluaran atau yang dipanggil, dengan izin, licensing. Ini boleh kita dilaksanakan bersama dengan sektor swasta yang beroperasi dalam bidang tersebut atau mempunyai, dengan izin, synergy dalam operasi mereka. Sasaran tidak seharusnya hanya Malaysia tetapi apa-apa jua reka cipta di luar negara yang bertemakan, dengan izin, to capture value in technology that will shape the markets of tomorrow. Mungkin juga badan-badan seperti MTDC dan lain-lain yang serupa boleh memainkan peranan ini. Saya rasa bidang-bidang yang harus diberi pengkhususan ialah seperti berikut:

Pertama, bidang elektronik termasuk semi-conductor. Kedua, bidang teknologi maklumat (IT) iaitu termasuk pengurusan data dan teknologi Internet. Ketiga, bidang kesihatan iaitu medical in bio-technologies, dengan izin; dan keempat bidang agree business. Untuk menjamin badan tersebut akan berjaya ia harus beroperasi seperti berikut; pertama, mempunyai kepakaran dalam teknologi paten dan perlesenan. Dua, mempunyai kemahiran teknikal, kemahiran komersial, perundangan dan pemasaran. Tiga, kebolehan bekerja dan memahami pihak akademia, perindustrian dan perdagangan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan institusi kewangan di seluruh dunia. Keempat, mempunyai rangkaian global dari segi mencari rakan kongsi dalam merekaciptakan sesuatu paten dan melaksanakan operasi licensing atau perlesenan dan juga berkebolehan jika perlu mencari teknologi yang berkesampingan atau, dengan izin, complimentary technologies.

Yang kelima, beroperasi secara global dengan pejabat-pejabat di negara-negara yang strategik dengan menyediakan sokongan domestik dari segi perundangan dan budaya niaga, bahasa dan lain-lain. Adalah dijangkakan dengan pendekatan tersebut yang menyeluruh seperti yang dipanggil dengan izin, *one stop agency* maka visi negara untuk melahirkan dan menyokong ramai lagi pereka cipta dan saintis akan menjadi kenyataan. Justeru, negara kita akan lebih dikenali di seluruh dunia dari segi pembangunan teknologi. Selain daripada itu, langkah tersebut akan memberi perangsang kepada pereka cipta untuk bergiat dengan lebih gigih dan beriltizam tinggi dan juga kita dapat memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita agar Malaysia menerima Nobel Prize pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada rungutan-rungutan yang pernah didengar di kalangan saintis dan pereka cipta bahawa garis panduan ke atas mekanisme pembayaran royalti atau upah sesuatu reka cipta masih belum dikemaskinikan. Umpamanya, sekiranya seseorang pereka cipta itu telah berjaya dengan sesuatu ciptaan dan beliau adalah kakitangan kerajaan masih tidak ada panduan yang ketara atas imbuhan atau upah kepada hak beliau sebagai tuan punya hak intelek tersebut. Tidak dinafikan bahawa garis panduan tidak dapat digariskan kerana sekiranya kalau kita mengikut peratusan tiap-tiap reka cipta kita adalah pelbagai dari segi saiz. Apa yang mungkin disarankan ialah untuk merangkakan satu formula yang fleksibel tetapi mengoptimumkan kesemua pihak yang berkaitan iaitu dengan izin, win-win formula fleksibel agar ia dapat disesuaikan dengan satu-satu reka cipta, dengan ini minat pereka cipta dan saintis terus dapat dirangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya menyertai perbahasan ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**5.12 ptg.**

**Dato' Dr Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan saya akan tumpukan perhatian saya kepada tiga bahagian sahaja iaitu kepada seksyen 37 subseksyen (1), kepada seksyen 49 dan kepada seksyen 58A iaitu satu seksyen baru.

Kita selalu mendengar teguran-teguran daripada rakyat kita bahawa oleh kerana perjanjian TRIPS ini, maka sudah membawa banyak masalah kepada mereka. Mereka sekarang tidak boleh membeli barang-barang yang murah kerana dengan perjanjian ini kita kena memberi perhatian kepada hak-hak pencipta itu dan oleh kerana itu kita tidak boleh membenarkan lagi barang-barang tiruan, barang-barang generik dan barang-barang yang lebih murah.

Dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan ini saya nampak ada dua bahagian yang mungkin sedikit sebanyak boleh mengatasi teguran-teguran ini. Yang pertama, tentang satu seksyen baru iaitu 58A ini. Ada dibenarkan bahawa import-import itu

boleh dibenarkan masuk ke Malaysia dan dengan berbuat demikian maka sudah ada persaingan-persaingan daripada pengimport-pengimport itu dan dengan berbuat demikian maka tentulah harga itu akan turun dan kalau harga itu turun maka pihak pembeli iaitu rakyat kita akan menikmati kemudahan-kemudahan penurunan harga ini.

Jadi seksyen yang baru 58A yang membenarkan import-import ini adalah sangat dialu-alukan dan saya harap dengan mengadakan seksyen ini maka sekurang-kurangnya sedikit daripada teguran itu dapat dijawab seolah-olah kerajaan tidak mengambil berat tentang kepentingan rakyat.

Di bawah subseksyen (1A) pindaan kepada seksyen 37 ini ada diperuntukkan bahawa sesuatu pihak yang ingin menyerahkan maklumat tentang pembangunan dan menyerahkan maklumat lain kepada pihak yang berkuasa, boleh berbuat demikian dan ini tidak dianggap sebagai satu kesalahan di bawah paten itu. Oleh kerana paten sekarang dipanjangkan masanya sehingga 20 tahun apabila peruntukan (1A) ini diguna pakai kita harus mengadakan prosedur yang menyatakan bila masa penyerahan maklumat itu yang melibatkan pembangunan sesuatu ubat-ubatan itu boleh disampaikan kepada pihak berkuasa.

Pihak berkuasa harus menentukan apakah masa yang diperlukan untuknya untuk menimbang penyerahan maklumat ini untuk mengkaji aspek-aspek yang penting dan kemudian untuk membuat satu keputusan. Bagi saya, kalau pihak ini diperlukan menyerahkan maklumat ini sangat awal maka dalam perkembangan ubat-ubatan itu apabila keputusan dibuat mungkin tidak begitu berkesan lagi dari segi keberkesanan ubat yang berkenaan. Kalau masa itu terlalu singkat, kalau sudah dekat habis tempoh untuk maklumat ini disampaikan kepada pihak berkuasa, maka ada kemungkinan apa yang diharapkan iaitu supaya satu ubat-ubatan generik itu dapat dipasarkan sebaik sahaja paten itu tamat maka itu pun tidak tercapai. Jadi dalam hal ini, sungguhpun ada banyak bahagian (1A) dalam seksyen 37 ini untuk memberi satu peluang kepada pihak-pihak yang ingin mengeluarkan atau menghasilkan ubat-ubatan generik itu, maka prosedur-prosedur yang harus diikuti supaya mencapai hasrat ini patut kita umumkan dan patut kita beritahu.

Kita tidak mahu satu keadaan di mana maklumat ini diperlukan terlalu awal sehingga apabila keputusan dibuat maka keberkesanan ubat-ubatan itu tidak begitu baik lagi dan kita tidak mahu satu keadaan di mana maklumat ini disampaikan terlalu lewat. Apabila keputusan dibuat nanti maka kos-kos ubat-ubatan generik ini tidak dapat dinikmati oleh rakyat.

Dalam pindaan kepada seksyen 49 ada dikatakan bahawa sesuatu lesen wajib boleh dikeluarkan selepas pihak berkenaan menunjukkan rundingan di antara mereka yang diberi paten dengan orang yang meminta menggunakan paten itu tidak mencapai hasratnya iaitu selepas sesuatu tawaran yang munasabah telah dibuat tetapi dalam tempoh yang dianggap adil maka satu persetujuan tidak dapat dicapai.

Oleh kerana itu, maka lesen wajib boleh dikeluarkan oleh kementerian. Untuk mengelakkan daripada sebarang pertikaian di antara kedua-dua pihak ini supaya proses pengeluaran lesen wajib itu tidak dapat dicabar di mana-mana mahkamah, maka apa yang disebutkan sebagai rundingan yang munasabah di antara kedua-dua pihak itu harus juga diberi pertimbangan dan juga kita harus mengadakan prosedur untuk menentukan bagaimana sesuatu keputusan itu dapat dibuat supaya kita melaksanakan keadilan kepada kedua-dua pihak ini.

Tentu rakyat kita yang minta ini mengharapkan perlindungan yang lebih daripada kerajaan dan kalau kita enggan mengeluarkan lesen wajib maka orang ini tentu akan kata bahawa kita tidak mementingkan rakyat kita. Kalau kita tidak mengambil kira pendapat-pendapat si paten itu, maka pihak itu juga boleh menuduh kita sebagai tidak memenuhi perjanjian TRIPS ini. Dengan demikian, adalah diharapkan bahawa satu prosedur yang jelas untuk menentukan bagaimana sesuatu rundingan itu adakah munasabah atau tidak kepada kedua-dua pihak itu, harus diterbitkan atau harus diadakan di kementerian supaya ia menjadi satu garis panduan yang telus dan jelas supaya mana-mana pihak tidak boleh menyalahkan kementerian dan juga kerajaan kita.

Itu adalah komen-komen saya tentang tiga bahagian yang saya anggap penting. Untuk bahagian-bahagian yang lain, maka penjelasan juga telah diberi.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**5.23 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kepada pihak kerajaan kerana Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000 dapat dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu kejutan sedikit kerana sebenarnya Rang Undang-undang Paten yang hendak dikemukakan ke Dewan ini ia memberi lesen, satu lesen kepada cerdik pandai seluruh dunia untuk mengemukakan idea-idea yang boleh memberikan satu kejutan kepada ekonomi dan pada masa yang sama menghalalkan satu keadaan monopoli kepada idea itu.

Kita memang sedar bahawa dalam era globalisasi ini ekonomi seluruh dunia akan berasaskan kepada pengetahuan, *knowledge-based economy*, dengan izin, dan memang benar setakat ini kalau mengikut statistik, Tuan Yang di-Pertua, ramai millionaire-millionaire diwujudkan di negara ini berasaskan kepada idea. Saya ingin memetik satu ungkapan dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, "*Never in the history of human wealth creation has so much been patented so quickly by so many*". Ini orang-orang cerdik pandai, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali di Silicon Valley, Lembah Silikon, di mana sekarang ini mereka menggunakan idea dengan penyelidikan dan pembangunan, dua tiga empat orang, selepas itu pergi ke pejabat paten, beribu-ribu paten di Amerika ini, selepas itu register dan kebanyakannya gagal tetapi ada yang berjaya sehinggakan ianya telah - ini dari segi *material*lah, ini telah pun mewujudkan 300 billionaire dan 5 milion millionaire. Bahkan Silicon Valley sahaja menambah 64 millionaire setiap hari, orang yang menggunakan ilmu pengetahuan ini.

Jadi, saya hendak bertanya di mana kah Malaysia dalam konteks sebegini rupa, adakah ianya merupakan satu lagi cara untuk menjajah negara-negara yang tidak mampu hendak membuat penyelidikan dan pembangunan kerana ini telah wujud, Tuan Yang di-Pertua, di mana kita dapati cara penjajahan semacam ini dibuat terhadap tumbuh-tumbuhan herba di negara-negara membangun.

Saya ingin membuat satu lagi petikan, dengan izin, "*The current politic of biotechnology and biodiversity tantamount to the legalized tab of tropical country biowealth by transnational corporation*", ia menghalalkan pencurian oleh syarikat-

syarikat multinasional, syarikat-syarikat transnational, syarikat-syarikat antarabangsa mencuri-curi tumbuh-tumbuhan di negara-negara yang banyak mempunyai hutan-hutan belantara tropika seperti Taman Negara kita, di Indonesia, di Brazil dan sebagainya. Dia pergi curi, dia selidik dan kebanyakannya mereka ini membuat paten.

Macam kuinin, Tuan Yang di-Pertua, kuinin – Senator Datuk Long Jidin tidak ada, kuinin sebenarnya berasal-usul daripada tempat kita, di Sumatera dan juga di Malaysia. Kini perkataan ‘kuinin’ sinonim dengan malaria dan dibuat di tempat lain dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak untungnya kuinin ini kerana penyakit-penyakit di tropika tidak dapat menguntungkan syarikat-syarikat besar, kebanyakan penyelidikan dari segi ubat-ubatan oleh farmasi-farmasi, bukan ubat-ubat yang diperlukan oleh negara-negara membangun, negara-negara tropika seperti malariakah, penyakit purukah, tidak tahulah banyak lagi penyakit-penyakit di negara-negara tropika kerana duit tidak ada. Dia menggunakan penyelidikan dan pembangunan untuk membuat, mencari pengubatan penyakit-penyakit yang wujud di Amerika, yang wujud di Eropah negara-negara yang maju.

Jadi, lagi sekali kita ketinggalan, sudahlah curi barang-barang kita, herba-herba kita, dari penyelidikannya juga tidak bertumpu kepada kita. Jadi, ini merupakan satu masalah besar kepada negara-negara membangun setelah kita menganggotai perjanjian-perjanjian seperti TRIPS ataupun di atas tuntutan-tuntutan syarat-syarat yang dibuat oleh Badan Perdagangan Antarabangsa (WTO) di mana sekarang lebih 130 buah negara telah pun memersetujui.

Persetujuan itu menghalalkan satu lagi kegiatan penjajahan, pasal kita ini tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan, saya tengok pembangunan dan penyelidikan di negara kita ini sepatutnya 1% daripada KDNK – (Keluaran Dalam Negara Kasar), tetapi setakat ini sampai 0.6%-0.7% pun susah dan kita mempunyai 38 institusi-institusi kerajaan, 14 institusi pengajian tinggi yang telah pun mengeluarkan 5,232 projek-projek. Tetapi yang berjaya untuk dari segi nilai *commercialization* nya 14.11% sahaja atau jumlah 738 projek dan daripada situ hanya 268 atau 5.12% sahaja yang *dicommercialize*kan, yang boleh dijaja dan digunakan oleh sektor-sektor swasta.

Daripada 268 ini amat kecil kalau dibandingkan dengan kewangan yang digunakan, saya hendak quotekan di tempat-tempat lain, di negara-negara seperti Amerika misalnya, Tuan Yang di-Pertua, bantuan kerajaan kepada petani sahaja untuk membuat kerja-kerja di sini, di Amerika Syarikat USD22 bilion dan USD16 bilion pada tahun 1998, USD22 bilion pada tahun 1999 terutama sekali dalam bidang gandum, jagung, inilah yang sekarang GMO - Genetically Modified Product yang dibuat GM-GM ini, di mana Tuan Yang di-Pertua, Mosanto sekarang ini dia buat satu penyelidikan terutama sekali gandum kacang soya, dekat 6 juta hektar di Amerika. Dia tanam itu selepas itu dia keluarkan biji-bijian itu untuk dieksport ke negara-negara seperti Eropah, dia tidak bawa ke sini dan binatang-binatang pun takut hendak makan.

Jadi, benda ini sekarang dari segi produktiviti melipat ganda, dia jual, dia *flux the market*, dengan izin, curah kepada pasaran. Tetapi tidak seorang pun sekarang ini sungguhpun ada buat kajian, yang mengetahui apakah akibatnya kepada dari segi kesihatan pengguna. Banyak negara di Eropah sekarang ini menyekat produk daripada Mossanto ini terutama sekali kacang soya untuk dieksport ke negeri-negeri kerana mereka masih lagi berwaspada dari segi impak kesihatan daripada *genetically modified* kacang soya.

Perkara-perkara semacam ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah adakah beras yang kita keluarkan ini kita mempunyai paten, pasal *Basmathi* sekarang dipatenkan di Amerika, beras *Basmathi* yang dibuat di India yang keluar secara biasa, Tuan Yang di-Pertua, Amerika sudah buat paten. Ini betul, profesor cakap betul, sahabat saya.

Sebenarnya benda ini kepunyaan negara seperti India, Pakistan, Malaysia saya ingat tidak ada *Basmathi*. Hari ini saya kekurangan support, Tuan Yang di-Pertua, pasal Yang Berhormat Senator Datuk Long Jidin yang specialize dari segi beras-beras bukit ini, padi bukit, tidak ada. Kalau tidak dia akan bantu saya bagi menentukan supaya kita sendiri membuatkan paten-paten.

Saya hendak tanyalah kepada sahabat saya Timbalan Menteri, berapa banyak paten biotechnology kerana Tuan Yang di-Pertua, era abad ke-20 ini merupakan abad biology, era 21 ini. Era 20-an dahulu abad fizik dan perkara yang paling besar sekali

di negara kita di Asia, the next Asia's big thing, dengan izin, ialah ubat-ubatan, drug, di mana tidak masuk herba dari segi pasarannya USD60 bilion, USD60 bilion ini kiranya besar, Tuan Yang di-Pertua. Kita punya KDNK RM78 bilion, jadi ini USD60 bilion kali RM3.80. Jadi, besar dan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tangguh sampai besok. Sambung besoklah, Yang Berhormat,

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan kepada pukul 10.00 besok hari.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.*

31 Julai 2000

#### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

“ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan,

- Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)

- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**Bentara Mesyuarat**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**Petugas -Petugas Cawangan Dokumentasi**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Abu Bakar bin Hasan

**Petugas -Petugas Cawangan Komputer**

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

**Petugas -Petugas Cawangan Mesin Cetak**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

MESYUARAT KEDUA

---

**Jilid II**

**Bil. 20**

**Isnin**

**31 Julai 2000**

---

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

– Y.B. Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Halaman 1)

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional  
Berhad (Pindaan)2000 (Halaman 24)

Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pemubaran) 2000 (Halaman 57)

Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Halaman 65)

Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000 (Halaman 103)

DN.31.7.2000

126